



LAPORAN TAHUNAN

2022

ANNUAL REPORT

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION



**"INTEGRITI DIJULANG,
NEGARA BERMARUAH"**

01

02

03

Perutusan Pengerusi <i>Chairman's Message</i>	1	Maklumat Korporat <i>Corporate Information</i>	9	Carta Organisasi <i>Organizational Chart</i>	21
		• Pengenalan <i>Introduction</i>	10	• Barisan Pesuruhjaya <i>The Commissioner</i>	22
		• Logo <i>Logo</i>	11	• Pengurusan Tertinggi <i>The Top Management</i>	25
		• Visi, Misi dan Moto <i>Vision, Mission and Motto</i>	13		
		• Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] <i>Enforcement Agency Integrity Commission Act 2009 [Act 700]</i>	14		
		• Agensi Penguatkuasaan Seliaan EAIC <i>EAIC's Supervisory Enforcement Agencies</i>	17		
		• Piagam Pelanggan <i>Client's Charter</i>	19		

ISI KANDUNGAN

TABLE OF CONTENTS

04

Pencapaian 2022 <i>2022 Achievements</i>	29
• Bahagian Operasi <i>Operations Division</i>	30
• Bahagian Dasar <i>Policy Division</i>	51
• Bahagian Undang-Undang <i>Legal Division</i>	94
• Bahagian Komunikasi Korporat <i>Corporate Communications Division</i>	103
• Bahagian Khidmat Pengurusan <i>Management Services Division</i>	144
• Unit Integriti <i>Integrity Unit</i>	165

05

Perancangan 2023 <i>2023 Planning</i>	175
---	------------

06

Sorotan 2022 <i>Highlights of 2022</i>	187
--	------------

07

Penyata Kewangan <i>Financial Statement</i>	219
---	------------

08

Sijil Ketua Audit Negara <i>Auditor General's Certificate</i>	233
---	------------



01

PERUTUSAN PENGERUSI
CHAIRMAN'S MESSAGE

PERUTUSAN PENGERUSI

CHAIRMAN'S MESSAGE



Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Saya bagi pihak Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan EAIC bagi tahun 2022. Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan ini merupakan wadah bagi menerangkan pencapaian EAIC dalam memenuhi aspirasi penubuhannya; selaras dengan sasaran Kerajaan untuk menyemai dan meningkatkan integriti dalam kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan seliaan demi memperkukuh keyakinan orang ramai terhadap mereka.

On behalf of the Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC), I am pleased to present EAIC's Annual Report and Financial Statement for the year 2022. This Annual Report and Financial Statements is an avenue to expound EAIC's achievements in fulfilling its founding aspirations; in line with the Government's goal to instill and enhance integrity amongst enforcement officers and supervisory enforcement agencies in order to strengthen the public's confidence in them.

RANGKUMAN 2022

2022 SUMMARY

Sepanjang tahun 2022, EAIC telah menerima sebanyak 704 aduan kebanyakannya terhadap agensi penguatkuasaan seliaannya tetapi termasuk ada juga agensi penguatkuasaan lain yang bukan di bawah seliaannya. Semua aduan yang diterima dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Aduan (JKA) yang bersidang pada setiap hari bekerja untuk meneliti, menimbang dan memberikan pengesyoran tindakan sewajarnya ke atas aduan, dan seterusnya dibentangkan dalam Mesyuarat Suruhanjaya untuk pertimbangan dan kelulusan Suruhanjaya. Dalam tahun 2022, sebanyak 704 jumlah aduan telah diterima. Daripada jumlah tersebut, 612 fail aduan telah dibuka dan 535 fail aduan telah selesai diputuskan dalam Mesyuarat Suruhanjaya secara fizikal, sidang video dan Mesyuarat Suruhanjaya Secara Resolusi. Sebanyak 50 fail siasatan telah dibuka daripada 612 fail aduan tersebut yang mana 23 fail siasatan telah diselesaikan.

Throughout the year 2022, EAIC received a total of 704 complaints against its supervisory enforcement agencies as well as other non-supervisory enforcement agencies. All complaints received were presented in the Complaints Committee Meeting (JKA) which convenes on every working day to examine, weigh and recommend the appropriate action on the relevant complaints, and subsequently presented in the Meeting of the Commission (MS) for the Commission's consideration and approval. In 2022, 704 complaints were received in which 612 complaint files were opened and a total of 535 complaint files were decided in Meeting of the Commission physically, by video conference and via Resolution Commission Meeting. Out of the 612 opened complaint files, only 50 investigation files were opened in which out of that number, a total of 23 investigation files were successfully completed.

Alhamdulillah EAIC tidak lagi mempunyai sebarang tunggakan aduan dan siasatan yang diterima dari tahun 2011 hingga 2021. Langkah EAIC dengan mengadakan Mesyuarat Suruhanjaya secara fizikal dan sidang video sebanyak 12 kali setahun dan juga Mesyuarat Suruhanjaya Secara Resolusi pada setiap hari bekerja telah mempercepatkan proses menyelesaikan aduan dan menyumbang kepada kejayaan ini. Inisiatif dan momentum ini akan terus dikekalkan dan dipergiat pada masa akan datang bagi memastikan tiada sebarang tunggakan berlaku dalam penyelesaian aduan dan siasatan.

Praises be to Allah, EAIC no longer carries any arrears of unresolved complaints and investigations that were received from the year 2011 to 2021. EAIC's measures of holding the Meeting of the Commission physically and by video conference 12 times throughout the year as well as the Resolution Commission Meetings (MS Resolution) on a daily basis that were held on every working day have speed up the process of resolving complaints contributing to this success. This initiative and momentum will be maintained and intensified in the future to ensure that there are no backlogs in resolving complaints and investigations.

Bukan sahaja menfokuskan kepada penyelesaian aduan dan siasatan, EAIC turut giat mempertingkat dan mengeratkan hubungan kerjasama antara EAIC dan agensi penguatkuasaan seliaan melalui sesi libat urus bersama dengan agensi penguatkuasaan. Sebanyak 20 sesi libat urus telah diadakan dengan memberi fokus kepada Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Polis Diraja Malaysia (PDRM) di setiap Kontinjen Negeri dan juga bersama dengan Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Imigresen Malaysia. Sesi libat urus yang diadakan telah berjaya mengenal pasti isu yang membelenggu dan cadangan penambahbaikan bagi EAIC serta agensi penguatkuasaan seliaan dalam melancarkan pengendalian aduan dan siasatan.

In conjunction with resolving complaints and investigations, EAIC is also moving actively in enhancing and strengthening the cooperation between EAIC and EAIC'S supervisory enforcement agencies via the Engagement Sessions (SLU) that were conducted with them. A total of 20 SLU were held focusing on several agencies including the Department of Integrity and Standard Compliance (JIPS) of the Royal Malaysia Police (PDRM) at each State Contingent and also the National Anti-Drug Agency (AADK), the Royal Malaysian Customs Department (JKDM), the Road Transport Department (JPJ) and the Malaysian Immigration Department (JIM). The SLU that were held have successfully identified the rising issues as well as the suggested improvements for EAIC and EAIC's supervisory enforcement agencies to adapt in expediting the handling of complaints and investigations.

Sudah pasti EAIC tidak dapat memberikan tumpuan yang sama kepada setiap agensi penguatkuasaan seliaan. Oleh yang demikian, dalam usaha memperkuatkhan jalinan kerjasama dengan semua agensi penguatkuasaan seliaannya, EAIC telah mengadakan Mesyuarat Koordinasi bersama dengan Ketua Jabatan Agensi Penguatkuasaan Seliaan. Dalam tahun 2022, Mesyuarat Koordinasi telah diadakan sebanyak dua kali iaitu pada 23 Jun 2022 dan 15 Disember 2022. Mesyuarat Koordinasi ini akan diadakan secara berterusan supaya ia menjadi platform utuh untuk membentuk jalinan kerjasama strategik, serta mengembangkan aspirasi pengukuhan integriti bukan sahaja dalam kalangan agensi penguatkuasaan seliaan, malah di EAIC sendiri.

It is certain that EAIC will not be able to dispense equal focus on each of EAIC's supervisory enforcement agencies. Therefore, as an alternative effort to enhance cooperation with all its supervisory enforcement agencies, EAIC has organized Coordination Meetings with all the Head of the Supervisory Enforcement Agencies. In 2022, the Coordination Meeting were held two times, namely on 23 June 2022 and 15 December 2022. The Coordination Meeting will be held continuously as a solid platform to build a network of strategic cooperation, as well as to develop the aspiration to enhance integrity not only amongst EAIC's supervisory enforcement agencies, but also within EAIC itself.

Pada tahun 2022, EAIC turut mempergiatkan kempen kesedaran dan pendidikan masyarakat untuk mencegah salah laku dalam perkhidmatan awam, khususnya 21 agensi penguatkuasaan seliaan. EAIC telah mengadakan 2 siri kempen E.R.A.T yang bermaksud *Encouraging, Responsibility,*

Accountability and Trustworthy. Kempen E.R.A.T siri yang pertama diadakan pada 26 hingga 30 Mei 2022 di Kelantan bagi Zon Pantai Timur, manakala kempen E.R.A.T siri yang kedua pada 8 hingga 10 Disember 2022 di Perak bagi Zon Utara untuk menyantuni masyarakat di sana.

In 2022, EAIC has also organized campaigns of public's awareness and education in regards to EAIC's role to combat and prevent misconduct in the public service, particularly amongst the 21 supervisory enforcement agencies. EAIC has organized two series of E.R.A.T which stands for Encouraging, Responsibility, Accountability and Trustworthy. The first series of the E.R.A.T campaign was held on 26 to 30 May 2022 in Kelantan for the East Coast Zone whilst the second series of the E.R.A.T was held on 8 to 10 December 2022 in Perak for the North Zone, as means to welcome the community there.

Selain kempen E.R.A.T di peringkat zon, kempen kesedaran dan pendidikan masyarakat menerusi EAIC On The Move turut dipergiatkan di kawasan dan lokasi tumpuan awam sekitar Lembah Klang. Tindakan proaktif dan turun padang ini membolehkan masyarakat lebih memahami fungsi dan bidang tugas EAIC.

Besides holding the E.R.A.T campaign at the zone level, the public's awareness and knowledge campaign was also intensified via a program called EAIC On The Move which was held at the public's central areas and locations around Klang Valley. Such proactive and on-the-field campaigns have allowed the public to better understand the functions and specific duties of EAIC.

Dalam memastikan penyampaian perkhidmatan EAIC dapat disampaikan dengan lebih meluas dan berkesan, EAIC turut mengambil inisiatif pemasangan iklan "Laporkan Salah Laku Penguat kuasa" di papan iklan billboard lebuh raya utama Maju Expressway (MEX). Selain itu, kempen pengiklanan turut diadakan melalui medium radio Hot FM. Pendekatan yang diambil ini telah membantu mempromosikan EAIC dan dilihat lebih dekat dengan masyarakat.

In ensuring EAIC's services can be more widely and effectively delivered, EAIC had also taken the initiative to install an advertisement in regards to "Laporkan Salah Laku Penguat kuasa" on an advertisement billboard situated at the main Maju Expressway (MEX) highway. Besides that, an advertising campaign was also conducted via the Hot FM radio channel. These efforts have helped to promote the role of EAIC and seemed to be more effective in reaching out to the public.

Pada tahun 2022 juga, EAIC buat pertama kalinya telah menganjurkan Majlis Apresiasi Bersama Dengan Agensi Penguatkuasaan Seliaan, pada 1 April 2022, bersempena sambutan 11 tahun penubuhannya. Memento penghargaan telah disampaikan kepada PDRM atas inisiatif dan komitmen bersama-sama dengan EAIC dalam membudayakan integriti. Penghargaan tersebut bertujuan menjadi contoh dan pendorong kepada agensi penguatkuasaan seliaan yang lain untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik dengan penuh integriti demi kepentingan perkhidmatan awam dan negara.

In 2022, for the very first time, EAIC has organized a Joint Appreciation Ceremony with EAIC's Supervisory Enforcement Agencies, on 1 April 2022, in conjunction with EAIC's 11th anniversary of its establishment. A memento of appreciation was awarded to PDRM for its initiative and commitment with EAIC in cultivating integrity. The award is an example and motivation for other supervisory enforcement agencies to continue providing their best service with full integrity for the interest of the public service and the country.

MENGORAK LANGKAH MOVING FORWARD

Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2022 [Akta 839] akan mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2023. Menerusi penguatkuasaan Akta 839 ini, PDRM bukan lagi agensi di bawah seliaan EAIC.

The Independent Police Conduct Commission Act 2022 [Act 839] will come into force on 1 July 2023. After the enforcement of Act 839, PDRM will no longer be an enforcement agency under the supervision of the EAIC.

Perkembangan ini membolehkan EAIC memperkuatkukan lagi pemantauan kepada agensi penguatkuasaan seliaan yang lain. Pada masa hadapan, EAIC juga akan memberikan lebih penumpuan kepada fungsi lain seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 4(1) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] terutamanya berkenaan pengauditan dan pemantauan mengenai aspek tertentu operasi dan tatacara sesuatu agensi penguatkuasaan. Bak kata pepatah, mencegah lebih baik daripada merawat. Pengauditan dan pemantauan terhadap prosedur operasi standard (SOP) agensi penguatkuasaan seliaan akan membolehkan sebarang kemungkinan perlakuan salah laku dikesan sebelum ianya terjadi.

This evolution will enable EAIC to enhance the supervision of the rest of the supervisory enforcement agencies. In the future, EAIC will focus more on its other functions provided under subsection 4(1) of the Enforcement Agency Integrity Commission Act 2009 [Act 700] especially regarding auditing and monitoring of certain aspects of the operations and procedures of an enforcement agency. As the saying goes, 'prevention is better than cure'. The auditing and monitoring of the standard operating procedures (SOP) of the supervisory enforcement agencies will allow any potential misconduct to be detected before it occurs.

Dalam memperkuuh hala tuju EAIC, EAIC juga akan memulakan kajian secara menyeluruh kepada cadangan untuk meminda Akta 700, bagi melihat kepada peruntukan yang perlu ditambah baik bagi membolehkan fungsi dan peranan EAIC di bawah Akta 700 diaplifikasi sehingga EAIC mencapai potensi sepenuhnya.

In strengthening EAIC's direction, EAIC will also begin a comprehensive study regarding the proposal to amend Act 700, so as to look at the provisions that need to be improved to enable EAIC's functions and role under Act 700 to be applied until EAIC reaches its full potential.

EAIC juga akan meluaskan publisiti saluran aduan salah laku penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan seliaan kepada orang awam menerusi kerjasama dengan Jabatan Penerangan Malaysia untuk menerbitkan promosi paparan luar di 31 papan iklan billboard di seluruh negara. Inisiatif ini akan dapat membawa hasil dan berjaya menyebar luas maklumat berkenaan EAIC. Selain promosi paparan luar, EAIC akan meneruskan kesinambungan kempen E.R.A.T dan juga promosi iklan radio di saluran radio menerusi kerjasama Jabatan Penyiaran Malaysia.

EAIC also wishes to expand the publicity of its complaint channels on the misconduct of enforcers and its supervisory enforcement agencies through a collaboration with the Information Department, Malaysia to publish promotions via outdoor display on 31 billboards nationwide. This initiative will effectively and successfully disseminate information regarding EAIC. In addition to the promotions via outdoor display, EAIC will continue with the E.R.A.T campaign and also the promotion via advertisements on radio channels with cooperation from the Broadcasting Department, Malaysia.

Selain itu, bagi meneruskan kesinambungan Pelan Strategik EAIC 2017 hingga 2022, Pelan Strategik EAIC 2023 hingga 2027 telah dibangunkan. Pembangunan Pelan Strategik 2023 hingga 2027 ini diolah dengan teliti dan terancang, dalam memastikan ianya berupaya direalisasikan agar peranan utama EAIC sebagai badan pengawasan agensi penguatkuasaan seliaan dalam aspek integritinya dapat dicapai, selari dengan aspirasi Kerajaan, dan masyarakat amnya.

Besides that, in order to carry on with the legacy of EAIC's Strategic Plan 2017 to 2022, the EAIC Strategic Plan 2023 to 2027 has been developed. The EAIC Strategic Plan 2023 to 2027 has been carefully refined and planned to ensure that it can be realized so that the main role of EAIC as a supervisor of the enforcement agencies in terms of its integrity can be achieved in line with the aspirations of the Government and the general public.

Wabillahittaufik walhidayah,
Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh



02

MAKLUMAT KOPORAT
CORPORATE INFORMATION

MAKLUMAT KORPORAT

CORPORATE INFORMATION

PENGENALAN

INTRODUCTION

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan melalui Akta Parliment di bawah seksyen 3 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] yang diwartakan pada 3 September 2009. Akta 700 telah berkuat kuasa pada 1 April 2011.

The Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC) is a Federal Statutory Body established through an Act of Parliament under section 3 of Enforcement Agency Integrity Commission 2009 [Act 700] which was gazetted on 3 September 2009. The Act 700 came into force on 1 April 2011.

Penubuhan EAIC selaras dengan sasaran Kerajaan untuk menyemai dan meningkatkan integriti dalam kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan demi memperkuuh keyakinan orang ramai terhadap mereka.

The establishment of EAIC is in line with the Government's goal to instill and improve integrity amongst enforcement officers and enforcement agencies in order to strengthen the public's confidence in them.

LOGO
LOGO



Penerangan Mengenai Logo *Description of the Logo*



Tiga bentuk lakaran yang diolah menyerupai kuku harimau melambangkan keberanian melindungi kepentingan awam. Tiga bentuk tersebut saling bertindih melambangkan semangat dalam memupuk integriti dan saling membantu antara EAIC, orang ramai serta agensi penguatkuasaan.

The three figures that resemble tiger claws symbolize the courage to protect the interests of the public. These converging figures symbolize the spirit of fostering integrity and cooperation between the EAIC, the public at large and the enforcement agencies.

Tiga warna iaitu merah, emas dan hitam merupakan gambaran simbolik—
The three colours which are red, gold and black are a symbolic representation—



warna merah melambangkan ketegasan EAIC dalam memperkasakan integriti dalam kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan;

red symbolizes EAIC's firmness in empowering integrity amongst the enforcement officers and enforcement agencies;



warna emas melambangkan EAIC memandang serius dan mengutamakan integriti dalam setiap fungsi yang diamanahkan kepadanya; dan

gold symbolizes the seriousness with which EAIC takes integrity and prioritises it in all functions entrusted to it; and



warna hitam melambangkan keberanian EAIC untuk bertindak tanpa rasa takut dan bimbang (without fear or favour).

black symbolizes EAIC's courage to act dutifully without fear or favour.



Tiga bucu tepat yang bertembung menunjukkan EAIC mengamalkan ketegasan, ketelusan dan efisien dalam melaksanakan tugas.

The three converging tips of the tiger claws symbolises EAIC's assertiveness, transparency, and efficiency in carrying out its duties.

VISI, MISI DAN MOTO

VISION, MISSION AND MOTTO

VISI/VISION

Peneraju dalam penguatkuasaan, transformasi dan pembudayaan integriti dalam kalangan agensi penguatkuasaan Malaysia berteraskan profesionalisme dan amalan terbaik.

Pioneer in enforcement, transformation and cultivation of integrity amongst Malaysian enforcement agencies based on professionalism and best practices.

MISI/MISSION

Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan yang berintegriti dalam kalangan agensi penguatkuasaan Malaysia melalui pengendalian aduan dan siasatan secara telus, berani serta profesional.


Strengthening the service delivery system with integrity amongst the Malaysian enforcement agencies through the handling of complaints and investigations in a transparent, bold and professional manner and best practices.

MOTO/MOTTO

Tegas/Telus/Efisien
Firm/Transparent/Efficient

AKTA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN 2009 [AKTA 700]

ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION ACT 2009
[ACT 700]



Sejak Akta 700 berkuat kuasa, EAIC telah melaksanakan fungsi dan peranannya, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 4(1) Akta 700 seperti yang berikut:

Since the enactment of Act 700, EAIC has begun carrying out its functions, as provided under subsection 4(1) of Act 700 as follows:

- (a) menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap seseorang pegawai penguat kuasa atau terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan secara amnya dan menyiasat serta mengadakan sesi pendengaran mengenai aduan sedemikian;

to receive complaints of misconduct from the public against an enforcement officer or against an enforcement agency in general and to investigate into and conduct hearings on such complaints;

- (b) merumuskan dan mengadakan mekanisme bagi mengesan, menyiasat serta mencegah salah laku oleh seseorang pegawai penguat kuasa;

to formulate and put in place mechanisms for the detection, investigation and prevention of misconduct by an enforcement officer;

- (c) melindungi kepentingan orang ramai dengan mencegah dan menangani salah laku seseorang pegawai penguat kuasa;

to protect the interests of the public by preventing and dealing with misconduct of an enforcement officer;

- (d) mengadakan pengauditan dan pemantauan mengenai aspek tertentu operasi serta tatacara sesuatu agensi penguatkuasaan;

to provide for the auditing and monitoring of particular aspects of the operations and procedures of an enforcement agency;

- (e) menggalakkan kesedaran tentang integriti, penambahbaikan berkaitan dengan integriti, dan pendidikan berhubung dengan integriti dalam sesebuah agensi penguatkuasaan serta mengurangkan salah laku dalam kalangan pegawai penguat kuasa;

to promote awareness of, enhancement of, and education in relation to, integrity within an enforcement agency and to reduce misconduct amongst enforcement officers;

- (f) membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan, atau mengesyorkan langkah pentadbiran kepada Kerajaan atau sesuatu agensi penguatkuasaan, demi menggalakkan integriti dan menghapuskan salah laku dalam kalangan pegawai penguat kuasa;

to assist the Government in formulating legislation, or to recommend administrative measures to the Government or an enforcement agency, in the promotion of integrity and the abolishment of misconduct amongst enforcement officers;

- (g) mengkaji dan menentusahkan apa-apa pelanggaran tatacara penguatkuasaan dan membuat apa-apa saranan yang perlu berhubung dengannya; dan

to study and verify any infringements of enforcement procedures and to make any necessary recommendations relating thereto; and

- (h) membuat lawatan ke premis sesuatu agensi penguatkuasaan termasuk melawat balai polis dan lokap mengikut tatacara di bawah mana-mana undang-undang bertulis, serta membuat apa-apa saranan yang perlu yang berhubungan dengannya.

to make site visits to the premises of an enforcement agency, including visiting police stations and lock-ups in accordance with the procedures under any written law, and make any necessary recommendations relating thereto.

AGENSI PENGUATKUASAAN SELIAAN EAIC

EAIC's SUPERVISORY ENFORCEMENT AGENCIES

Di bawah subseksyen 1(4) Akta 700, terdapat 21 agensi penguatkuasaan persekutuan yang disenaraikan di bawah seliaan EAIC seperti yang berikut:

Under subsection 1(4) of Act 700, there are 21 federal enforcement agencies listed under the supervision of EAIC such as follows:

Bil. <i>Bil.</i>	Agensi Penguatkuasaan Seliaan <i>Supervisory Enforcement Agencies</i>
1	Agensi Antidadah Kebangsaan <i>National Anti-Drugs Agency</i>
2	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia <i>Malaysian Maritime Enforcement Agency</i>
3	Jabatan Alam Sekitar <i>Department of Environment</i>
4	Jabatan Imigresen Malaysia <i>Immigration Department of Malaysia</i>
5	Jabatan Kastam Diraja Malaysia <i>Royal Customs Department of Malaysia</i>
6	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan <i>Department of Occupational Safety and Health</i>
7	Jabatan Pendaftaran Negara <i>National Registration Department</i>
8	Jabatan Pengangkutan Jalan <i>Road Transport Department</i>
9	Jabatan Perhubungan Perusahaan <i>Industrial Relations Department</i>
10	Jabatan Perikanan <i>Fisheries Department</i>
11	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara <i>Department of Wildlife and National Parks</i>

Bil. <i>Bil.</i>	Agenzi Penguatkuasaan Seliaan <i>Supervisory Enforcement Agencies</i>
12	Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) <i>Volunteers Department of Malaysia</i>
13	Jabatan Tenaga Kerja <i>Labour Department</i>
14	Kementerian Kesihatan (Bahagian Penguatkuasaan) <i>Ministry of Health (Enforcement Division)</i>
15	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Bahagian Pelesenan Pelancongan) <i>Ministry of Tourism, Arts and Culture (Tourism Licensing Division)</i>
16	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Bahagian Penguatkuasaan) <i>Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (Enforcement Division)</i>
17	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Bahagian Penguatkuasaan) <i>Ministry of Housing and Local Government (Enforcement Division)</i>
18	Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Sabah) <i>Commercial Vehicles Licensing Board (Sabah)</i>
19	Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Sarawak) <i>Commercial Vehicles Licensing Board (Sarawak)</i>
20	Pendaftar Perniagaan <i>Registrar of Business</i>
21	Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia <i>Civil Aviation Authority of Malaysia</i>

PIAGAM PELANGGAN

CLIENT'S CHARTER

Piagam pelanggan merupakan suatu bentuk komitmen bertulis jabatan/agensi Kerajaan untuk menyampaikan sesuatu keluaran atau perkhidmatan mengikut standard kualiti yang telah ditetapkan.

A client's charter is a form of written commitment by a Government department/agency to deliver a product or service according to the quality standards that have been set.

Pada tahun 2022, EAIC telah menambahbaik piagam pelanggannya bagi meningkatkan kompetensi serta kecekapan pengurusan aduan dan siasatan EAIC. Berikut adalah piagam pelanggan EAIC:

In 2022, EAIC has improved its client's charter to reinforce the competency and efficiency of EAIC's complaint management and investigation. EAIC's client's charter is as follows:



The background features a faint watermark of the map of Malaysia, with the EAIC logo (a stylized globe composed of red, yellow, and black segments) overlaid in the center.

**SURUHANJAYA
INTEGRITI
AGENSI PENGUATKUASAAN**

PIAGAM PELANGGAN

- ① **Pemakluman penerimaan aduan** dikeluarkan dalam **tempoh 1 hari bekerja** selepas Mesyuarat Jawatankuasa Aduan bersidang.
Notification of receipt of complaints is issued within 1 working day after the Meeting of the Complaints Committee
- ② **Pemakluman keputusan Laporan Dapatan Siasatan** dikeluarkan dalam **tempoh 1 hari bekerja** selepas Mesyuarat Suruhanjaya bersidang.
Notification of receipt of complaints is issued within 1 working day after the Meeting of the Commission



03

CARTA ORGANISASI
ORGANIZATIONAL CHART

CARTA ORGANISASI ORGANIZATIONAL CHART

BARISAN PESURUHJAYA *THE COMMISSIONER*

Subseksyen 5 (1) Akta 700 memperuntukkan mengenai pelantikan Pesuruhjaya oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri. Pelantikan ini hendaklah tidak lebih daripada tujuh Pesuruhjaya, yang terdiri daripada seorang Pengurus, seorang Timbalan Pengurus dan lima Pesuruhjaya. Keanggotaan ini adalah bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun dan setiap Pesuruhjaya tidak boleh memegang jawatan melebihi dua tempoh yang berturut-turut selaras dengan seksyen 7(1) Akta 700.

Subsection 5 (1) of Act 700 provides for the appointment of the Commissioner by the Yang di-Pertuan Agong on the advice of the Prime Minister. This appointment shall not be more than seven Commissioners, consisting of a Chairman, a Deputy Chairman and five Commissioners. This membership is for a period not exceeding three years and each Commissioner may not hold office for more than two consecutive terms in accordance with section 7(1) of Act 700.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah memperkenankan lantikan tujuh orang Pesuruhjaya EAIC untuk tempoh tiga tahun.

His Majesty the King XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah has approved the appointment of the seven Commissioners of the EAIC for a period of three years.

Pesuruhjaya semasa dilantik untuk tempoh tiga tahun berkuat kuasa mulai 1 Julai 2020–

- | | |
|-----|---|
| (a) | YBhg. Tan Sri Sidek Hassan (Pengerusi); |
| (b) | YBhg. Tan Sri Datuk Zainun Ali (Timbalan Pengerusi); |
| (c) | YBhg. Dato' John Louis O'hara (Pesuruhjaya); dan |
| (d) | YBrs. Prof. Dr. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod (Pesuruhjaya). |

The appointment of the current commissioners for a period of three years is effective from 1 July 2020–

- | | |
|-----|---|
| (a) | <i>YBhg. Tan Sri Sidek Hassan (Chairman);</i> |
| (b) | <i>YBhg. Tan Sri Datuk Zainun Ali (Deputy Chairman);</i> |
| (c) | <i>YBhg. Dato' John Louis O'hara (Commissioner); and</i> |
| (d) | <i>YBrs. Prof. Dr. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod (Commissioner).</i> |

Pesuruhjaya semasa dilantik untuk tempoh tiga tahun berkuat kuasa mulai 1 November 2020–

- | | |
|-----|--|
| (a) | YBhg. Tan Sri Mahmood Adam (Pesuruhjaya); |
| (b) | YBhg. Tan Sri Dato' Wira Aziah Ali (Pesuruhjaya); dan |
| (c) | YBhg. Dato' Alizatul Khair Osman Khairuddin (Pesuruhjaya). |

The appointment of the current commissioners for a period of three years is effective from 1 November 2020–

- | | |
|-----|--|
| (a) | <i>YBhg. Tan Sri Mahmood Adam (Commissioner);</i> |
| (b) | <i>YBhg. Tan Sri Dato' Wira Aziah Ali (Commissioner); dan</i> |
| (c) | <i>YBhg. Dato' Alizatul Khair Osman Khairuddin (Commissioner).</i> |



Dari kiri:

YBhg. Dato' John Louis O'hara, YBhg. Dato' Alizatul Khair Osman Khairuddin, YBhg. Tan Sri Datuk Zainun Ali (Timbalan Pengurus), YBhg. Tan Sri Sidek Hassan (Pengurus), YBhg. Tan Sri Mahmood Adam, YBhg. Tan Sri Dato' Wira Aziah Ali, YBrs. Prof. Dr. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod

From left:

YBhg. Dato' John Louis O'hara, YBhg. Dato' Alizatul Khair Osman Khairuddin, YBhg. Tan Sri Datuk Zainun Ali (Timbalan Pengurus), YBhg. Tan Sri Sidek Hassan (Pengurus), YBhg. Tan Sri Mahmood Adam, YBhg. Tan Sri Dato' Wira Aziah Ali, YBrs. Prof. Dr. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod

PENGURUSAN TERTINGGI

THE TOP MANAGEMENT

Pentadbiran EAIC diketuai oleh Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik di bawah subseksyen 13(2) Akta 700. Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab dalam memastikan kelancaran pentadbiran dan berperanan memastikan fungsi-fungsi EAIC dilaksanakan dengan sewajarnya.

The administration of EAIC is led by the Secretary/Chief Executive Officer appointed under subsection 13(2) of Act 700. The Secretary/Chief Executive Officer is responsible for establishing smooth administration and in ensuring that EAIC's functions are carried out appropriately.

Akta 700 juga memberi kuasa kepada EAIC untuk menubuhkan beberapa Bahagian/Seksyen/Unit bagi tujuan membantu pelaksanaan fungsi EAIC yang telah diperuntukkan di bawah seksyen 4 Akta 700.

Act 700 also grants authorization to EAIC to establish several Divisions/Sections/Units for the purpose of assisting the implementation of EAIC's functions as provided under section 4 of Act 700.

Bahagian yang telah ditubuhkan adalah—

- | | |
|-----|----------------------------------|
| (a) | Bahagian Operasi; |
| (b) | Bahagian Dasar; |
| (c) | Bahagian Undang-Undang; |
| (d) | Bahagian Komunikasi Korporat; |
| (e) | Bahagian Khidmat Pengurusan; dan |
| (f) | Unit Integriti. |

The divisions that have been established are—

- | | |
|-----|---|
| (a) | <i>Operations Division;</i> |
| (b) | <i>Policy Division;</i> |
| (c) | <i>Legal Division;</i> |
| (d) | <i>Corporate Communications Division;</i> |
| (e) | <i>Management Services Division; and</i> |
| (f) | <i>Integrity Unit.</i> |

CARTA ORGANISASI

ORGANIZATIONAL CHART



Setiausaha/
Ketua Pegawai Eksekutif
Secretary/Chief Executive Officer

Unit Integriti
Integrity Unit

Unit Audit Dalam
Internal Audit unit

Bahagian
Undang-undang
Legal Division

Bahagian Operasi
Operations Division

Bahagian Dasar
Policy Division

Bahagian
Komunikasi Korporat
Corporate Communications Division

Bahagian
Khidmat Pengurusan
Management Services Division

Seksyen Siasatan
Investigations Section

Seksyen Aduan
Complaints Section

Seksyen Pentadbiran
Administration Section

Seksyen
Kewangan
Finance Section

Seksyen Teknologi
Maklumat
Information Technology Section

Seksyen Pengurusan
Sumber Manusia
Human Resource Management Section



Barisan Hadapan:

YBrs. Puan Norhayati Ahmad (Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif)

Barisan Belakang (Dari kiri):

YM Raja Mohd Shasrizam Raja Nik Mahmood (Timbalan Pengarah II Bahagian Operasi), Encik Muhammad Asyraf Md Kamal (Timbalan Pengarah I Bahagian Operasi), Encik Azizan Abdullah (Pengarah Bahagian Operasi), YM Tengku Nasaruddin Tengku Mohamed (Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat), Puan Eda Mazuin Abdul Rahman (Pengarah Bahagian Undang-Undang), Encik Muhammad Amin Azmi (Pengarah Bahagian Dasar), Encik Firdaus Nohhani (Ketua Unit Integriti), Encik Mohd Hatta Ishak (Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan)

Front Row:

YBrs. Puan. Norhayati Ahmad (*Secretary/Chief Executive Officer*)

Back Row (From left):

YM Raja Mohd Shasrizam Raja Nik Mahmood (*Deputy Director II of Operations Division*), Encik Muhammad Asyraf Md Kamal (*Deputy Director I of Operations Division*), Encik Azizan Abdullah (*Director of Operations Division*), YM Tengku Nasaruddin Tengku Mohamed (*Director of Corporate Communications Division*), Puan. Eda Mazuin Abdul Rahman (*Director of Legal Division*), Encik Muhammad Amin Azmi (*Director of Policy Division*), Encik Firdaus Nohhani (*Head of Integrity Unit*), Encik Mohd Hatta Ishak (*Director of Management Services Division*)



04

PENCAPAIAN 2022
2022 ACHIEVEMENTS

PENCAPAIAN 2022

2022 ACHIEVEMENTS

BAHAGIAN OPERASI

OPERATIONS DIVISION



Bahagian Operasi
Operations Division

Bahagian Operasi (BO) bertanggungjawab menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap seseorang pegawai penguasa atau sesuatu agensi penguatkuasaan selaras dengan fungsi EAIC yang diperuntukkan di bawah perenggan 4(1)(a) Akta 700.


The Operations Division (BO) is responsible for receiving complaints of misconduct from the public against an enforcement officer or an enforcement agency in line with EAIC's functions as provided under paragraph 4(1)(a) of Act 700.

Pada tahun 2022, EAIC telah menerima 704 aduan salah laku terhadap pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan daripada orang ramai melalui pelbagai platform.

In 2022, EAIC received 704 complaints of misconduct against enforcement officers and enforcement agencies from the public through various platforms.

PECAHAN ADUAN DIDAFTARKAN MENGIKUT MEDIUM PENERIMAAN ADUAN TAHUN 2022

BREAKDOWN OF COMPLAINTS REGISTERED ACCORDING TO COMPLAINT RECEPTION MEDIUM IN YEAR 2022



**Jadual 1: Pecahan Aduan Yang Didaftarkan Mengikut Sumber Aduan
(Tahun 2020 hingga 2022)**

*Table 1: Breakdown of Registered Complaints According to Source of Complaints
(Year 2020 to 2022)*

MEDIUM PENERIMAAN ADUAN <i>MEDIUM OF RECEIVING COMPLAINTS</i>	TAHUN <i>YEAR</i>		
	2022	2021	2020
e-Aduan <i>e-Aduan</i>	401	553	430
e-Mel <i>Email</i>	151	361	295
Pengadu Hadir <i>Filing of Complaint in Person</i>	59	46	117
Surat Rasmi <i>Official Letter</i>	44	59	81
Surat Layang <i>Anonymous Letter</i>	25	30	37
Media Massa <i>Mass Media</i>	24	12	46
Lain-lain <i>Others</i>	-	-	2
JUMLAH <i>TOTAL</i>	704	1,061	1,008

Nota: Sebanyak 704 aduan telah diterima oleh EAIC pada tahun 2022, 34% (357 aduan) berkurangan daripada aduan diterima pada tahun 2021. Sumber aduan paling banyak diterima dan didaftarkan adalah melalui platform e-Aduan iaitu 401 aduan dan diikuti e-mel sebanyak 151 aduan. Hal ini kerana kedua-dua medium tersebut lebih mudah untuk diakses. EAIC sentiasa memastikan borang aduan atas talian lebih mesra pengguna supaya dapat diakses dengan mudah melalui laman sesawang EAIC www.eaic.gov.my dan melalui e-mel aduan@eaic.gov.my.

Note: A total of 704 complaints were received by EAIC in 2022, 34% (357 complaints) less than the number of complaints received in 2021. The source of most of the complaints received and registered were through the e-Complaints platform which are 401 complaints, followed by e-mail with 151 complaints. This is due to the fact that both mediums are easier to access. EAIC always ensures that the online complaint form is more user-friendly so that it can be easily accessed via EAIC's website www.eaic.gov.my and via e-mail aduan@eaic.gov.my.

**Jadual 2: Jumlah Aduan Yang Didaftarkan Mengikut Negeri
(Tahun 2020 hingga 2022)**

*Table 2: Total of Registered Complaints According to State
(Year 2020 to 2022)*

NEGERI STATE	TAHUN YEAR		
	2022	2021	2020
Selangor	177	284	279
Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur <i>Federal Territory (FT) of Kuala Lumpur</i>	116	141	156
Johor Johore	55	72	78
Pulau Pinang Penang	53	80	61
Perak	41	74	77
Sabah	31	69	50
Kedah	29	51	52
Pahang	28	41	32
Negeri Sembilan	27	41	40
Kelantan	23	33	26
Terengganu	21	32	21
Sarawak	20	32	23
WP Putrajaya FT Putrajaya	16	33	31
Melaka Malacca	15	31	27
Perlis	5	11	5
WP Labuan FT Labuan	-	1	1
Tidak Dinyatakan/Tiada Maklumat <i>Not Specified/No Information</i>	48	46	62
JUMLAH TOTAL	705	1,072	1,021

Nota: Jumlah keseluruhan aduan yang didaftarkan mengikut Negeri adalah berbeza dengan jumlah keseluruhan aduan yang didaftarkan mengikut sumber aduan (Jadual 1) kerana aduan tersebut melibatkan agensi dari Negeri yang berbeza.

Note: The total number of registered complaints according to each State is different from the total number of registered complaints according to source of complaints (Table 1) because the complaints involved agencies from different States.

**Jadual 3: Jumlah Aduan Yang Didaftarkan Mengikut Agensi Penguatkuasaan
(Tahun 2020 hingga 2022)**

*Table 3: Total of Registered Complaints According to Enforcement Agencies
(Year 2020 to 2022)*

AGENSI AGENCY	TAHUN YEAR		
	2022	2021	2020
Polis Diraja Malaysia (PDRM) <i>Royal Malaysia Police</i>	500	742	699
Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) <i>Immigration Department of Malaysia</i>	40	41	61
Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) <i>Road Transport Department</i>	12	20	37
Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) <i>National Anti-Drugs Agency</i>	12	13	11
Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) <i>Royal Customs Department of Malaysia</i>	10	22	18
Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) <i>National Registration Department</i>	9	3	12
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Bahagian Penguatkuasaan) (KPDNHEP) <i>Ministry of Domestic Trades and Consumer Affairs (Enforcement Division)</i>	8	14	10
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) <i>Malaysian Maritime Enforcement Agency</i>	6	5	5
Jabatan Tenaga Kerja (JTK) <i>Labour Department</i>	6	8	11

AGENSI AGENCY	TAHUN YEAR		
	2022	2021	2020
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (Bahagian Penguatkuasaan) (KPKT) <i>Ministry of Housing and Local Government (Enforcement Division)</i>	5	9	19
Jabatan Perikanan (DOF) <i>Fisheries Department</i>	4	1	1
Kementerian Kesihatan (Bahagian Penguatkuasaan) <i>Ministry of Health (Enforcement Division)</i>	3	5	9
Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) <i>Volunteers Department of Malaysia</i>	2	17	7
Jabatan Alam Sekitar (JAS) <i>Department of Environment</i>	2	6	8
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) <i>Civil Aviation Authority of Malaysia</i>	2	-	1
Pendaftar Perniagaan <i>Registrar of Business</i>	2	-	3
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (PERHILITAN) <i>Department of Wildlife and National Parks</i>	1	4	2
Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) <i>Industrial Relations Department</i>	1	1	4
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) <i>Department of Occupational Safety and Health</i>	1	-	4
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Bahagian Pelesenan Pelancongan) (MOTAC) <i>Ministry of Tourism, Arts and Culture (Tourism Licensing Division)</i>	-	-	7

AGENSI <i>AGENCY</i>	TAHUN <i>YEAR</i>		
	2022	2021	2020
Lembaga Pelesenian Kenderaan Perdagangan Sabah dan Sarawak (LPKP Sabah dan Sarawak) <i>Sabah and Sarawak Commercial Vehicles Licensing Board</i>	-	-	2
Agensi Di Luar Bidang Kuasa <i>Agencies Outside Jurisdiction</i>	88	155	135
JUMLAH <i>TOTAL</i>	714	1,066	1,066

Nota: Jumlah keseluruhan aduan yang didaftarkan mengikut agensi penguatkuasaan adalah berbeza dengan jumlah keseluruhan aduan yang didaftarkan mengikut sumber aduan (Jadual 1) kerana aduan tersebut melibatkan beberapa buah agensi penguatkuasaan.

Note: The total number of registered complaints according to enforcement agencies is different from the total number of registered complaints according to source of complaint (Table 1) because the complaints involved several enforcement agencies.

*Aduan yang diterima terhadap LPKP pada tahun 2020 adalah secara umum dan tidak menyatakan LPKP Sabah atau LPKP Sarawak secara jelas, justeru aduan agensi ini tidak diasingkan walaupun LPKP Sabah dan LPKP Sarawak adalah dua entiti yang berbeza.

**Complaints received against LPKP in 2020 are general and did not state LPKP Sabah or LPKP Sarawak clearly, therefore the complaints against the agency are not isolated even though LPKP Sabah and LPKP Sarawak are two different entities.*

PROSES PENGURUSAN ADUAN

COMPLAINTS MANAGEMENT PROCESS

Setiap aduan yang diterima akan melalui proses penilaian awal bagi memastikan ketulenan aduan. Setelah penilaian awal selesai, aduan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Aduan (JKA) yang bersidang pada setiap hari bekerja. JKA akan meneliti, menimbang dan memberi pengesyoran tindakan sewajarnya ke atas aduan seperti berikut:

Every complaint received will go through an initial evaluation process to ensure the authenticity of the complaint. Following the completion of the initial assessment, the complaint will be presented in the Complaints Committee Meeting (JKA) which meets on every working day. JKA will examine, consider and recommend appropriate actions to be taken against the complaint as follows:

- (i) siasatan awal dijalankan ke atas aduan bagi mendapatkan maklumat lanjut dalam menentukan jenis salah laku yang diadukan dan sama ada EAIC patut meneruskan penyiasatan penuh ke atas aduan tersebut [seksyen 25 Akta 700];

a preliminary investigation is conducted on the complaints for the purpose of obtaining further information in order to determine the nature of the misconduct complained of and whether EAIC should proceed with a full investigation of the complaints [section 25 of Act 700];

- (ii) aduan dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) agensi penguatkuasaan yang berkaitan [subseksyen 26(1) Akta 700];

complaints to be referred to the Disciplinary Authority (PBT) of the relevant enforcement agencies [subsection 26(1) Act 700];

- (iii) aduan dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) [subseksyen 26(2) Akta 700];

complaints to be referred to the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) [subsection 26(2) Act 700];

- (iv) aduan disiasat penuh [subseksyen 26(3) Akta 700]; atau

complaints to be fully investigated [subsection 26(3) of Act 700]; or

- (v) aduan tidak diteruskan penyiasatan [subseksyen 26(4) Akta 700].

complaints not to be further investigated [subsection 26(4) of Act 700].

JKA boleh mengesyorkan lebih daripada satu syor yang perlu diambil ke atas aduan. Berdasarkan pengesyoran JKA, Pegawai Siasatan EAIC akan menyediakan Kertas Pertimbangan untuk dibawa ke Mesyuarat Suruhanjaya (MS) untuk pertimbangan Pesuruhjaya. Antara keputusan yang boleh diputuskan adalah seperti berikut:

JKA may recommend more than one recommendation to be taken on the complaint. Based on JKA's recommendation, EAIC's Investigation Officer will prepare a Complaint Matrix to be brought to the Meetings of the Commission (MS) for the Commissioner's consideration. Among the recommendations that can be decided are as follows:

(i) aduan dirujuk kepada PBT agensi penguatkuasaan yang berkaitan [subseksyen 27(1) Akta 700];

complaints to be referred to the PBT of the relevant enforcement agencies [subsection 27(1) of Act 700];

(ii) aduan dirujuk kepada SPRM [subseksyen 27(2) Akta 700];

complaints to be referred to MACC [subsection 27(2) Act 700];

(iii) aduan disiasat penuh [subseksyen 27(4) Akta 700]; dan

complaints to be fully investigated [subsection 27(4) of Act 700]; and

(iv) aduan tidak diteruskan penyiasatan [subseksyen 27(5) Akta 700].

complaints not to be further investigated [subsection 27(5) of Act 700].

MS juga boleh memutuskan lebih daripada satu syor tindakan yang wajar ke atas aduan yang diterima.

The MS may also decide on more than one recommendation on the complaints received.

**Jadual 4: Keputusan Mesyuarat Suruhanjaya Terhadap Aduan Yang Diterima
(Tahun 2020 hingga 2022)**

*Table 4: Decision of the Meetings of the Commission towards the Complaints Received
(Year 2020 to 2022)*

KEPUTUSAN MESYUARAT SURUHANJAYA <i>DECISIONS OF THE MEETING OF THE COMMISSION</i>	TAHUN YEAR		
	2022	2021	2020
Tidak Diteruskan Penyiasatan <i>No Further Investigation</i>	515	1,139	44
Rujuk kepada PBT <i>Refer to PBT</i>	69	117	9
Siasatan Penuh <i>Full Investigation</i>	46	75	35
Rujuk kepada SPRM <i>Refer to MACC</i>	28	25	4
Rujuk kepada PBT dan Tidak Diteruskan Penyiasatan* <i>Refer to PBT and No Further Investigation</i>	8	12	-
Rujuk kepada PBT dan SPRM* <i>Refer to PBT and MACC</i>	3	7	-
Siasatan Penuh dan Tidak Diteruskan Penyiasatan* <i>Full Investigation and No Further Investigation</i>	3	-	-
Siasatan Penuh dan Rujuk kepada SPRM* <i>Full Investigation and Refer to MACC</i>	1	-	-
Syor Salah Laku Tidak Berasas <i>Recommendation of Unsubstantiated Misconduct</i>	1	1	-
Rujuk kepada SPRM dan Tidak Diteruskan Penyiasatan* <i>Refer to MACC and No Further Investigation</i>	1	1	-

KEPUTUSAN MESYUARAT SURUHANJAYA <i>DECISIONS OF THE MEETING OF THE COMMISSION</i>	TAHUN YEAR		
	2022	2021	2020
Siasatan Penuh dan Rujuk kepada PBT* <i>Full Investigation and Refer to PBT</i>	-	2	-
Syor Surat Penambahbaikan <i>Recommendation for Letter of Improvement</i>	-	1	-
JUMLAH KESELURUHAN <i>GRAND TOTAL</i>	675	1,380	92

Nota: *Keputusan ini melibatkan fail aduan yang mempunyai lebih daripada satu aduan dan satu syor.

*Note: *The decisions concerning complaint files that have more than one complaint and more than one recommendation.*

Berdasarkan Jadual 4, EAIC telah berjaya menyelesaikan sejumlah 675 aduan melalui MS yang bersidang secara resolusi atas talian pada setiap hari bekerja dan mesyuarat fizikal sekali pada setiap bulan. Aduan yang telah diputuskan ini termasuk aduan yang dibawa dari tahun 2021 (140 aduan) dan tahun 2022 (535 aduan). Daripada jumlah 675 aduan tersebut, sebanyak 515 aduan atau 76.30% aduan telah diputuskan untuk tidak diteruskan penyiasatan. Hal ini demikian kerana setelah siasatan awal dijalankan didapati bahawa aduan berkenaan adalah aduan yang tidak berasas sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 23(3) dan subseksyen 26(4) Akta 700 iaitu seperti berikut:

Based on Table 4, EAIC has successfully resolved a total of 675 complaints via the MS that were held both by MS Resolution (online) every working day and every month when the Commissioners meet. The complaints that were decided include complaints brought from 2021 (140 complaints) and 2022 (535 complaints). Out of 675 complaints, a total of 515 complaints or 76.30% were decided not to be further investigated. This is because after the preliminary investigation was conducted it was found that the complaint was an unsubstantiated complaint as provided under subsection 23(3) and subsection 26(4) of Act 700 which are as follows:

- (i) aduan tidak termasuk dalam ruang lingkup salah laku yang dinyatakan dalam seksyen 24;

the complaint does not fall within the scope of misconduct as specified in section 24;

- (ii) aduan bersifat remeh atau menyusahkan, atau bahawa aduan itu tidak dibuat dengan suci hati;

the complaint is of a frivolous or vexatious nature, or it was not made in good faith;

- (iii) hal perkara aduan itu kecil;

the subject matter of the complaint is trivial;

- (iv) salah laku yang diadukan itu telah berlaku terlalu lama dahulu untuk mewajarkan suatu penyiasatan dijalankan;

the misconduct complained of occurred too remote a time to justify an investigation;

- (v) terdapat atau telah tersedia suatu cara tebus rugi alternatif dan memuaskan bagi pengadu; atau

there is or was available to the complainant an alternative and satisfactory means of redress; or

- (vi) hal perkara aduan itu telah diputuskan secara muktamad oleh mana-mana mahkamah atau menjadi hal perkara apa-apa prosiding yang belum selesai di mana-mana mahkamah, termasuklah apa-apa prosiding rayuan.

the subject matter of the complaint has been finally determined by any court or is the subject matter of any proceedings pending in any court, including any appeal proceedings.

Jadual 5: Status Fail Aduan EAIC
(Tahun 2020 hingga 2022)
Table 5: EAIC's Complaint Files Status
(Year 2020 to 2022)

FAIL ADUAN <i>COMPLAINT FILE</i>	TAHUN <i>YEAR</i>			JUMLAH <i>TOTAL</i>
	2022	2021	2020	
Bil. Fail Aduan masih dalam tindakan <i>No. of Complaint files under action</i>	77	0	0	77
Bil. Fail Aduan telah selesai <i>No. of Complaint files completed</i>	627	899	558	2,084
JUMLAH FAIL ADUAN DIBUKA NUMBER OF COMPLAINT FILES OPENED	704	899	558	2,161

Pada tahun 2022, daripada 704 aduan yang diterima, sebanyak 612 aduan telah dibuka fail aduan manakala sebanyak 92 aduan tiada fail aduan dibuka kerana aduan tersebut melibatkan agensi penguatkuasaan bukan di bawah seliaan EAIC. Aduan ini diputuskan di peringkat Mesyuarat JKA untuk dipanjangkan kepada agensi yang berkenaan. Setakat 31 Disember 2022, sebanyak 627 fail aduan telah selesai diputuskan dalam MS, manakala 77 fail aduan masih dalam tindakan Pegawai Siasatan EAIC.

In 2022, out of 704 complaints received, 612 complaint files were opened, while for the remaining 92 complaints, no complaint files were opened because the complaints involved enforcement agencies not under EAIC's supervision. These complaints were decided at the level of JKA to be extended to the relevant agencies. As of 31 December 2022, a total of 627 complaint files have been decided in the MS, whilst 77 complaint files are still pending action of EAIC's Investigation Officer.

PROSES PENGURUSAN SIASATAN

INVESTIGATIONS MANAGEMENT PROCESS

Selari dengan peruntukan di bawah perenggan 4(1)(a) Akta 700 iaitu EAIC menerima dan menyiasat aduan, Pegawai Siasatan di BO menggalas tanggungjawab untuk menjalankan siasatan penuh apabila MS memutuskan bahawa sesuatu aduan tersebut mempunyai asas sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 27(4) Akta 700.

In line with the provisions under paragraph 4(1)(a) of Act 700 where it is provided that EAIC receives and investigates complaints, the Investigation Officers of the Operation Division are responsible for conducting a full investigation once the MS decides that a complaint has basis as provided under subsection 27(4) Act 700.

**Jadual 6: Jumlah Kertas Siasatan Yang Dibuka Mengikut Agensi Penguatkuasaan
(Tahun 2020 hingga 2022)**

*Table 6: Number of Investigation Papers Opened According to Enforcement Agency
(Year 2020 to 2022)*

AGENSI AGENCY	TAHUN YEAR		
	2022	2021	2020
Polis Diraja Malaysia (PDRM) <i>Royal Malaysia Police</i>	43	58	70
Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) <i>Immigration Department of Malaysia</i>	4	8	5
Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) <i>National Registration Department</i>	2	1	-
Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) <i>Road Transport Department</i>	1	3	7
Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) <i>National Anti-Drugs Agency</i>	1	3	2

AGENSI <i>AGENCY</i>	TAHUN <i>YEAR</i>		
	2022	2021	2020
Jabatan Perikanan (DOF) <i>Fisheries Department</i>	1	1	-
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) <i>Malaysian Maritime Enforcement Agency</i>	1	-	-
Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) <i>Royal Customs Department of Malaysia</i>	-	3	-
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Bahagian Penguatkuasaan) (KPDNHEP) <i>Ministry of Domestic Trades and Consumer Affairs (Enforcement Division)</i>	-	1	1
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Bahagian Pelesenan Pelancongan) (MOTAC) <i>Ministry of Tourism, Arts and Culture (Tourism Licensing Division)</i>	-	1	-
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (PERHILITAN) <i>Department of Wildlife and National Parks</i>	-	1	-
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (Bahagian Penguatkuasaan) (KPKT) <i>Ministry of Housing and Local Government (Enforcement Division)</i>	-	-	-
Jabatan Tenaga Kerja (JTK) <i>Labour Department</i>	-	-	-
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) <i>Department of Occupational Safety and Health</i>	-	-	-

AGENSI <i>AGENCY</i>	TAHUN <i>YEAR</i>		
	2022	2021	2020
Jabatan Alam Sekitar (JAS) <i>Department of Environment</i>	-	-	-
Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) <i>Volunteers Department of Malaysia</i>	-	-	-
Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) <i>Industrial Relations Department</i>	-	-	-
Kementerian Kesihatan (Bahagian Penguatkuasaan) (KKM) <i>Ministry of Health (Enforcement Division)</i>	-	-	-
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) <i>Civil Aviation Authority of Malaysia</i>	-	-	-
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah dan Sarawak (LPKP Sabah dan Sarawak) <i>Sabah and Sarawak Commercial Vehicles Licensing Board</i>	-	-	-
Pendaftar Perniagaan <i>Registrar of Business</i>	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN <i>GRAND TOTAL</i>	53	80	85

Nota: LPKP Sabah dan Sarawak adalah dua entiti yang berbeza

Note: LPKP Sabah and Sarawak are two different entities

**Jadual 7: Kertas Siasatan Yang Telah Diputuskan Oleh Mesyuarat Suruhanjaya
(Tahun 2020 hingga 2022)**

*Table 7: Investigation Papers That Have Been Decided by The Meetings of the
Commission
(Year 2020 to 2022)*

KEPUTUSAN MESYUARAT SURUHANJAYA <i>DECISIONS OF THE MEETINGS OF THE COMMISSION</i>	TAHUN YEAR			JUMLAH TOTAL <i>TOTAL</i>
	2022	2021	2020	
Salah Laku Tidak Dapat Disahkan [perenggan 30(1)(a)] <i>Unsubstantiated Misconduct [paragraph 30(1)(a)]</i>	43	214	-	257
Tidak Diteruskan Penyiasatan <i>No Further Investigation</i>	4	9	-	13
Syor Penambahbaikan <i>Recommendation for Improvement</i>	3	5	-	8
Amaran & Salah Laku Tidak Berasas <i>Warning & Unsubstantiated Misconduct</i>	3	-	-	3
Tangguh Pergerakan Gaji Selama 6 Bulan <i>Delay of Salary Movement for 6 Months</i>	2	1	-	3
Surat Teguran & Salah Laku Tidak Beratas <i>Letter of Reprimand & Unsubstantiated Misconduct</i>	2	-	-	2
Amaran <i>Warning</i>	1	5	-	6

KEPUTUSAN MESYUARAT SURUHANJAYA <i>DECISIONS OF THE MEETINGS OF THE COMMISSION</i>	TAHUN YEAR			JUMLAH TOTAL
	2022	2021	2020	
Amaran & Syor Penambahbaikan <i>Warning & Recommendation for Improvement</i>	1	-	-	1
Amaran, Syor Penambahbaikan SOP & Syor Kertas Siasatan Dibuka <i>Warning, Recommendation for SOP Improvement & Recommendation to Open Investigation Paper</i>	1	-	-	1
Salah Laku Tidak Berdasas & Syor Penambahbaikan <i>Unsubstantiated Misconduct & Recommendation for Improvement</i>	1	-	-	1
Surat Teguran & Syor Penambahbaikan <i>Letter of Reprimand & Recommendation for Improvement</i>	1	-	-	1
Syor Tatatertib & Surat Teguran <i>Recommendation for Disciplinary Action & Letter of Reprimand</i>	1	-	-	1
Tangguh Pergerakan Gaji & Amaran <i>Delay of Salary Movement & Warning</i>	1	-	-	1
Tangguh Pergerakan Gaji 3 Bulan <i>Delay of Salary Movement for 3 Months</i>	1	-	-	1
Tangguh Pergerakan Gaji 3 Bulan & Denda <i>Delay of Salary Movement for 3 Months & Fine</i>	1	-	-	1

KEPUTUSAN MESYUARAT SURUHANJAYA <i>DECISIONS OF THE MEETINGS OF THE COMMISSION</i>	TAHUN YEAR			JUMLAH TOTAL <i>TOTAL</i>
	2022	2021	2020	
Tangguh Pergerakan Gaji 3 Bulan, Denda, Surat Teguran & Salah Laku Tidak Dapat Disahkan <i>Delay of Salary Movement for 3 Months, Fine, Letter of Reprimand & Unsubstantiated Misconduct</i>	1	-	-	1
Tangguh Pergerakan Gaji 3 Bulan, Surat Teguran & Salah Laku Tidak Dapat Disahkan <i>Delay of Salary Movement for 3 Months, Letter of Reprimand & Unsubstantiated Misconduct</i>	1	-	-	1
Surat Teguran <i>Letter of Reprimand</i>	-	16	-	16
Syor Tata tertib <i>Recommendation for Disciplinary Action</i>	-	8	-	8
Lucut Hak Emolumen <i>Deprivation of Emoluments</i>	-	6	-	6
Rujuk kepada PBT [perenggan 30(1)(b)] <i>Refer to PBT [paragraph 30(1)(b)]</i>	-	5	-	5
Syor Tindakan Naziran Dijalankan <i>Recommendation for Inspection to be Carried Out</i>	-	3	-	3
Rujuk kepada Pendakwa Raya [perenggan 30(1)(c)] <i>Refer to Public Prosecutor [paragraph 30(1)(c)]</i>	-	2	-	2
Denda <i>Fine</i>	-	1	-	1

KEPUTUSAN MESYUARAT SURUHANJAYA <i>DECISIONS OF THE MEETINGS OF THE COMMISSION</i>	TAHUN YEAR			JUMLAH TOTAL <i>TOTAL</i>
	2022	2021	2020	
Rujuk kepada SPRM [subseksyen 27(2)] <i>Refer to MACC [subsection 27(2)]</i>	-	1	-	1
Syor Kajian Semula Keputusan Tatatertib PBT <i>Recommendation for the Review of PBT Decisions</i>	-	1	-	1
JUMLAH FAIL ADUAN DIBUKA NUMBER OF COMPLAINT FILES OPENED	68	277	0	345

Nota:

- (i) Jumlah keputusan MS berbeza daripada jumlah kertas siasatan yang dibuka pada tahun 2022 kerana terdapat kertas siasatan yang dibuka pada tahun 2021 yang dibawa ke MS pada tahun 2022 untuk diputuskan.
- (ii) Terdapat keputusan MS yang lebih daripada 1 disebabkan oleh Laporan Dapatan Siasatan (LDS) yang dibentangkan kepada MS melibatkan lebih daripada seorang Pegawai Yang Diadukan (PYDA) atau Pegawai Yang Disiasat (PYDS).

Note:

- (i) *The total number of decisions of the MS differs from the total number of Investigation Papers opened in 2022 due to the fact that some Investigation Papers opened in 2021 were brought to the MS in 2022 to be decided.*
- (ii) *Some of the decisions of the MS include more than one (1) recommendation because the Report of Investigation Findings (LDS) presented in the MS involved more than one Officer Complained Against (PYDA) or Investigated Against (PYDS).*

Jadual 8: Status Kertas Siasatan
(Tahun 2020 hingga 2022)
Table 8: EAIC Investigation Papers Status
(Year 2020 to 2022)

KERTAS SIASATAN <i>INVESTIGATION PAPERS</i>	TAHUN YEAR			JUMLAH <i>TOTAL</i>
	2022	2021	2020	
Bil. Kertas Siasatan Masih Dalam Tindakan <i>No. of Investigation Papers Still In Action</i>	27	0	0	27
Bil. Kertas Siasatan Telah Selesai <i>No. of Investigation Papers Completed</i>	23	80	83	186
JUMLAH FAIL ADAUAN DIBUKA NUMBER OF COMPLAINT FILES OPENED	50	80	83	213

Sehingga 31 Disember 2022, sejumlah 186 daripada 213 kertas siasatan yang dibuka dari tahun 2020 hingga 2022 telah berjaya diselesaikan, manakala terdapat 27 kertas siasatan yang dibuka pada tahun 2022 masih dalam tindakan Pegawai Siasatan EAIC.

As of 31 December 2022, a total of 186 of 213 investigation papers that were opened from 2020 to 2022 have been successfully resolved, whilst the remaining 27 investigation papers opened in 2022 are still pending action of EAIC's Investigation Officers.

BAHAGIAN DASAR

POLICY DIVISION



Bahagian Dasar
Policy Division

Bahagian Dasar (BD) bertanggungjawab untuk menyelaras dan memastikan pelaksanaan perjalanan Mesyuarat Suruhanjaya (MS) selari dengan peruntukan di bawah seksyen 9 Akta 700. Selain itu, BD turut bertanggungjawab untuk menyelaras pengauditan dan pemantauan terhadap aspek pengoperasian dan mengadakan lawatan ke premis agensi penguatkuasaan sebagaimana yang diperuntukkan di perenggan 4(1)(d) dan (h) Akta 700. BD juga bertanggungjawab untuk membangunkan Pelan Strategik EAIC dan memantau pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) EAIC.

The Policy Division (BD) is responsible for coordinating and ensuring the execution of Meetings of the Commission (MS) in line with the provisions under section 9 of Act 700. In addition, BD is also responsible for coordinating, auditing and monitoring the operational aspects and conducting visits to the premises of supervisory enforcement agencies as provided in paragraph 4(1)(d) and (h) of Act 700. BD is also responsible for developing EAIC's Strategic Plan and monitoring the achievement of EAIC's Key Performance Indicators (KPI).

MESYUARAT SURUHANJAYA

MEETINGS OF THE COMMISSION

Subseksyen 9(1) Akta 700 memperuntukkan Suruhanjaya hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang perlu untuk melaksanakan fungsinya. Bagi tujuan tersebut, barisan Pesuruhjaya akan meneliti dan mempertimbangkan syor sesuatu aduan dan siasatan. Pada tahun 2022, sebanyak 12 Mesyuarat Suruhanjaya (MS) dilaksanakan secara fizikal dan sidang video.

Subsection 9(1) of Act 700 provides that the Commission shall meet as often as necessary to carry out its functions. For that purpose, the Commissioners will examine and consider the recommendations of a particular complaint and investigation. In 2022, a total of 12 Meetings of the Commission (MS) were successfully held physically including by video conference.

Jadual 9: Senarai Mesyuarat Suruhanjaya Sepanjang Tahun 2022

Table 9: List of Meetings of the Commission for the Year 2022

BIL BIL	PERKARA MATTER	TARIKH DATE	MEDIUM MEDIUM
1	MS Bil.1/2022	12 Januari 2022 <i>12 January 2022</i>	Fizikal <i>Physical</i>
2	MS Bil.2/2022	16 Februari 2022 <i>16 February 2022</i>	Fizikal <i>Physical</i>
3	MS Bil.3/2022	9 Mac 2022 <i>9 March 2022</i>	Fizikal <i>Physical</i>
4	MS Bil.4/2022	13 April 2022 <i>13 April 2022</i>	Sidang Video <i>Video conference</i>
5	MS Bil.5/2022	18 Mei 2022 <i>18 May 2022</i>	Fizikal & Sidang Video <i>Physical & Video conference</i>
6	MS Bil.6/2022	15 Jun 2022 <i>15 June 2022</i>	Fizikal <i>Physical</i>

BIL BIL	PERKARA MATTER	TARIKH DATE	MEDIUM MEDIUM
7	MS Bil.7/2022	6 Julai 2022 <i>6 July 2022</i>	<i>Fizikal</i> <i>Physical</i>
8	MS Bil.8/2022	3 Ogos 2022 <i>3 August 2022</i>	<i>Fizikal</i> <i>Physical</i>
9	MS Bil.9/2022	7 September 2022 <i>7 September 2022</i>	<i>Fizikal</i> <i>Physical</i>
10	MS Bil.10/2022	19 Oktober 2022 <i>19 October 2022</i>	<i>Fizikal</i> <i>Physical</i>
11	MS Bil.11/2022	9 November 2022 <i>9 November 2022</i>	<i>Fizikal</i> <i>Physical</i>
12	MS Bil.12/2022	14 Disember 2022 <i>14 December 2022</i>	<i>Fizikal</i> <i>Physical</i>

Selain MS fizikal dan sidang video, Mesyuarat Suruhanjaya Secara Resolusi (MS Resolusi) turut diadakan secara edaran melalui e-mel pada setiap hari bekerja bagi mempercepatkan proses barisan Pesuruhjaya mempertimbangkan dan mengesahkan syor sesuatu aduan. Pada tahun 2022, sebanyak 532 aduan telah diputuskan oleh Pesuruhjaya melalui 232 MS Resolusi yang telah diedarkan kepada Pesuruhjaya.

Apart from the physical and video conference MS, Meetings of the Commission by Resolution (MS Resolution) were also held via circulation of e-mail on every working day to speed up the process of considering and confirming the recommendation of a complaint by the Commissioners. In 2022, a total of 532 complaints were decided by the Commissioners via 232 MS Resolutions which were circulated to the Commissioners.



Mesyuarat Suruhanjaya yang bersidang secara fizikal
Meetings of the Commission that were held physically

SESI LIBAT URUS *ENGAGEMENT SESSION*

Sesi libat urus (SLU) EAIC bersama dengan agensi penguatkuasaan seliaan EAIC adalah untuk mengeratkan hubungan kerjasama antara EAIC dan agensi penguatkuasaan seliaan yang berkenaan.

The SLU with EAIC's supervisory enforcement agencies aimed to strengthen the cooperation between EAIC and the relevant supervisory enforcement agencies.

Ini selaras dengan perenggan 4(1)(h) Akta 700 yang memperuntukkan fungsi EAIC untuk membuat lawatan ke premis sesuatu agensi penguatkuasaan, termasuk melawat balai polis dan lokap mengikut tatacara di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan membuat apa-apa saranan yang perlu berhubung dengannya.

This is in line with paragraph 4(1)(h) of Act 700 which outlined EAIC's function to conduct visits to the premises of a certain supervisory enforcement agency, including visits to the police stations and

lock-ups according to procedures under any written law and subsequently adducing any necessary recommendations in regards to it.

Pada tahun 2022, EAIC telah mengadakan 20 SLU melibatkan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) di setiap Kontinjen Negeri dan juga beberapa agensi penguatkuasaan seliaan lain antaranya Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

In 2022, EAIC held 20 SLUs involving the Department of Integrity and Standard Compliance (JIPS) at each State Contingent and also several other supervisory enforcement agencies including the National Anti-Drug Agency (AADK), the Royal Malaysian Customs Department (JKDM), the Road Department Transport (JPJ) and the Malaysian Immigration Department (JIM).

Jadual 10: Senarai Sesi Libat Urus Sepanjang Tahun 2022

Table 10: List of Engagement Sessions of the Year 2022

BIL BIL	AGENSI PENGUATKUASAAN <i>ENFORCEMENT AGENCIES</i>	TARIKH <i>DATE</i>
1	JIPS KEDAH	27 Januari 2022 <i>27 January 2022</i>
2	AADK KEDAH	27 Januari 2022 <i>27 January 2022</i>
3	JIPS TERENGGANU	23 Februari 2022 <i>23 February 2022</i>
4	JIPS PAHANG	24 Februari 2022 <i>24 February 2022</i>
5	JKDM PAHANG	24 Februari 2022 <i>24 February 2022</i>
6	AADK KELANTAN	24 Mei 2022 <i>24 May 2022</i>
7	JIPS KELANTAN	25 Mei 2022 <i>25 May 2022</i>
8	JIPS SELANGOR	2 Jun 2022 <i>2 June 2022</i>

BIL <i>BIL</i>	AGENSI PENGUATKUASAAN <i>ENFORCEMENT AGENCIES</i>	TARIKH <i>DATE</i>
9	JIPS WP KUALA LUMPUR	14 Jun 2022 <i>14 June 2022</i>
10	JIPS PERLIS	28 Jun 2022 <i>28 June 2022</i>
11	JIPS PULAU PINANG <i>JIPS PENANG</i>	29 Jun 2022 <i>29 June 2022</i>
12	JIPS PERAK	1 Julai 2022 <i>1 July 2022</i>
13	JIPS NEGERI SEMBILAN	16 Ogos 2022 <i>16 August 2022</i>
14	JIPS JOHOR <i>JIPS JOHORE</i>	17 Ogos 2022 <i>17 August 2022</i>
15	JPJ MELAKA <i>JPJ MALACCA</i>	18 Ogos 2022 <i>18 August 2022</i>
16	JIPS MELAKA <i>JIPS MALACCA</i>	19 Ogos 2022 <i>19 August 2022</i>
17	JIPS SARAWAK	20 September 2022 <i>20 September 2022</i>
18	JIPS SABAH	22 September 2022 <i>22 September 2022</i>
19	JIM SABAH	22 September 2022 <i>22 September 2022</i>
20	JIPS BUKIT AMAN	28 Oktober 2022 <i>28 October 2022</i>

I. SLU BERSAMA DENGAN JIPS KONTINJEN NEGERI

SLU WITH JIPS STATE CONTINGENT

SLU bersama dengan pihak JIPS Kontinjen Negeri diadakan bertujuan untuk—

- (i) mengeratkan hubungan kerjasama EAIC dan PDRM;
- (ii) mengadakan perbincangan bersama mengenai isu-isu yang melibatkan EAIC dan PDRM; dan
- (iii) memberi penekanan kepada hasrat penubuhan EAIC yang pada dasarnya bukanlah untuk mencari kesalahan atau membuka keaiban seseorang pegawai penguat kuasa atau sesuatu agensi penguatkuasaan. Sebaliknya, penubuhan EAIC harus dilihat sebagai sebuah medium atau saluran untuk membantu agensi penguatkuasaan seliaan EAIC dalam pemantapan integriti. Ini adalah untuk memperbaiki persepsi masyarakat serta meningkatkan akauntabiliti dan mutu perkhidmatan institusi penguatkuasaan di negara ini.

SLU with JIPS's State Contingent was held for the purpose of—

- (i) *strengthening the cooperation between EAIC and PDRM;*
- (ii) *organising joint discussions sessions on issues involving EAIC and PDRM; and*
- (iii) *emphasizing on the intention of EAIC's establishment which is neither to find flaws nor to reveal the weaknesses of an enforcement officer or an enforcement agency. Instead, the establishment of EAIC should be seen as a medium or channel to assist EAIC's supervisory enforcement agencies in strengthening their integrity. This is to improve public perception as well as to improve accountability and quality of service of the enforcement institutions in this country.*

Dalam sesi SLU JIPS Kontinjen Negeri, pihak EAIC telah diketuai oleh Puan Norhayati Ahmad, Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif EAIC yang turut dihadiri oleh Pengarah Bahagian Operasi, Timbalan Pengarah I dan II Bahagian Operasi, Pengarah Bahagian Dasar dan pihak urus setia SLU.

The SLU session with JIPS's State Contingent, EAIC was led by Puan Norhayati Ahmad, Secretary/ Chief Executive Officer of EAIC together with the Director of the Operations Division, the Deputy Director I and II of the Operations Division, the Director of the Policy Division and the SLU's secretariats.

JIPS KEDAH

SLU bersama dengan JIPS Kedah telah diadakan pada 27 Januari 2022. Satu kunjungan hormat diadakan kepada Ketua Polis Kedah, YDH CP Datuk Wan Hassan Wan Ahmad. Ini diikuti dengan SLU bersama dengan JIPS Kedah yang dipengerusikan oleh YDH ACP Ramia a/l Kanapathi, Ketua JIPS Ibu Pejabat Kontingen (IPK) Kedah.

The SLU with JIPS Kedah was held on 27 January 2022. A courtesy visit was paid to the Chief Police of Kedah, YDH CP Datuk Wan Hassan Wan Ahmad. This was followed by an SLU with JIPS Kedah chaired by YDH ACP Ramia a/l Kanapathi, Head of JIPS Kedah Contingent Headquarters (IPK).



Sesi kunjungan hormat kepada Ketua Polis Kedah dan SLU bersama dengan JIPS Kedah

Courtesy visit session with Chief Police of Kedah and SLU with JIPS Kedah

JIPS TERENGGANU



Sesi kunjungan hormat kepada Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Terengganu dan SLU bersama dengan JIPS Terengganu

Courtesy visit session with the Head of Terengganu Criminal Investigation Department and SLU with JIPS Terengganu

SLU bersama dengan JIPS Terengganu telah diadakan pada 23 Februari 2022. Satu kunjungan hormat diadakan kepada Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Terengganu, YDH ACP Marzukhi Mokhtar. Ini diikuti dengan SLU bersama dengan JIPS Terengganu yang dipengerusikan oleh YDH ASP Nurul Isma Khairudin, Timbalan Ketua JIPS IPK Terengganu.

The SLU with JIPS Terengganu was held on 23 February 2022. A courtesy visit was paid to the Head of Terengganu Criminal Investigation Department, YDH ACP Marzukhi Mokhtar. This was followed by an SLU with JIPS Terengganu chaired by YDH ASP Nurul Isma Khairudin, the Deputy Head of JIPS IPK Terengganu.

JIPS PAHANG



SLU bersama dengan JIPS Pahang

SLU with JIPS Pahang

SLU bersama dengan JIPS Pahang telah diadakan pada 24 Februari 2022. Satu kunjungan hormat kepada Ketua Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard, YDH ACP Sulaiman Staffa telah diadakan. Ini diikuti dengan SLU bersama dengan JIPS Pahang yang telah dipengerusikan oleh beliau sendiri.

The SLU with JIPS Pahang was held on 24 February 2022. A courtesy visit was paid to the Head of the Integrity and Standard Compliance Department, YDH ACP Sulaiman Staffa. This was followed by an SLU with JIPS Pahang which was chaired by YDH ACP Sulaiman Staffa himself.

JIPS KELANTAN

SLU bersama dengan JIPS Kelantan telah diadakan pada 25 Mei 2022. Satu kunjungan hormat diadakan kepada Pemangku Ketua Polis Kelantan, YDH DCP Dato' Muhamad Zaki Harun. Ini diikuti dengan SLU bersama dengan JIPS Kelantan yang dipengerusikan oleh YDH ACP Idrus Hanapiyah, Ketua Pengurusan Kontingen Kelantan.

The SLU with JIPS Kelantan was held on 25 May 2022. EAIC paid a courtesy visit to the Acting Chief Police of Kelantan, YDH DCP Dato' Muhamad Zaki Harun. This was followed by an SLU with JIPS Kelantan chaired by YDH ACP Idrus Hanapiyah, the Head of Kelantan Contingent Management.



Sesi kunjungan hormat kepada Pemangku Ketua Polis Kelantan dan SLU bersama dengan JIPS Kelantan
Courtesy visit session with the Acting Chief Police of Kelantan and SLU with JIPS Kelantan

JIPS SELANGOR

SLU EAIC bersama dengan JIPS Selangor telah diadakan pada 2 Jun 2022. EAIC telah mengadakan kunjungan hormat kepada Ketua Polis Selangor, YDH CP Dato' Arjunaidi Mohamed. Ini diikuti dengan SLU bersama dengan JIPS Selangor yang telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Polis Selangor, YDH DCP Dato' Sasikala Devi a/p Subramaniam.

EAIC's SLU with JIPS Selangor was held on 2 June 2022. EAIC paid a courtesy visit to the Chief Police of Selangor, YDH CP Dato' Arjunaidi Mohamed. This was followed by an SLU with JIPS Selangor which was chaired by the Deputy Chief Police of Selangor, YDH DCP Dato' Sasikala Devi a/p Subramaniam.



Sesi kunjungan hormat kepada Ketua Polis Selangor dan SLU bersama dengan JIPS Selangor

Courtesy visit session with Chief Police of Selangor and SLU with JIPS Selangor

JIPS KUALA LUMPUR



Sesi kunjungan hormat kepada Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur dan SLU bersama dengan JIPS Kuala Lumpur

Courtesy visit session with the Deputy Chief Police of Kuala Lumpur and SLU with JIPS Kuala Lumpur

SLU EAIC bersama dengan JIPS Kuala Lumpur telah diadakan pada 14 Jun 2022. EAIC telah mengadakan kunjungan hormat kepada Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur, YDH DCP Dato' Yahaya Othman. Ini diikuti dengan SLU bersama dengan JIPS Kuala Lumpur yang telah dipengerusikan oleh beliau sendiri.

EAIC's SLU with JIPS Kuala Lumpur was held on 14 June 2022. EAIC paid a courtesy visit to the Deputy Chief Police of Kuala Lumpur, YDH DCP Dato' Yahaya Othman. This was followed by an SLU with JIPS Kuala Lumpur which was chaired by YDH DCP Dato' Yahaya Othman himself.

JIPS PERLIS



SLU bersama dengan JIPS Perlis

SLU with JIPS Perlis

EAIC telah mengadakan SLU bersama dengan JIPS Perlis pada 28 Jun 2022 yang dipengerusikan oleh YDH Supt. Aziz Jaafar, Ketua JIPS IPK Perlis.

The EAIC held an SLU with JIPS Perlis on 28 June 2022 chaired by YDH Supt. Aziz Jaafar, the Head of JIPS IPK Perlis.

JIPS PULAU PINANG JIPS PENANG

SLU EAIC bersama dengan JIPS Pulau Pinang telah diadakan pada 29 Jun 2022. Satu kunjungan hormat telah diadakan kepada Ketua Polis Pulau Pinang, YDH CP Dato' Mohd Shuhaily Mohd Zain. Ini diikuti dengan SLU bersama dengan JIPS Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh YDH ACP Liong Sau Lai, Ketua JIPS IPK Pulau Pinang.

The EAIC's SLU with JIPS Penang was held on 29 June 2022. A courtesy visit was paid to the Chief Police of Penang, YDH CP Dato' Mohd Shuhaily Mohd Zain. This was followed by an SLU with JIPS Penang chaired by YDH ACP Liong Sau Lai, the Head of JIPS IPK Penang.



Sesi kunjungan hormat kepada Ketua Polis Pulau Pinang dan SLU bersama dengan JIPS Pulau Pinang
Courtesy visit session with the Chief Police of Penang and SLU with JIPS Penang

JIPS PERAK

SLU EAIC bersama dengan JIPS Perak telah diadakan pada 1 Julai 2022. EAIC telah mengadakan kunjungan hormat kepada Ketua Polis Perak, YDH CP Dato' Pahlawan Mior Faridalathrash Wahid. Ini diikuti dengan SLU bersama dengan JIPS Perak yang dipengerusikan oleh YDH ACP Amran Ab Rashid, Ketua JIPS IPK Perak.

EAIC's SLU with JIPS Perak was held on 1 July 2022. EAIC has paid a courtesy visit to the Chief Police of Perak, YDH CP Dato' Pahlawan Mior Faridalathrash Wahid. This was followed by an SLU with JIPS Perak chaired by YDH ACP Amran Ab Rashid, Chief of JIPS IPK Perak.



Sesi kunjungan hormat kepada Ketua Polis Perak dan SLU bersama dengan JIPS Perak
Courtesy visit session to Chief Police of Perak and SLU with JIPS Perak

JIPS NEGERI SEMBILAN



Sesi kunjungan hormat kepada Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti

Negeri Sembilan dan SLU bersama dengan JIPS Negeri Sembilan

Courtesy visit session with the Head of Negeri Sembilan Crime Prevention and Community Security

Department and SLU with JIPS Negeri Sembilan

SLU EAIC bersama dengan JIPS Negeri Sembilan telah diadakan pada 16 Ogos 2022. Satu kunjungan hormat kepada Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Negeri Sembilan, YDH ACP Mohd Zawawi Abdullah telah diadakan. Ini diikuti dengan SLU bersama dengan JIPS Negeri Sembilan yang telah dipengerusikan oleh beliau sendiri.

EAIC's SLU with JIPS Negeri Sembilan was held on 16 August 2022. A courtesy visit was paid to the Head of the Department of Crime Prevention and Community Security Negeri Sembilan, YDH ACP Mohd Zawawi Abdullah. This was followed by an SLU with JIPS Negeri Sembilan which was chaired by YDH ACP Mohd Zawawi Abdullah himself.

JIPS JOHOR JIPS JOHORE



Sesi kunjungan hormat kepada Ketua Polis Johor dan SLU bersama dengan JIPS Johor
Courtesy visit session with the Chief Police of Johore and SLU with JIPS Johore

SLU EAIC bersama dengan JIPS Johor telah diadakan pada 17 Ogos 2022. EAIC telah mengadakan kunjungan hormat kepada Ketua Polis Johor, YDH CP Dato' Kamarul Zaman Mamat. Ini diikuti dengan SLU bersama dengan JIPS Johor yang telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Polis Johor, YDH DCP Dato' Khaw Kok Chin.

EAIC's SLU with JIPS Johore was held on 17 August 2022. EAIC has paid a courtesy visit to the Chief Police of Johore, YDH CP Dato' Kamarul Zaman Mamat. This was followed by an SLU with JIPS Johore which was chaired by the Deputy Chief Police of Johore, YDH DCP Dato' Khaw Kok Chin.

JIPS MELAKA JIPS MALACCA

SLU EAIC bersama dengan JIPS Melaka telah diadakan pada 19 Ogos 2022. EAIC telah mengadakan kunjungan hormat kepada Ketua Polis Melaka, YDH DCP Dato' Zainol Haji Samah. Ini diikuti dengan SLU bersama dengan JIPS Melaka yang telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Polis Melaka, YDH SAC Datuk Razali Abu Samah.

EAIC's SLU with JIPS Malacca was held on 19 August 2022. EAIC paid a courtesy visit to the Chief Police of Malacca, YDH DCP Dato' Zainol Haji Samah. This was followed by an SLU with JIPS Malacca which was chaired by the Deputy Chief of Police Malacca, YDH SAC Datuk Razali Abu Samah.



Sesi kunjungan hormat kepada Ketua Polis Melaka dan SLU bersama dengan JIPS Melaka
Courtesy visit session with the Chief Police of Malacca and SLU with JIPS Malacca

JIPS SARAWAK

SLU EAIC bersama dengan JIPS Sarawak telah diadakan pada 20 September 2022. EAIC telah mengadakan kunjungan hormat kepada Pesuruhjaya Polis Sarawak, YDH CP Dato' Mohd Azman Ahmad Sapri. Ini diikuti dengan SLU bersama dengan JIPS Sarawak yang telah dipengerusikan oleh Timbalan Pesuruhjaya Polis Sarawak, YDH DCP Dato' Mancha Ata.

EAIC's SLU with JIPS Sarawak was held on 20 September 2022. EAIC has paid a courtesy visit to the Police Commissioner of Sarawak, YDH CP Dato' Mohd Azman Ahmad Sapri. This was followed by an SLU with JIPS Sarawak which was chaired by the Deputy Police Commissioner of Sarawak, YDH DCP Dato' Mancha Ata.



Sesi kunjungan hormat kepada Pesuruhjaya Polis Sarawak dan SLU bersama dengan JIPS Sarawak
Courtesy visit session with the Police Commissioner of Sarawak and SLU with JIPS Sarawak

JIPS SABAH



Sesi kunjungan hormat kepada Pesuruhjaya Polis Sabah dan SLU bersama dengan JIPS Sabah
Courtesy visit session with the Police Commissioner of Sabah and SLU with JIPS Sabah

SLU EAIC bersama dengan JIPS Sabah telah diadakan pada 22 September 2022. EAIC telah mengadakan kunjungan hormat kepada Pesuruhjaya Polis Sabah, YDH CP Dato' Idris Abdullah. Ini diikuti dengan SLU bersama dengan JIPS Sabah yang dipengerusikan oleh YDH ACP George Abd Rakman, Ketua JIPS IPK Sabah.

EAIC's SLU with JIPS Sabah was held on 22 September 2022. EAIC has paid a courtesy visit to the Police Commissioner of Sabah, YDH CP Dato' Idris Abdullah. This was followed by an SLU with JIPS Sabah chaired by YDH ACP George Abd Rakman, the Head of JIPS IPK Sabah.

II. SLU BERSAMA DENGAN JIPS BUKIT AMAN

SLU WITH JIPS BUKIT AMAN

Setelah berakhirnya SLU JIPS Kontinjen Negeri, pihak EAIC telah mengadakan sesi penutup SLU EAIC bersama dengan JIPS Bukit Aman (SLU JIPS Bukit Aman) pada 28 Oktober 2022, jam 9.30 pagi bertempat di Bukit Aman.

At the end of the SLU with all of the relevant JIPS State Contingent, EAIC held an SLU closing session/ceremony with JIPS Bukit Aman (SLU JIPS Bukit Aman) on 28 October 2022, 9.30 am at Bukit Aman.

Dalam sesi SLU JIPS Bukit Aman, pihak EAIC telah diketuai oleh Puan Norhayati Ahmad, Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif EAIC, manakala JIPS Bukit Aman diketuai oleh YDH DCP Dato' Fadzil Ahmat, Timbalan Pengarah JIPS (Integriti). Turut hadir pada SLU tersebut adalah Ketua Penolong Pengarah JIPS Bukit Aman, Ketua JIPS Kontinjen Negeri dan pegawai kanan EAIC serta PDRM.

During the SLU Session with JIPS Bukit Aman, EAIC was led by Puan Norhayati Ahmad, the Secretary/Chief Executive Officer of EAIC, while JIPS Bukit Aman was led by YDH DCP Dato' Fadzil Ahmat, the Deputy Director of JIPS (Integrity). Also present during the SLU were the Chief Assistant Director of JIPS Bukit Aman, the Head of JIPS State Contingent and senior officers of EAIC and PDRM.

SLU JIPS Bukit Aman diadakan sebagai sesi penutup SLU bersama dengan pihak PDRM dan bertujuan untuk membincangkan isu dan cadangan penambahbaikan yang telah dikenal pasti sepanjang SLU JIPS Kontinjen Negeri. Ini termasuk mengenai pengurusan aduan yang diterima oleh EAIC dan siasatan yang dijalankan berhubung aduan salah laku integriti anggota PDRM yang diterima.

The SLU session with JIPS Bukit Aman was chosen as the closing session of SLU with PDRM and was intended to discuss the issues and suggestions for improvement pointed out during the SLU with JIPS State Contingent. This includes the management of complaints received by EAIC and the investigation carried out on the received complaints of misconduct by PDRM's officers.

Satu Laporan SLU Bersama Dengan JIPS Kontinjen Negeri (Laporan SLU EAIC) telah disediakan. Isu dan cadangan penambahbaikan yang terkandung di dalam Laporan SLU EAIC tersebut adalah seperti berikut:

- (i) penambahbaikan proses maklum balas;
- (ii) membekalkan maklum balas bagi siasatan awal;
- (iii) penurunan kuasa oleh Ketua Polis Daerah kepada pegawai kanan IPD bagi mempercepatkan proses pembekalan maklum balas;

- (iv) kerjasama daripada PYDA;
- (v) faktor mitigasi kelewatan siasatan dijalankan;
- (vi) penerimaan aduan oleh pengadu tegar;
- (vii) penambahbaikan Prosedur Operasi Standard pengeluaran surat PEM (Surat Pemakluman);
- (viii) penambahbaikan kemudahan di kaunter inkuiiri; dan
- (ix) pelantikan *focal person* bagi menyelaraskan pengurusan aduan dan siasatan.

A Joint SLU Report with JIPS State Contingent (EAIC's SLU Report) has been prepared. The issues and suggestions for improvement contained in the EAIC's SLU Report are as follows:

- (i) *improvement on the feedback process;*
- (ii) *provide feedback for preliminary investigations;*
- (iii) *delegation of powers by the District Chief Police to IPD's senior officers to speed up the process of providing feedback;*
- (iv) *cooperation from PYDA;*
- (v) *mitigating factors of delay in investigation;*
- (vi) *acceptance of complaints by persistent complainants;*
- (vii) *improvement of the Standard Operating Procedures for issuing PEM letters (Surat Pemakluman);*
- (viii) *improvement of facilities at the inquiry counter; and*
- (ix) *appointment of a focal person to coordinate the management of complaints and investigations.*

Laporan SLU ini telah dibentangkan dalam SLU JIPS Bukit Aman; segala isu yang dikenal pasti telah dipersetujui dan cadangan penambahbaikan akan diambil tindakan segera oleh pihak JIPS Bukit Aman dalam usaha untuk melancarkan pengendalian aduan dan siasatan bagi kedua-dua pihak.

The SLU report was presented during the SLU with JIPS Bukit Aman; all identified issues were agreed upon and suggestions for improvement will be immediately acted upon by JIPS Bukit Aman as an effort to facilitate the handling of complaints and investigations for both parties.



SLU bersama dengan JIPS Bukit Aman

SLU with JIPS Bukit Aman

III. SLU BERSAMA DENGAN AADK KEDAH DAN AADK KELANTAN

SLU WITH AADK KEDAH AND AADK KELANTAN

AADK KEDAH

SLU bersama dengan AADK Kedah telah diadakan pada 27 Januari 2022. Dalam SLU ini, EAIC telah diketuai oleh Puan Norhayati Ahmad, Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif EAIC, manakala AADK Kedah diketuai oleh YBrs. Tuan Abdul Hamediee Ibrahim, Pengarah AADK Kedah. Turut hadir dalam SLU tersebut ialah Tuan Nasru'd-din Abdul Rahman, Timbalan Pengarah Penguatkuasaan & Keselamatan AADK Kedah dan pegawai kanan EAIC serta AADK Kedah.

The SLU with AADK Kedah was held on 27 January 2022. During this SLU, EAIC was led by Puan Norhayati Ahmad, the Secretary/Chief Executive Officer of EAIC, while AADK Kedah was led by YBrs. Tuan Abdul Hamediee Ibrahim, the Director of AADK Kedah. Also present during the SLU was Tuan Nasru'd-din Abdul Rahman, the Deputy Director of Enforcement & Security of AADK Kedah and the senior officers of EAIC and AADK Kedah.

Dalam SLU tersebut, EAIC telah membentangkan statistik aduan salah laku AADK yang diterima oleh EAIC serta mengadakan perbincangan bersama mengenai isu-isu yang melibatkan kedua-dua pihak. Antara isu utama yang dibangkitkan dalam SLU tersebut adalah berhubung dengan penambahbaikan yang boleh dipertimbangkan oleh pihak AADK dalam menguruskan pengendalian barang kes berdasarkan kepada aduan yang pernah dikemukakan kepada EAIC. Selain itu, EAIC turut mengambil maklum berhubung beberapa isu dasar dan kebijakan yang dibangkitkan oleh pihak AADK.

During the SLU, EAIC presented the statistics of complaints of misconduct received by EAIC against AADK and held a joint discussion on the issues involving both parties. Among the main issues raised during the SLU were in relation to the improvements that can be considered by the AADK in managing the handling of exhibit based on the complaints submitted to EAIC. In addition, EAIC also took note of several policy and welfare issues raised by AADK.



SLU bersama dengan AADK Kedah

SLU with AADK Kedah

AADK KELANTAN



SLU bersama dengan AADK Kelantan

SLU with AADK Kelantan

SLU bersama dengan AADK Kelantan telah diadakan pada 24 Mei 2022. Dalam SLU ini, EAIC telah diketuai oleh Puan Norhayati Ahmad, Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif EAIC, manakala AADK Kelantan diketuai oleh YBrs. Puan Rohayu Ahmad, Pengarah AADK Kelantan. Turut hadir pada SLU tersebut ialah pegawai kanan EAIC dan AADK Kelantan.

The SLU with AADK Kelantan was held on 24 May 2022. During the SLU, EAIC was led by Puan Norhayati Ahmad, the Secretary/Chief Executive Officer of EAIC, while AADK Kelantan was led by YBrs. Puan Rohayu Ahmad, the Director of AADK Kelantan. Also present during the SLU were senior officers of EAIC and AADK Kelantan.

Dalam SLU tersebut, EAIC telah membentangkan statistik aduan salah laku AADK yang diterima oleh EAIC serta mengadakan perbincangan bersama mengenai isu-isu yang melibatkan kedua-dua pihak antaranya pengurusan lokap, pengesyoran tatatertib oleh EAIC dan pengurusan maklumat pengadu AADK.

During the SLU, EAIC presented statistics on complaints of misconduct received by EAIC against AADK and held a joint discussion to discuss issues involving both parties, including lock up management, disciplinary recommendations by EAIC and information management of AADK's complainants.

IV. SLU BERSAMA DENGAN JKDM PAHANG

SLU WITH JKDM PAHANG



SLU bersama dengan JKDM Pahang
SLU with JKDM Pahang

SLU bersama dengan JKDM Pahang telah diadakan pada 24 Februari 2022. Dalam SLU ini, EAIC telah diketuai oleh Puan Norhayati Ahmad, Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif EAIC, manakala JKDM Pahang diketuai oleh YBrs. Tuan Abdul Ghafar Ibrahim, Pengarah JKDM Pahang. Turut hadir pada SLU tersebut ialah Tuan Md Nazri Yusuff, Ketua Bahagian Cukai Dalam Negeri dan pegawai kanan EAIC serta JKDM Pahang.

The SLU with JKDM Pahang was held on 24 February 2022. During this SLU, EAIC was led by Puan Norhayati Ahmad, the Secretary/Chief Executive Officer of EAIC, while JKDM Pahang was led by YBrs. Tuan Abdul Ghafar Ibrahim, the Director of JKDM Pahang. Also present at the SLU was Tuan Md Nazri Yusuff, the Head of Inland Tax Division and senior officers of EAIC and JKDM Pahang.

Dalam SLU tersebut, EAIC telah membentangkan statistik aduan salah laku JKDM yang diterima oleh EAIC serta mengadakan perbincangan bersama mengenai isu-isu yang melibatkan kedua-dua pihak.

During the SLU, EAIC presented the statistics of complaints of misconduct received by EAIC against JKDM and held a joint discussion on issues involving both parties.

V. SLU BERSAMA DENGAN JPJ MELAKA

SLU WITH JPJ MALACCA

SLU bersama dengan JPJ Melaka telah diadakan pada 18 Ogos 2022. Dalam SLU ini, EAIC telah diketuai oleh Puan Norhayati Ahmad, Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif EAIC, manakala JPJ Melaka diketuai oleh YBrs. Mohammad Afdhal Mohd Ruslan, Timbalan Pengarah JPJ Melaka. Turut hadir pada SLU tersebut ialah pegawai kanan EAIC serta JPJ Melaka.

The SLU with JPJ Malacca was held on 18 August 2022. During this SLU, EAIC was led by Puan Norhayati Ahmad, the Secretary/Chief Executive Officer of EAIC, while JPJ Malacca was led by YBrs. Mohammad Afdhal Mohd Ruslan, the Deputy Director of JPJ Malacca. Also present at the SLU were the senior officials of EAIC and JPJ Malacca.

Dalam SLU tersebut, EAIC telah membentangkan statistik aduan salah laku JPJ yang diterima oleh EAIC serta mengadakan perbincangan bersama mengenai isu-isu yang melibatkan kedua-dua pihak. Ini termasuk penerimaan hasil dapatan siasatan yang disyorkan oleh EAIC, keperluan untuk menyalinkan keputusan siasatan EAIC kepada Ketua Unit Integriti cawangan Negeri untuk tindakan lanjut dan pengemukaan maklum balas yang lengkap dan segera kepada EAIC.

During the SLU, EAIC presented the statistics of complaints of misconduct received by EAIC against JPJ and held a joint discussion on issues involving both parties. This includes the acceptance of the decision of investigation recommended by EAIC, the need to send a carbon copy of EAIC's decision of investigation to the Head of the Integrity Unit at the State branch for further action and the submission of complete and prompt feedback to EAIC.



SLU bersama dengan JPJ Melaka
SLU with JPJ Melaka

VI. SLU BERSAMA DENGAN JIM SABAH DAN JABATAN SIASATAN JENAYAH KOMERSIL (PDRM) SABAH

SLU WITH JIM SABAH AND THE DEPARTMENT OF COMMERCIAL CRIME INVESTIGATION (PDRM) SABAH



SLU bersama dengan JIM Sabah

SLU with JIM Sabah

SLU bersama dengan JIM Sabah dan Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (PDRM) Sabah telah diadakan pada 22 September 2022. Dalam SLU ini, EAIC telah diketuai oleh Puan Norhayati Ahmad, Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif EAIC, manakala JIM Sabah diketuai oleh YBrs. Puan SH. Sitti Saleha Habib, Pengarah JIM Sabah. Turut hadir pada SLU tersebut ialah pegawai kanan EAIC dan JIM Sabah.

The SLU with JIM Sabah and the Department of Commercial Crime Investigation (PDRM) Sabah was held on 22 September 2022. During this SLU, EAIC was led by Puan Norhayati Ahmad, the Secretary/Chief Executive Officer of EAIC, while JIM Sabah was led by YBrs. Puan SH. Sitti Saleha Habib, the JIM Director of Sabah. Also present at the SLU were the senior officers of EAIC and JIM Sabah.

Sesi ini turut dihadiri oleh YDH DSP Iyda Ismail, Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (PDRM) Sabah dan YDH Inspektor Minod a/l Doraisingam, Pegawai Penyiasat Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (PDRM) Sabah.

This session was also attended by YDH DSP Iyda Ismail, the Deputy Head of Department of Commercial Crime Investigation (PDRM) Sabah and YDH Inspector Minod a/l Doraisingam, the Investigation Officer of the Department of Commercial Crime Investigation (PDRM) Sabah.

Dalam SLU tersebut, EAIC telah membentangkan statistik aduan yang diterima oleh EAIC dan statistik siasatan. Perbincangan turut melibatkan keperluan surat menyurat dari JIM cawangan Negeri kepada EAIC disalinkan kepada Ibu Pejabat JIM dan pelantikan *focal person* bagi melancarkan hubungan komunikasi dua hala.

During the SLU, EAIC presented statistics of complaints received by EAIC and also the investigation statistics. The discussion also involved the need for correspondence from JIM's State branches to EAIC to be copied to JIM Headquarters and the appointment of a focal person to facilitate the two-way communication.

MESYUARAT KOORDINASI

COORDINATION MEETING

Mesyuarat Koordinasi (MK) EAIC Bersama Dengan Ketua Jabatan Agensi Penguatkuasaan Seliaan telah dilaksanakan sebanyak dua kali pada tahun 2022. MK yang diadakan pada 23 Jun 2022 dan 15 Disember 2022 telah dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Sidek Hassan, Penggerusi EAIC. MK ini merupakan platform untuk membentuk jalinan kerjasama strategik, mengembangkan aspirasi pengukuhan integriti antara EAIC dan agensi penguatkuasaan seliaan. MK ini juga telah mencapai kesepakatan untuk menambahbaik isu-isu mengenai penyelarasan dokumentasi dan komunikasi yang berkesan bagi melancarkan proses kerja dua hala antara EAIC dengan agensi penguatkuasaan seliaan.

The EAIC Coordination Meeting (MK) with the Head of Departments of the Supervisory Enforcement Agencies was held twice in 2022. The MK that was held on 23 June 2022 and 15 December 2022 was chaired by YBhg. Tan Sri Sidek Hassan, EAIC's Chairman. The MK acts as a platform to develop a network of strategic cooperation and building aspirations to strengthen integrity between EAIC and its supervisory enforcement agencies. This MK has also reached an agreement to revamp the issues of coordination of documentation and effective communication to facilitate the two-way work process between EAIC and the supervisory enforcement agencies.

Antara penambahbaikan telah dipersetujui dalam MK tersebut adalah pelantikan *focal person* bagi setiap agensi sebagai pemudah cara bagi urusan antara EAIC dengan agensi penguatkuasaan seliaan, serta cadangan edaran statistik aduan dan siasatan pada setiap suku tahun kepada agensi penguatkuasaan. Melalui *focal person* ini sebarang isu atau permasalahan di peringkat EAIC akan dapat diselesaikan dengan segera.

Among the improvements that have been agreed during the MK is the appointment of a focal person for each agency as a facilitator for matters arising between EAIC and the particular supervisory enforcement agency, as well as the proposal for distributing complaints and investigation statistic at every quarter of the year to the enforcement agency. Through this focal person, any issue or problem which arises at EAIC's level can be resolved immediately.



Mesyuarat Koordinasi Bil. 1/2022 pada 23 Jun 2022

Coordination Meeting No. 1/2022 on 23 June 2022



Mesyuarat Koordinasi Bil. 2/2022 pada 15 Disember 2022

Coordination Meeting No. 2/2022 on 15 December 2022

PIAGAM PELANGGAN

CLIENT'S CHARTER

Bermula pada 1 Mei 2022, EAIC telah menambah baik Piagam Pelanggan EAIC untuk memastikan kecekapan penyampaian perkhidmatan aduan dan siasatan EAIC kepada pengadu dapat dipertingkatkan. Maklumat pencapaian Piagam Pelanggan EAIC seperti berikut:

Starting from 1 May 2022, EAIC has upgraded the current Client's Charter to ensure that efficiency in delivering EAIC's complaint and investigation services to complainants can be further refined. The information on the achievements of the Client's Charter are as follows:

Jadual 11: Pencapaian Piagam Pelanggan EAIC Tahun 2022

Table 11: Achievements of EAIC's Client's Charter 2022

BIL	PIAGAM PELANGGAN <i>CLIENT'S CHARTER</i>	PENCAPAIAN % <i>ACHIEVEMENTS %</i>							
		MEI <i>MAY</i>	JUN <i>JUNE</i>	JULAI <i>JULY</i>	OGOS <i>AUGUST</i>	SEP <i>SEPT</i>	OKT <i>OCT</i>	NOV <i>NOV</i>	DIS <i>DEC</i>
1	Pemakluman penerimaan aduan dikeluarkan dalam tempoh 1 hari bekerja selepas Mesyuarat Jawatankuasa Aduan bersidang. <i>Notification of receipt of complaints</i> is issued within 1 working day after the Meeting of the Complaints Committee	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%
2	Pemakluman keputusan Laporan Dapatan Siasatan dikeluarkan dalam tempoh 1 hari bekerja selepas Mesyuarat Suruhanjaya bersidang. <i>Notification of receipt of complaints</i> is issued within 1 working day after the Meeting of the Commission	100%	100%	100%	100%	100%	80%	100%	100%

PELAN STRATEGIK

STRATEGIC PLAN

I. RUMUSAN PELAN STRATEGIK EAIC 2017 HINGGA 2022

SUMMARY OF EAIC's STRATEGIC PLAN 2017 TO 2022

Pelan Strategik EAIC 2017 hingga 2022 yang berteraskan kepada memperkuuhkan hala tuju EAIC dalam penguatkuasan, transformasi dan pembudayaan integriti di kalangan agensi pengkuatkuasaan seliaan yang berteraskan profesionalisme dan amalan terbaik telah berjaya dilaksanakan dalam tempoh lima tahun.

EAIC's Strategic Plan 2017 to 2022 which is grounded on strengthening EAIC's direction in enforcement, transformation and cultivation of integrity amongst supervisory enforcement agencies based on professionalism and best practices, has been successfully implemented within five years.

Pelan Strategik EAIC 2017 hingga 2022 menetapkan empat Teras Strategik dan Formulasi Tindakan yang perlu dilaksanakan oleh EAIC. Walau bagaimanapun hanya 48 daripada 83 program/aktiviti atau 59% yang dapat dilaksanakan susulan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19 yang bermula pada bulan Mac 2020 hingga Disember 2021.

EAIC's Strategic Plan 2017 to 2022 sets out four Strategic Core and Action Formulations to be implemented by EAIC. However, only 48 out of 83 programs/activities or 59% could be implemented following the Movement Control Order (MCO) due to the Covid-19 pandemic which started in March 2020 to December 2021.

II. PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK EAIC 2023 HINGGA 2027

DEVELOPMENT OF EAIC STRATEGIC PLAN 2023 TO 2027

Bagi meneruskan kesinambungan Pelan Strategik 2017 hingga 2022, Pelan Strategik yang baharu dibangunkan bagi meneruskan program/aktiviti yang tidak dapat dilaksanakan. Satu Bengkel Pembangunan Pelan Strategik 2023 hingga 2027 telah diadakan pada 28 hingga 30 November 2022 di Pulau Pinang. Bengkel ini dikendalikan oleh pegawai Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) merangkap Perunding Pembangunan Pelan Strategik EAIC 2023 hingga 2027. Ini adalah selaras dengan keperluan Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU Bilangan 2 Tahun 2021: Panduan Pembangunan Pelan Strategik Organisasi Sektor Awam. Bengkel ini turut dihadiri oleh Pengarah-Pengarah Bahagian EAIC dan Ahli Jawatankuasa Pelan Strategik EAIC 2023 hingga 2027.

To ensure continuity of the Strategic Plan 2017 to 2022, a new Strategic Plan will be developed to continue the programs/activities that are yet to be implemented. A Development Workshop on Strategic Plan 2023 to 2027 was held on 28 to 30 November 2022 in Penang. It was conducted by the officers of the Malaysian Administrative Modernization and Management Planning Unit (MAMPU) who are also the Consultant for EAIC's Strategic Plan Development 2023 to 2027. This is in accordance with the requirements of the MAMPU's Director General's Directive Number 2 Year 2021: Strategic Plan Development Guide for Public Sector Organizations. The workshop was also attended by EAIC's Directors of Divisions and Committee Members of EAIC's Strategic Plan 2023 to 2027.



Taklimat disampaikan oleh Puan Norhanizatuazwin binti Samsuni, Ketua Penolong Pengarah Kanan dan Encik Muhammad Baqir bin Ahmad Zuhdi daripada MAMPU

The briefing was delivered by Puan Norhanizatuazwin binti Samsuni, the Chief Assistant Senior Director and Encik Muhammad Baqir bin Ahmad Zuhdi from MAMPU



Sesi bergambar dengan Puan Norhayati binti Ahmad, Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif EAIC selepas selesai Bengkel Pembangunan Pelan Strategik 2023 hingga 2027

Photo session with Puan Norhayati binti Ahmad, the Secretary/Chief Executive Officer of EAIC after the completion of the Strategic Plan Development Workshop 2023 to 2027

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI)

Petunjuk Prestasi Utama atau Key Performance Indicator (KPI) penyelesaian aduan yang diterima merupakan suatu pengukuran prestasi EAIC demi memastikan aduan yang diterima EAIC dapat diurus dan dikendalikan dengan cekap dan berkesan. Pengukuran KPI yang digunakan adalah berdasarkan jumlah bilangan aduan yang diterima dan diselesaikan mengikut suatu tempoh masa yang telah ditetapkan.

The KPI for resolving the complaints received is a measuring standard of EAIC's performance so as to ensure that complaints received by EAIC can be managed and handled efficiently and effectively. The KPI standard of measurement used is based on the total number of complaints received and resolved according to a set period of time.

EAIC telah menetapkan 85% sebagai sasaran EAIC dalam memastikan aduan yang diterima dapat diselesaikan. Pengukuran KPI adalah mengikut suku tahun dan disediakan pada setiap 15 hari bulan April, Julai, Oktober dan Januari bagi tahun berikutnya.

EAIC has set 85% as EAIC's target in ensuring that the complaints received can be resolved. The measurement of the KPI is based on every quarter of the year and is prepared on every 15th day of April, July, October and January of the following year.

Pencapaian penyelesaian aduan yang diterima EAIC mengikut suku tahun adalah seperti berikut:

- (a) Januari hingga April 2022 - sejumlah 201 aduan yang diterima dan 175 aduan telah diselesaikan bersamaan 87.06%;
- (b) April hingga Jun 2022 - sejumlah 143 aduan yang diterima dan 125 aduan telah diselesaikan bersamaan 87.41%;
- (c) Julai hingga September 2022 - sejumlah 199 aduan yang diterima dan 170 aduan telah diselesaikan bersamaan 85.43%; dan
- (d) Oktober hingga Disember 2022 - sejumlah 161 aduan telah diterima dan 141 aduan telah diselesaikan bersamaan 87.58%.

EAIC's achievement on resolution of complaints received, according to every quarter of the year is as follows:

- (a) *January to April 2022 - a total of 201 complaints received and 175 complaints were resolved which is equal to 87.06%;*
- (b) *April to June 2022 - a total of 143 complaints received and 125 complaints were resolved which is equal to 87.41%;*
- (c) *July to September 2022 - a total of 199 complaints received and 170 complaints were resolved which is equal to 85.43%; and*
- (d) *October to December 2022 - a total of 161 complaints were received and 141 complaints were resolved which is equal to 87.58%.*

Jadual di bawah menunjukkan pencapaian KPI penyelesaian aduan yang diterima mengikut suku tahun bagi tahun 2022.

The table below shows the KPI's achievements on resolution of complaints received according to every quarter of the year 2022.

Jadual 12: Pencapaian penyelesaian aduan EAIC Tahun 2022

Table 12: EAIC's achievement on resolution of complaint in 2022

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) EAIC <i>EAIC Key Performance Indicator (KPI)</i>	Jenis Ukuran <i>Type of Measurement</i>	Kekerapan Pemantauan <i>Frequency of Monitoring</i>	2022							
			Sebenar / <i>Actual</i>							
			Suku 1 <i>1st Quarter</i>		Suku 2 <i>2nd Quarter</i>		Suku 3 <i>3rd Quarter</i>		Suku 4 <i>4th Quarter</i>	
			Jumlah <i>Total</i>	Peratus <i>Percentage</i>	Jumlah <i>Total</i>	Peratus <i>Percentage</i>	Jumlah <i>Total</i>	Peratus <i>Percentage</i>	Jumlah <i>Total</i>	Peratus <i>Percentage</i>
85% aduan diselesaikan <i>85% complaints resolved</i>	Bilangan aduan yang diterima <i>Number of received complaints</i>	3 bulan sekali (Suku Tahun) <i>Once every 3 months (3rd Quarter)</i>	201	87.06%	143	87.41%	199	85.43%	161	87.58%
	Bilangan aduan yang diterima <i>Number of received complaints</i>	3 bulan sekali (Suku Tahun) <i>Once every 3 months (3rd Quarter)</i>								

PENGURUSAN KURSUS DAN LATIHAN KAKITANGAN EAIC

COURSE MANAGEMENT AND EAIC'S STAFF TRAINING

Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSA) telah diperkenalkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 yang menetapkan bahawa setiap anggota sektor awam perlu melengkapkan diri dengan sikap (*attitude*), kemahiran (*skills*) dan pengetahuan (*knowledge*) yang bersesuaian. Ini dilaksanakan melalui program pembangunan sumber manusia yang terancang serta berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan. Selaras dengan dasar tersebut, pegawai EAIC telah menghadiri kursus/latihan/bengkel anjuran agensi Kerajaan, Badan Berkanun dan swasta yang bertauliah sepanjang tahun 2022. Kursus/latihan/bengkel yang dihadiri adalah seperti berikut:

The Public Sector Human Resource Training Policy (DLSA) was introduced via the Service Circular Number 6 of 2005 which stipulated that every member of the public sector needs to equip themselves with appropriate attitudes, skills and knowledge. This is done through human resource development programs which are planned and based on competency development and continuous learning. In accordance with that policy, EAIC's officers have attended courses/training/workshops organized by Government agencies, Statutory Bodies and accredited private parties throughout the year 2022. Courses/training/workshops which they had attended are as follows:

Jadual 13: Senarai Kursus/Latihan/Bengkel Anjuran Agensi Kerajaan, Badan Berkanun dan Swasta yang Bertauliah Sepanjang Tahun 2022

Table 13: List of Courses/Training/Workshops Organized by Government Agencies, Statutory Bodies and Certified Private Bodies Throughout the Year 2022

BIL. BIL.	NAMA KURSUS/ LATIHAN/ BENGKEL <i>NAME OF COURSE/ TRAINING/ WORKSHOP</i>	TEMPOH DURATION	ANJURAN ORGANIZER
1	Kursus Asas Perkhidmatan Dalam Perkhidmatan Awam	3 hari <i>3 days</i> [11/1/2022- 13/1/2022]	Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) <i>National Institute of Public Administration (INTAN)</i>
2	Latihan UPMS bagi Main Admin -MyGovUC 2.0 GWS (Atas Talian)	1 hari <i>1 day</i> [14/1/2022]	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) <i>Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU)</i>
3	<i>Training of Trainers (TOT) Program Pembangunan Kompetensi (CDP)</i>	1 hari <i>1 days</i> [14/1/2022]	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) <i>Public Service Department (JPA)</i>
4	Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeLO) Sektor Awam Siri 29 Bilangan 1 Tahun 2022	32 hari <i>32 days</i> [7/2/2022- 29/3/2022]	Akademik Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) <i>Malaysia Anti-Corruption Academy (MACA)</i>
5	Kursus Penggunaan Bahasa Yang Berkualiti Dalam Penulisan Surat Dan Memo Rasmi Kerajaan	2 hari <i>2 days</i> [23-24/2/2022]	Institut Pengurusan dan Integriti Melaka (INSPIM)
6	Latihan Pengguna MyGovUC 2.0 (Atas Talian)	1 hari <i>1 day</i> [17/3/2022]	MAMPU

BIL. BIL.	NAMA KURSUS/ LATIHAN/ BENGKEL <i>NAME OF COURSE/ TRAINING/ WORKSHOP</i>	TEMPOH DURATION	ANJURAN ORGANIZER
7	Sesi Percambahan Ilmu: Trend Hukuman Tatatertib	2 hari <i>2 days</i> [2-3/3/2022]	EAIC
8	Kursus Penulisan Kertas Cadangan serta Penulisan Laporan Aktiviti dan Program Berkualiti	1 hari <i>1 day</i> [21/3/2022]	INTAN
9	Seminar Kelestarian Integriti (Atas Talian)	1 hari <i>1 day</i> [29/3/2022]	MACA
10	Kursus Pemantapan Diri Dan Keutuhan Peribadi Siri 2	1 hari <i>1 day</i> [12/4/2022]	Jabatan Perdana Menteri (JPM) <i>Prime Ministers' Department (JPM)</i>
11	Forum Celik Integriti: Islam dan Tahanan	1 hari <i>1 day</i> [14/4/2022]	EAIC
12	Seminar Kesedaran MS ISO 9001:2015 Jabatan Perdana Menteri (JPM) Tahun 2022	1 hari <i>1 day</i> [17/4/2022]	JPM
13	Latihan Pengguna MyGovUC 2.0 Fungsi Asas (Atas Talian)	1 hari <i>1 day</i> [25/4/2022]	MAMPU
14	Kursus Garis Panduan Menangani Gangguan Seksual Di Tempat Kerja	2 hari <i>2 days</i> [25-26/5/2022]	INSPIM
15	Bengkel Pelupusan Rekod	2 hari <i>2 days</i> [13-14/6/2022]	EAIC
16	Kursus <i>Accelerated Development Programme</i>	5 hari <i>5 days</i> [15-19/6/2022]	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) <i>Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC)</i>

BIL. BIL.	NAMA KURSUS/ LATIHAN/ BENGKEL <i>NAME OF COURSE/ TRAINING/ WORKSHOP</i>	TEMPOH DURATION	ANJURAN ORGANIZER
17	Kursus Pengurusan Perolehan Kerajaan	2 hari <i>2 days</i> [21-22/6/2022]	EAIC
18	Taklimat Pelupusan Fail Terperingkat (Atas Talian)	1 hari <i>1 day</i> [30/6/2022]	Pejabat Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) <i>Malaysia Office of the Chief Government Security Officer (CGSO)</i>
19	Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan (Atas Talian)	4 hari <i>4 days</i> [18-21/7/2022]	INTAN
20	Bengkel Pemantapan Sasaran Kerja Utama (SKU)	3 hari <i>3 days</i> [5-7/8/2022]	EAIC
21	Kursus Cakna Integriti Pengurusan Masa Yang Efektif Di Tempat Kerja	1 hari <i>1 day</i> [14/8/2022]	INSPIM
22	Bicara Kepimpinan Patriotik (BKP) - Siri 1/2022	3 hari <i>3 days</i> [15-17/8/2022]	Kementerian Belia dan Sukan (KBS) <i>Ministry of Youth and Sports (KBS)</i>
23	Kursus Induksi Pegawai Lantikan Baharu EAIC	1 hari <i>1 day</i> [17/8/2022]	EAIC
24	Ceramah Pengukuhan Integriti Sini Tinggal, Sana Meninggal	3 hari <i>3 days</i> [17-19/8/2022]	EAIC
25	Kursus Pasukan Tindakan Kecemasan (PBK) Menara Usahawan	3 hari <i>3 days</i> [17-19/8/2022]	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) <i>Fire and Rescue Department of Malaysia (JBPM)</i>

BIL. BIL.	NAMA KURSUS/ LATIHAN/ BENGKEL <i>NAME OF COURSE/ TRAINING/ WORKSHOP</i>	TEMPOH DURATION	ANJURAN ORGANIZER
26	Kursus Membudaya Teknik Pengurusan Fail Dan Rekod Serta Pengurusan Keselamatan Dokumen Rahsia Rasmi Kerajaan (Atas Talian)	2 hari <i>2 days</i> [22-23/8/2022]	INSPIM
27	Kursus Penggunaan Bahasa Yang Berkualiti Dalam Penulisan Surat Dan Memo Rasmi Kerajaan	2 hari <i>2 days</i> [22-23/8/2022]	INSPIM
28	Kursus Protokol, Etiket Sosial dan Pengurusan Majlis	4 hari <i>4 days</i> [23-26/8/2022]	INTAN
29	Program Transformasi Minda (PTM)	5 hari <i>5 days</i> [5-9/9/2022]	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) <i>Forest Research Institute Malaysia (FRIM)</i>
30	Kursus Microsoft Excel Basic, Intermediate and Advance	3 hari <i>3 days</i> [7-9/9/2022]	Deeta Management Solutions Sdn. Bhd.
31	Kursus Pengurusan Aset Alih dan Stor Kerajaan	2 hari <i>2 days</i> [12-13/9/2022]	EAIC
32	Bicara Malaysiana: Antara Martabat dan Daulat	1 hari <i>1 day</i> [14/9/2022]	Perpustakaan Negara Malaysia <i>National Library of Malaysia</i>
33	Taklimat Berkaitan Urusan Dewan Rakyat Kepada Pegawai Bertugas Parlimen	1 hari <i>1 day</i> [26/9/2022]	EAIC
34	Kursus Penulisan Dokumen Rasmi Kerajaan (Minit Mesyuarat, Kertas Kerja, Laporan)	1 hari <i>1 day</i> [7/10/2022]	EAIC
35	Integriti Dalam Perspektif PDRM	1 hari <i>1 day</i> [14/10/2022]	INTAN

BIL. BIL.	NAMA KURSUS/ LATIHAN/ BENGKEL <i>NAME OF COURSE/ TRAINING/ WORKSHOP</i>	TEMPOH DURATION	ANJURAN ORGANIZER
36	Bengkel MPSAS Bagi Badan Berkanun	1 hari <i>1 day</i> [14/10/2022]	JPM
37	Kursus Panduan Dan Tatacara Pengendalian Siasatan Dan Penyediaan Kertas Siasatan	2 hari <i>2 days</i> [19-20/10/2022]	INSPIM
38	Integriti Dalam Penghijrahan	1 hari <i>1 day</i> [21/10/2022]	EAIC
39	Kursus Perkhidmatan Pelanggan Dan Etika Menjawab Telefon	1 hari <i>1 day</i> [8/11/2022]	EAIC
40	Bengkel Pembangunan Pelan Strategik EAIC 2023 - 2027	3 hari <i>3 days</i> [28-30/11/2022]	EAIC
41	Rejuvenasi Diri	1 hari <i>1 day</i> [13/12/2022]	EAIC

BAHAGIAN UNDANG-UNDANG LEGAL DIVISION



Bahagian Undang-Undang
Legal Division

Bahagian Undang-Undang (BUU) bertanggungjawab untuk memberikan nasihat perundangan, menyemak dokumen perundangan yang memberi kesan kepada EAIC dan menggubal perundangan utama dan subsidiari berkaitan EAIC. Selain itu, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 4(1) (f) Akta 700, BUU juga turut membantu dalam merumuskan perundangan atau mengesyorkan langkah pentadbiran kepada Kerajaan atau sesuatu agensi penguatkuasaan seliaan untuk menggalakkan integriti dan menghapuskan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa.

The Legal Division (BUU) is responsible for providing legal advice, reviewing legislative documents that affect EAIC and drafting primary and subsidiary legislation related to EAIC. In addition, as provided under paragraph 4(1) (f) of Act 700, BUU also assists in formulating legislation or recommending administrative measures to the Government or a supervisory enforcement agency to promote integrity and eliminate misconduct amongst enforcement officers.

SESI PERKONGSIAN ILMU EAIC: TREND HUKUMAN TATATERTIB

EAIC'S KNOWLEDGE SHARING SESSION: DISCIPLINARY PUNISHMENT TREND

BUU bersama Unit Integriti (UI) EAIC telah mengadakan sesi perkongsian ilmu berkaitan Kajian Trend Hukuman Tatatertib kepada pegawai EAIC pada 2 dan 3 Mac 2022. Sesi ini diadakan sebagai penerangan berkenaan dengan Kajian Trend Hukuman Tatatertib EAIC setelah kajian tersebut dibentangkan dalam Mesyuarat Suruhanjaya Bil. 23/2021 pada 15 Disember 2021. Objektif sesi perkongsian ilmu ini adalah untuk:

- (i) memberi penerangan kepada semua pegawai berkenaan dapatan Kajian Trend Hukuman Tatatertib EAIC;
- (ii) memberi penerangan dan kefahaman kepada pegawai BO berkenaan hukuman tatatertib dan implikasi bagi setiap hukuman;
- (iii) meningkatkan kemahiran pegawai BO untuk membuat cadangan syor hukuman selaras dengan perenggan 30 (1)(b) Akta 700; dan
- (iv) memberi pendedahan kepada semua pegawai EAIC berkenaan hukuman tatatertib yang diputuskan oleh agensi penguatkuasaan seliaan.

BUU together with EAIC's Integrity Unit (UI) held a knowledge sharing session related to the Disciplinary Punishment Trend Study for EAIC's officers on 2 and 3 March 2022. This session was held to share and explain EAIC's Disciplinary Punishment Trend Study, after the study was presented in the MS No. 23/2021 on 15 December 2021. The objectives of this knowledge sharing session are to:

- (i) *provide information to all officers regarding the findings of EAIC's Disciplinary Punishment Trend Study;*
- (ii) *provide explanation and understanding to BO's officers regarding disciplinary punishments and implications for each punishment;*
- (iii) *improve the skills of BO's officers in making recommendations for punishment in accordance with paragraph 30 (1)(b) of Act 700; and*
- (iv) *provide exposure to all EAIC's officers regarding disciplinary actions decided by the supervisory enforcement agencies.*

Sesi perkongsian ilmu ini merangkumi taklimat berkenaan Kajian Trend Hukuman Tatatertib EAIC daripada pegawai BUU, ceramah hukuman tatatertib dan implikasi hukuman tatatertib daripada wakil Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Perkongsian ilmu dan kajian kes turut disertai oleh wakil agensi penguatkuasaan seliaan seperti JIPS PDRM, JIM, JPJ dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

This knowledge sharing session includes a briefing on EAIC's Disciplinary Punishment Trend Study from BUU officers, a talk on disciplinary punishment and the implications of disciplinary punishment from a representative of the Public Service Department (JPA). The knowledge and case studies were also shared by representatives of the supervisory enforcement agencies such as JIPS PDRM, JIM, JPJ and National Registration Department (JPN).

Sesi perkongsian ilmu dimulakan pada 2 Mac 2022 dengan taklimat berkenaan hasil dapatan Kajian Trend Hukuman Tatatertib EAIC. Antaranya adalah—

- (i) membandingkan syor hukuman tatatertib EAIC dengan hukuman yang diputuskan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib agensi penguatkuasaan seliaan;
- (ii) asas dan faktor penetapan hukuman tatatertib; dan
- (iii) data aduan terdahulu dan hukuman.

The knowledge sharing session on 2 March 2022 started with a briefing on the findings of EAIC's Disciplinary Punishment Trend Study. Among them are—

- (i) comparing EAIC's disciplinary punishment recommendations with the punishments that were decided by the Disciplinary Authority of the supervisory enforcement agencies;
- (ii) basis and factors for determining disciplinary punishment; and
- (iii) data of previous complaints and punishments.

Seterusnya sesi perkongsian ilmu diteruskan dengan ceramah berkaitan prosedur tatatertib daripada Puan Ilyani binti Md Razak, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Beliau memberikan penerangan berkaitan Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam dan Badan Berkanun, hukuman dan pelaksanaan hukuman tatatertib oleh Lembaga Tatatertib.

Subsequently, the knowledge sharing session continued with a lecture on disciplinary procedures from Puan Ilyani binti Md Razak, the Chief Assistant Director of the Service Division, Public Service Department (JPA). She gave an explanation relating to the Regulations of the Civil Service Disciplinary Board and Statutory Bodies, various types of punishment and the implementation of disciplinary punishments by the Disciplinary Board.

Pada 3 Mac 2022, empat orang wakil agensi penguatkuasaan seliaan iaitu Tuan Hasbilah bin Mohamad Salleh, Pengarah Bahagian Integriti JPJ, ACP Arifai bin Tarawe, Penolong Pengarah JIPS (Siasatan/Perundangan/Kajian Kes) PDRM, Tuan Norazan bin Jenal, Timbalan Pengarah Bahagian Integriti JIM dan Encik Azwan bin Kadir, Timbalan Ketua Unit Integriti dan Pematuhan JPN telah membentang dan berkongsi pengalaman menguruskan kes-kes tatatertib (siasatan/ dapatan/ dokumen dan keterangan/ pengesyoran urus setia/ hukuman) berdasarkan Laporan Dapatan Siasatan dan cadangan syor EAIC.

On 3 March 2022, four representatives from the supervisory enforcement agencies, namely Tuan Hasbilah bin Mohamad Salleh, the Director of the JPJ Integrity Division, ACP Arifai bin Tarawe, the Assistant Director of JIPS (Investigation/Legal/Case Studies) PDRM, Tuan Norazan bin Jenal, the Deputy Director of the Integrity Division of JIM and Encik Azwan bin Kadir, the Deputy Head of the NRD Integrity and Compliance Unit presented and shared their experience in managing disciplinary cases (investigations/ findings/ documents and evidence/ secretariat recommendations/ punishment) based on the Investigation Findings Report and EAIC's recommendations.



Sesi penerangan oleh agensi penguatkuasaan seliaan
Explanation session by the supervisory enforcement agencies



Sesi perkongsian wakil PDRM
Sharing session by PDRM's representative



Sesi perkongsian wakil JPJ
Sharing session by JPJ's representative



Sesi perkongsian wakil JIM
Sharing session by JIM's representative

PENGGUBALAN STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) SIASATAN BAHAGIAN OPERASI

DRAFTING OF OPERATIONS DIVISION'S INVESTIGATION STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)

SOP Pengurusan Aduan dan Pengendalian Siasatan telah digubal merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) klasifikasi aduan;
- (ii) kaedah penyiasatan;
- (iii) pengurusan kertas siasatan;
- (iv) data pengesyoran hukuman MS yang lepas;
- (v) senarai hukuman tatatertib dan jenis kesalahan; dan
- (vi) asas penetapan hukuman.

The Complaint Management and Handling of Investigation's SOP was drafted and consist of the following matters:

- (i) *classification of complaints;*
- (ii) *investigation methods;*
- (iii) *management of investigation papers;*
- (iv) *data of previous MS's sentencing recommendation;*
- (v) *list of disciplinary punishments and types of offences; and*
- (vi) *basis of sentencing.*

SOP Pengurusan Aduan dan Pengendalian Siasatan ini telah mula berkuat kuasa pada 3 Ogos 2022.

The Complaint Management and Handling of Investigation's SOP came into effect on 3 August 2022.

KAJIAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN AKTA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN 2009 [AKTA 700]

STUDY OF PROPOSALS TO IMPROVE THE ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION ACT 2009 [ACT 700]

Pada 7 Februari 2022, satu Jawatankuasa Kecil Cadangan Penambahbaikan Akta 700 telah ditubuhkan di peringkat pegawai EAIC bagi melihat semula—

- (i) kekangan yang berkait dengan Akta 700 yang dihadapi dalam melaksanakan tugas Bahagian masing-masing;
- (ii) peruntukan Akta 700 yang perlu dipinda berkait dengan bidang tugas Bahagian masing-masing; dan
- (iii) cadangan penambahbaikan bagi peruntukan Akta 700 tersebut.

On 7 February 2022, a Subcommittee for the Proposal for the Improvements of Act 700 was established at EAIC's officers' level to review—

- (i) *constraints faced with regards to Act 700 in carrying out the duties of the respective Divisions;*
- (ii) *provisions of Act 700 which need to be amended in relation to the duties of the respective Division; and*
- (iii) *proposed improvements of the provisions of Act 700.*

Penubuhan Jawatankuasa ini adalah sebagai persediaan bagi mengkaji peruntukan dalam Akta 700 yang berkaitan dengan PDRM sebelum Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (RUU IPCC) 2020 diluluskan.

The establishment of this Committee is as a preparation to study the provisions in Act 700 that are related to PDRM before the Independent Police Conduct Commission Bill (IPCC Bill) 2020 is approved.

Jawatankuasa ini terdiri daripada wakil daripada semua Bahagian. Selepas beberapa siri perbincangan, setiap Bahagian yang terlibat telah mengemukakan cadangan dan penambahbaikan terhadap peruntukan Akta 700.

The Committee consists of representatives from all Divisions. After a series of discussions, each of the Divisions involved has submitted their suggestions for improvements to the provisions of Act 700.

Pada masa yang sama, EAIC telah membuat kajian perbandingan ke atas undang-undang/akta-akta lain dan mengkaji perkara yang dicadangkan oleh setiap Bahagian bagi menyediakan draf cadangan pindaan. Antara perkara yang dibincang dan dicadangkan dalam kajian tersebut adalah—

- (i) pindaan Jadual di bawah subseksyen 1(4) Akta 700 dengan mengeluarkan PDRM daripada senarai agensi penguatkuasaan persekutuan yang dikawal selia oleh EAIC;
- (ii) pindaan kepada mana-mana seksyen di bawah Akta 700 yang berkaitan dengan PDRM;
- (iii) peruntukan yang tidak sesuai dan tidak wajar; dan
- (iv) tempoh masa bagi prosedur yang ditetapkan dalam akta.

At the same time, EAIC also did a comparative study on other laws/acts and researched the matters proposed by each Division in order to prepare a draft of the proposed amendments. Among the points discussed and suggested in the study are—

- (i) amendment to the Schedule under subsection 1(4) of Act 700 by removing PDRM from the list of federal enforcement agencies supervised by EAIC;
- (ii) amendments to any section under Act 700 which relates to PDRM;
- (iii) inappropriate and irrelevant provisions; and
- (iv) the time period for the procedure stated in the act.

Lanjutan itu, EAIC sedang menyediakan draf cadangan pindaan Akta 700 untuk dibentangkan dalam MS.

Following from the above, EAIC is preparing a draft of the proposed amendments of Act 700 to be presented in the MS.

BENGKEL CADANGAN PENAMBAHBAIKAN AKTA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN 2009 [AKTA 700] WORKSHOP FOR PROPOSALS TO IMPROVE THE ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION ACT 2009 [ACT 700]

Pada 21 Disember 2022, BUU telah mengadakan satu Bengkel Cadangan Penambahbaikan Akta 700 di peringkat pengurusan bagi membentangkan cadangan penambahbaikan Akta 700.

On 21 December 2022, BUU held a Workshop on the Proposals for Improving Act 700 at the management level to present the outlined proposals.

Bengkel ini telah dihadiri oleh Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah-pengarah Bahagian, dan Ahli Jawatankuasa Kecil Cadangan Penambahbaikan Akta 700. Cadangan dasar penambahbaikan Akta 700 telah dibentangkan untuk mendapatkan pandangan pengurusan sebelum diangkat ke peringkat MS.

The workshop was attended by the Secretary/Chief Executive Officer, the Divisions' Directors and the subcommittee of the Proposals for Improving Act 700. The proposed policy on the improvement of Act 700 was presented in order to obtain management's views before being tabled to the MS.

EAIC melaksanakan cadangan penambahbaikan Akta 700 ini berdasarkan kajian yang dijalankan oleh BUU berserta pandangan serta cadangan yang diberikan oleh setiap Bahagian melalui Jawatankuasa Kecil Cadangan Penambahbaikan Akta 700. Penambahbaikan ini akan merangkumi cadangan penambahan fungsi dan bidang kuasa Suruhanjaya, peruntukan perwakilan kuasa, penambahbaikan kepada prosedur aduan dan siasatan serta tempoh masa yang lebih sesuai bagi seksyen yang berkaitan.

EAIC executed the Proposals for Improving Act 700 based on the study carried out by BUU as well as the views and suggestions given by each Division through the Sub-Committee of the Proposals of Improving Act 700. The improvements will include proposal for additional functions and jurisdiction of the Commission, the provision for delegation of powers, improvements on complaints procedures and investigations as well as a more appropriate time period for the relevant section.

Hasil daripada Bengkel ini, satu cadangan pindaan Akta 700 akan diangkat ke peringkat MS pada tahun hadapan.

As a result of this workshop, a proposed amendment to Act 700 will be presented to the MS next year.



Sesi Pembentangan dan Perbincangan Bengkel Cadangan Penambahbaikan Akta 700
Presentation and Discussion Session of the Workshop for the Proposal of Improving Act 700

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT **CORPORATE COMMUNICATIONS DIVISION**



Bahagian Komunikasi Korporat
Corporate Communications Division

Bahagian Komunikasi Korporat (BKK) bertanggungjawab menyelaras program kesedaran dan pendidikan berhubung integriti dan mencegah salah laku agensi penguatkuasaan seliaan di bawah perenggan 4(1)(e) Akta 700. BKK turut menjalankan pemantauan dan pengesahan isu berkaitan salah laku penguat kuasa yang dilaporkan di media massa dan media sosial.

The Corporate Communications Division (BKK) is responsible for coordinating awareness and education programs relating to integrity and prevention of misconduct amongst supervisory enforcement agencies under paragraph 4(1)(e) of Act 700. BKK also monitors and tracks issues related to misconduct by enforcers that are reported in the mass media and social media.

I. KEMPEN E.R.A.T EAIC BERSAMA DENGAN MASYARAKAT

EAIC'S E.R.A.T CAMPAIGN WITH THE COMMUNITY

Kempen E.R.A.T (Encouraging, Responsibility, Accountability and Trustworthy) EAIC bersama dengan masyarakat merupakan kempen kesedaran dan pendidikan masyarakat berhubung usaha EAIC memerangi dan mencegah salah laku dalam perkhidmatan awam khususnya dalam kalangan penguat kuasa.

EAIC's E.R.A.T Campaign (Encouraging, Responsibility, Accountability and Trustworthy) with the community is a community awareness and education campaign regarding EAIC's efforts to combat and prevent misconduct in the public service, especially amongst enforcers.

Kempen ini menggalakkan sikap kebertanggungjawaban, akauntabiliti dan kepercayaan daripada semua pihak dalam usaha membanteras salah laku penguat kuasa dan membudayakan integriti sebagai teras perkhidmatan awam.

This campaign encourages the value of responsibility, accountability and trustworthiness to all parties as an effort to combat misconduct amongst enforcers and cultivate integrity as the core value of the public service.

Dengan sasaran penyebaran dan pencerahan maklumat kepada penguat kuasa, media dan orang awam terutama komuniti luar bandar, kempen ini turut menanam kesedaran masyarakat sebagai 'mata dan telinga' EAIC dalam memerangi dan membanteras gejala salah laku serta ketirisan integriti oleh penjawat awam.

With the target of disseminating and enlightening information amongst enforcers, the media and the public, especially the rural communities, this campaign also instils community awareness as EAIC's 'eyes and ears' in preventing and combating misconduct and violation of integrity by civil servants.

Pada tahun ini, 2 siri Kempen E.R.A.T EAIC telah menemui masyarakat umum mengikut zon iaitu –

- (i) siri pertama yang diadakan di Kota Bharu, Kelantan pada 26 Mei hingga 30 Mei 2022 bagi Zon Pantai Timur telah dirasmikan oleh Puan Norhayati Ahmad, Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif EAIC di Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Kelantan; dan
- (ii) siri kedua telah diadakan di Ipoh, Perak pada 8 Disember hingga 10 Disember 2022 bagi Zon Utara. Siri ini dirasmikan oleh YB Dato' Ahmad Suaid Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak di Dewan Bankuet, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SUK).

This year, EAIC's 2 series of E.R.A.T Campaigns met with the general public according to zones wherein-

- (i) *the first series was held in Kota Bharu, Kelantan on 26 to 30 May 2022 for the East Coast Zone and was officiated by Puan Norhayati Ahmad, EAIC's Secretary/Chief Executive Officer at the Perak Jubilee Islamic Complex Sultan Ismail Petra, Kelantan; and*
- (ii) *the second series was held in Ipoh, Perak on 8 to 10 December 2022 for the North Zone. It was officiated by YB Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim, the State Secretary of Perak at the Banquet Hall, Perak State Secretary's Office (SUK).*

Antara pengisian program yang dijalankan adalah taklimat penerangan dan pendidikan masyarakat mengenai fungsi dan bidang kuasa EAIC, dialog perkongsian dan pencerahan mengenai isu salah laku yang terjadi di kawasan setempat, sembang santai bersama dengan pengamal media, siswazah serta masyarakat umum.

Among the contents of the program were, briefing and public education regarding EAIC's functions and jurisdiction, dialogue sharing and enlightenment on issues of misconduct occurring in the local area, casual chats with the media practitioners, graduates and the general public.

EAIC turut menjalankan Kaji Selidik Maklum Balas Pelanggan berkenaan EAIC dan agensi-agensi penguatkuasaan di bawah seliaannya di setiap aktiviti E.R.A.T bagi mendapatkan maklum balas masyarakat terhadap keberkesanan program yang dijalankan oleh EAIC dan prestasi agensi-agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC.

EAIC also performed a Customer Feedback Survey regarding EAIC and the enforcement agencies under its supervision at each of the E.R.A.T activities to obtain community feedbacks on the effectiveness of the programs conducted by EAIC and the performance of the enforcement agencies under EAIC's supervision.

Secara keseluruhan 1,208 responden telah terlibat dalam kaji selidik yang dijalankan. Daripada jumlah tersebut, 131 responden atau 10.8% responden mengakui pernah berhadapan dengan salah laku pegawai penguat kuasa oleh agensi-agensi penguatkuasaan seliaan EAIC. 5 jenis kesalahan tertinggi yang direkodkan daripada kaji selidik tersebut adalah sikap tidak adil (48 pilihan), ketiadaan tindakan oleh agensi penguatkuasaan setelah aduan dibuat (39 pilihan), kekerasan (16 pilihan) dan rasuah (14 pilihan).

A total of 1,208 respondents were involved in the survey conducted. Out of that number, 131 respondents or 10.8% admitted to have come across misconduct by enforcement officers of EAIC's supervisory enforcement agencies. The five highest type of misconduct recorded from the survey are unfairness (48 votes), no action performed by enforcement agencies after complaints are made (39 votes), violence (16 votes) and corruption (14 votes).

Selain itu, 725 responden (60%) menganggap agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC telah memberikan perkhidmatan yang terbaik manakala selebihnya iaitu sebanyak 483 (40%) responden beranggapan sebaliknya. Lima agensi penguatkuasaan telah direkodkan memberikan perkhidmatan yang terbaik iaitu PDRM (316 pilihan), AADK (177 pilihan), JPJ (136 pilihan), JIM (126 pilihan) dan JPN (124 pilihan).

Besides that, 725 respondents (60%) considered that the enforcement agencies under EAIC's supervision have provided the best service while the remaining 483 respondents (40%) thought otherwise. The five enforcement agencies that were recorded as providing the best service are PDRM (316 votes), AADK (177 votes), JPJ (136 votes), JIM (126 votes) and JPN (124 votes).

Selain itu, berhubung kaji selidik keberkesanan fungsi dan mutu perkhidmatan EAIC responden secara purata telah memilih pilihan sangat memuaskan iaitu sebanyak 9 markah daripada keseluruhan 10.

In addition, with regards to the effectiveness of EAIC's functions and service quality survey, respondents on an average chose the very satisfactory option which is 9 marks out of a total of 10.

Ini menunjukkan masyarakat menyambut baik pendekatan EAIC memberikan kesedaran dan pencerahan mengenai usaha pencegahan salah laku oleh penguat kuasa dan usaha untuk menambahbaik mutu perkhidmatan agensi penguatkuasaan seliaan.

This shows that the community welcomes EAIC's approach of providing awareness and enlightenment on efforts to prevent misconduct by law enforcement and efforts to improve the quality of services of supervisory enforcement agencies.



Kempen E.R.A.T EAIC bersama dengan masyarakat Zon Pantai Timur, di Kompleks Islam Jubli Petra Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Kelantan

EAIC's E.R.A.T campaign with the East Coast Zone community, at the Perak Jubilee Islamic Complex Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Kelantan



Suasana sekitar Kempen E.R.A.T di Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Kelantan
The atmosphere during the E.R.A.T Campaign at the Perak Jubilee Islamic Complex Sultan Ismail Petra, Kelantan



E.R.A.T EAIC bersama dengan Masyarakat Zon Utara, di Dewan Bankuet, Pejabat SUK Negeri Perak Ipoh, Perak

EAIC's E.R.A.T with the North Zone Community, at the Banquet Hall, Perak State SUK Office Ipoh, Perak



Suasana sekitar Kempen E.R.A.T di Dewan Bankuet, Pejabat SUK Negeri Perak
The atmosphere during the E.R.A.T Campaign in the Banquet Hall, Perak State SUK Office

II. EAIC ON THE MOVE

EAIC On the Move adalah program menyantuni masyarakat umum yang tertumpu di kawasan dan lokasi awam sekitar Lembah Klang.

EAIC On the Move is a public outreach program focusing on public areas and locations around the Klang Valley.

Program ini ialah pendekatan proaktif untuk mendekati orang awam secara *mass target* bagi menyampaikan maklumat dan penerangan berhubung peranan serta perkhidmatan EAIC. EAIC turut mengedarkan bahan pendidikan masyarakat seperti poster, brosur mengenai khidmat EAIC dan maklumat berkaitan saluran aduan serta pencegahan salah laku.

This program is a proactive approach to pursue the public in a mass target to deliver information and explanation regarding the role and service provided by EAIC. EAIC also distributes community education materials such as posters, brochures with regards to EAIC's service and information related to complaint channels and prevention of misconduct.

Jadual 14: Lokasi program EAIC *On The Move* pada tahun 2022

Table 14: Location of EAIC's On The Move program in 2022

BIL. <i>BIL.</i>	TARIKH <i>DATE</i>	LOKASI <i>LOCATION</i>
1	19 Januari 2022 <i>19 January 2022</i>	Majlis Bandaraya Subang Jaya, Subang Jaya <i>Subang Jaya City Council, Subang Jaya</i>
2	14 Jun 2022 <i>14 June 2022</i>	Hentian Kajang, Selangor <i>Kajang Station, Selangor</i>
3	21 Jun 2022 <i>21 June 2022</i>	Kompleks UTC Pudu, Kuala Lumpur <i>UTC Pudu Complex, Kuala Lumpur</i>
4	19 Julai 2022 <i>19 July 2022</i>	Ibu Pejabat Imigresen, Putrajaya <i>Immigration Headquarters, Putrajaya</i>
5	21 Julai 2022 <i>21 July 2022</i>	Kompleks UTC Keramat, Kuala Lumpur <i>UTC Keramat Complex, Kuala Lumpur</i>
6	2 Ogos 2022 <i>2 August 2022</i>	Bukit Bintang, Kuala Lumpur <i>Bukit Bintang, Kuala Lumpur</i>
7	23 Ogos 2022 <i>23 August 2022</i>	Puncak Alam, Selangor <i>Puncak Alam, Selangor</i>
8	6 September 2022 <i>6 September 2022</i>	Bangi, Selangor <i>Bangi, Selangor</i>
9	13 September 2022 <i>13 September 2022</i>	Damansara, Selangor <i>Damansara, Selangor</i>
10	27 September 2022 <i>27 September 2022</i>	Sepang, Selangor <i>Sepang, Selangor</i>



EAIC On The Move di sekitar WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur dan Selangor

EAIC On The Move around FT Putrajaya, FT Kuala Lumpur and Selangor

III. CELIK INTEGRITI

INTEGRITY LITERACY

(a) Forum Celik Integriti: Islam dan Tahanan *Integrity Literacy Forum: Islam and Detainees*

The United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) pada 3 Ogos 2022
The United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) on 3 August 2022



Kementerian Dalam Negeri pada 1 September 2022

Ministry of Home Affairs on 1 September 2022

- (ii) EAIC mengadakan lawatan kerja ke agensi awam untuk memperkuuhkan kerjasama dan hubungan baik seperti berikut:

EAIC has organised working visits to government agencies to strengthen cooperation and good relationship such as follows:



Lawatan ke Pejabat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam pada 7 November 2022

Visit to the Office of the Director General of Public Service on 7 November 2022

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN MANAGEMENT SERVICES DIVISION



Bahagian Khidmat Pengurusan
Management Services Division

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) bertanggungjawab mentadbir dan mengurus sumber meliputi sumber kewangan, aset, modal insan, perjawatan, fasiliti, logistik serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi memastikan fungsi dan perkhidmatan EAIC dapat disampaikan kepada pelanggan dengan lancar dan berkesan.

The Management Services Division (BKP) is responsible for administering and managing resources including financial resources, assets, human capital, hiring/positioning, facilities, logistics and information and communication technology (ICT) to ensure that EAIC's functions and services can be delivered to the clients smoothly and effectively.

MAJLIS BERSAMA JABATAN

JOINT DEPARTMENTAL COUNCIL

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) merupakan saluran komunikasi dua hala antara pihak majikan dengan pekerja di peringkat jabatan. Tujuan utama MBJ ini diwujudkan adalah untuk memperoleh kerjasama yang menyeluruh antara pihak majikan dan pekerja bagi mengemukakan pendapat, mengambil bahagian secara aktif dalam membincang dan menyelesaikan isu setempat serta menyumbangkan idea bernalas untuk kepentingan dan kebaikan EAIC berkaitan tadbir urus jabatan bagi memastikan peningkatan prestasi secara berterusan.

Joint Departmental Council (MBJ) is a two-way communication channel between employers and employees at the departmental level. The main purpose of MBJ is to obtain comprehensive cooperation between employers and employees in presenting opinions, participating actively in discussing and solving local issues and contributing effective ideas for the interest and benefit of EAIC in regards to departmental governance to ensure continuous improvement in performance.

Bidang kuasa dan fungsi MBJ meliputi semua perkara yang berkaitan dengan syarat-syarat perkhidmatan dan perjalanan organisasi yang ada hubung kait dengan pentadbiran dan lebih menitikberatkan kepada kepentingan pekerja dalam sesebuah organisasi kecuali yang menyentuh dasar Kerajaan atau hal perseorangan. Penyelesaian kepada semua isu yang dibangkitkan perlu diputuskan secara bersama melalui perbincangan dan perkongsian idea oleh semua ahli MBJ. Di samping bertujuan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh kumpulan pekerja, ia juga boleh dijadikan sebagai suatu forum perbincangan antara pihak majikan dan pekerja. MBJ yang aktif secara tidak langsung akan dapat menyemai semangat bekerja di kalangan pekerja untuk berkhidmat dengan lebih dedikasi dan produktif.

The MBJ's jurisdiction and function cover all matters relating to conditions of service and the running of the organization that are related to administration and concerning more on the interests of employees in an organization except those involving Government policy or individual matters. Solutions to all the issues raised need to be decided together through discussions and sharing of ideas by all MBJ members. In addition to overcoming the problems faced by the group of employees, it can also be used as a discussion forum between employers and workers. An active MBJ will indirectly instill the spirit of working amongst the employees to serve with more dedication and productivity.

Bagi tahun 2022, MBJ telah dijadualkan sebanyak 3 kali dan telah dilaksanakan dengan jayanya. Tarikh mesyuarat MBJ tersebut adalah seperti berikut:

For the year 2022, MBJ was scheduled 3 times and has been implemented successfully. The dates of the MBJ's meetings are as follows:

Jadual 17: Senarai MBJ EAIC
Table 17: List of EAIC'S MBJ

BIL. <i>BIL.</i>	MAJLIS BERSAMA JABATAN <i>JOINT DEPARTMENT COUNCIL</i>	TEMPAT <i>VENUE</i>	TARIKH <i>DATE</i>
1	MBJ Bil. 1 Tahun 2022 <i>MBJ No. 1 Year 2022</i>	Mesyuarat secara dalam talian - Aplikasi Google Meet <i>Online meetings - Google Meet app</i>	25 Mac 2022 <i>25 March 2022</i>
2	MBJ Bil. 2 Tahun 2022 <i>MBJ No. 2 Year 2022</i>	Mesyuarat secara dalam talian - Aplikasi Google Meet <i>Online meetings - Google Meet app</i>	20 September 2022
3	MBJ Bil. 3 Tahun 2022 <i>MBJ No. 3 Year 2022</i>	JEN Hotel Georgetown, Pulau Pinang <i>JEN Hotel Georgetown, Penang</i>	29 November 2022

PENGAMBILAN DAN PENGISIAN JAWATAN

RECRUITMENT AND FILLING OF POSITIONS

Sebanyak 2 siri pengambilan dan pelantikan pegawai baharu bagi tahun 2022 telah dijalankan di bawah kendalian Seksyen Pengurusan Sumber Manusia BKP yang melibatkan jawatan Pegawai Undang-undang Gred L41 dan Penolong Pegawai Tadbir Gred N29. Sebanyak 130 permohonan telah diterima melibatkan jawatan Pegawai Undang-undang Gred L41 dan 13 permohonan bagi jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N29. Berikut merupakan butiran urusan temu duga yang telah dilaksanakan oleh EAIC pada tahun 2022:

A total of 2 series of recruitments and appointments of new officers for the year 2022 were carried out under the management of the BKP Human Resource Management Section involving the positions of Grade 41 Legal Officers and Grade N29 Assistant Administrative Officers. A total of 130 applications were received for the position of a Grade L41 Legal Officer and 13 applications for the position of a Grade N19 Assistant Administrative Officer. Following are the details of the interview conducted by EAIC in 2022:

Jadual 18: Butiran Temu Duga oleh EAIC pada tahun 2022
Table 18: Interview Details by EAIC in 2022

BIL. <i>BIL.</i>	TEMUDUGA <i>INTERVIEW</i>	TARIKH <i>DATE</i>
1	Pegawai Undang-Undang Gred L41 <i>Legal Officer Grade L41</i>	<ul style="list-style-type: none"> (i) Zon Tengah - (24-26 November 2021) <i>Central Zone - (24-26 November 2021)</i> (ii) Zon Utara - (26 Januari 2022) <i>North Zone - (26 January 2022)</i> (iii) Zon Pantai Timur - (22 Februari 2022) <i>East Coast Zone - (22 February 2022)</i> (iv) Zon Selatan - (15 dan 17 Mac 2022) <i>South Zone - (15 and 17 March 2022)</i> (v) Zon Sabah (online) - (12 April 2022) <i>Sabah Zone (online) - (12 April 2022)</i>
2	Penolong Pegawai Tadbir Gred N29 <i>Assistant Administrative Officer Grade N29</i>	<p>25 Ogos 2022 <i>25 August 2022</i></p>

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN JASAMU DIKENANG TAHUN 2021

EXCELLENCE SERVICE AWARD CEREMONY AND COMMEMORATION OF SERVICE 2021

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Dan Jasamu Dikenang tahun 2021 telah diadakan pada 1 Jun 2022 bertempat di The Zenith Hotel, Putrajaya. Majlis perasmian ini telah disempurnakan oleh Pengerusi EAIC, YBhg. Tan Sri Sidek Hassan. Seramai 6 orang penerima APC dan 13 orang penerima Sijil Penghargaan Perkhidmatan Cemerlang (SPPC) telah dipilih kerana telah menunjukkan prestasi yang cemerlang sepanjang tahun 2021 dan sebagai tanda pengiktirafan terhadap perkhidmatan yang bermutu tinggi sebagaimana yang diterjemahkan dalam prestasi tahunan.

The Excellence Service Award (APC) and Commemoration of Service Ceremony was held on 1 June 2022 at The Zenith Hotel, Putrajaya. The opening ceremony was officiated by the Chairman of EAIC, YBhg. Tan Sri Sidek Hassan. A total of 6 recipients of the APC and 13 recipients of the Excellent Service Appreciation Certificate (SPPC) were selected for their excellent performance throughout 2021 and as a sign of recognition for outstanding service as reflected in their annual performance.

Di samping penyampaian APC dan Jasamu Dikenang, majlis turut diserikan lagi dengan penyampaian Sijil Khidmat Setia (SKS) kepada 10 orang pegawai dan kakitangan EAIC sebagai tanda penghargaan atas sumbangan serta khidmat selama 10 tahun di EAIC.

In addition to the presentation of APC and Commemoration of Service, the ceremony was further enhanced by the award of Loyal Service Certificates (SKS) to 10 EAIC's officers and staff as a token of appreciation for their 10 years contributions and services in EAIC.



Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
Recipients of the Excellence Service Award



Penerima Sijil Perhargaan Perkhidmatan Cemerlang
Recipients of the Excellence Service Appreciation Certificate



Penerima Sijil Khidmat Setia
Recipients of the Loyal Service Certificate



MAJLIS JASAMU DIKENANG

DISEMPURNAKAN OLEH
PENGURUSI EAIC YBHG. TAN SRI SIDEK HASSAN
PADA 1 JUN 2022
DI HOTEL ZENITH, PUTRAJAYA



Penerima Penghargaan Jasamu Dikenang
Recipients of Commemoration of Service Award

BENGKEL PEMANTAPAN SASARAN KERJA UTAMA

'SASARAN KERJA UTAMA' (SKU) REINFORCEMENT WORKSHOP

Bengkel Pemantapan Sasaran Kerja Utama (SKU) telah diadakan pada 5 Ogos 2022 hingga 7 Ogos 2022 bertempat di Lexis Hotel, Port Dickson. Sebagaimana sedia maklum sistem pengurusan prestasi berasaskan fungsi jabatan iaitu MyPerformance akan dilaksanakan kepada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana mulai 1 Januari 2024. MyPerformance akan menggantikan sistem penilaian prestasi yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2009 iaitu Modul Pengurusan Prestasi – LNPT HRMIS.

The 'Sasaran Kerja Utama' (SKU) Reinforcement Workshop was held on 5 August 2022 to 7 August 2022 at Lexis Hotel, Port Dickson. As aware, the performance management system based on departments' functions namely MyPerformance, will be implemented for the officers in the Management and Professional Group and the Implementation Group from 1 January 2024. MyPerformance will replace the performance evaluation system that was implemented via Service Circular No. 4 of 2002 and Service Circular No. 2 of 2009 which is the Performance Management Module - LNPT HRMIS.

Oleh yang demikian, JPA menetapkan tempoh dua tahun bermula 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2023 sebagai tempoh familiarisasi MyPerformance. Sepanjang tempoh tersebut, pengurusan prestasi pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana hendaklah menggunakan Modul Pengurusan Prestasi – LNPT HRMIS dan Modul Pengurusan Prestasi – MyPerformance HRMIS bagi tahun penilaian 2022 dan 2023 secara serentak (dual system).

As such, JPA has set a two year period from 1 January 2022 to 31 December 2023 as the familiarization period for MyPerformance. During that period, the performance management of the Management and Professional Group's officers as well as the Implementation Group shall use the Performance Management Module - LNPT HRMIS and the Performance Management Module - MyPerformance HRMIS for the evaluation years of 2022 and 2023 simultaneously (dual system).

Sepanjang pelaksanaan dual system ini, Borang Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dihentikan penggunaannya dan digantikan dengan SKU di bawah Modul Pengurusan Prestasi – MyPerformance HRMIS. Pelaksanaan ini selaras dengan Surat Edaran JPA.BK(S) 174/3/2-1 Jld.8(18) bertarikh 3 November 2021. Bagi maksud ini, kementerian/jabatan dikehendaki membangunkan SKU bagi kementerian/jabatan masing-masing.

During the implementation of this dual system, the Annual Work Target Form (SKT) was discontinued and was replaced with SKU under the Performance Management Module - MyPerformance HRMIS. This implementation is in line with JPA's Circular Letter.BK(S) 174/3/2-1 Volume 8 (18) dated 3 November 2021. For this purpose, ministries/departments are required to develop SKUs for their respective ministries/departments.



Peserta Bengkel Pemantapan SKU bersama penceramah daripada JPA
The participants of the 'Sasaran Kerja Utama' (SKU) Reinforcement Workshop with the speakers from JPA

BENGKEL PEMURNIAN SASARAN KERJA UTAMA REFINEMENT WORKSHOP



Sesi perbincangan dan penyelarasan SKU
SKU discussion and coordination session

Bengkel Pemurnian SKU ini diadakan pada 3 November 2022 bertempat di Bilik Pendengaran, Aras 11, EAIC. Bengkel ini adalah kesinambungan daripada Bengkel Pemantapan SKU EAIC yang telah diadakan pada 5 hingga 7 Ogos 2022 di Lexis Hotel, Port Dickson.

The SKU Refinement Workshop was held on 3 November 2022 at the Hearing Room, Level 11 of EAIC. This workshop is a continuation of EAIC's SKU Reinforcement Workshop which was held on 5 to 7 August 2022 at the Lexis Hotel, Port Dickson.

Tujuan Bengkel ini diadakan adalah untuk menambah baik, menyeragam dan menyelaraskan kaedah penulisan Sub SKU yang telah dihasilkan oleh setiap Bahagian/Seksyen/Unit sebelum ianya dimuktamadkan dan dimuat naik dalam Sistem HRMIS di bawah Modul Pengurusan Prestasi – MyPerformance HRMIS.

The purpose of this workshop is to improve, standardize and coordinate the Sub SKU's writing method that was produced by each Division/Section/Unit before it is finalized and uploaded into the HRMIS System under the Performance Management Module - MyPerformance HRMIS.

TOWN HALL SESSION WARGA EAIC BERSAMA DENGAN PENGERUSI EAIC

TOWN HALL SESSION OF THE MEMBERS OF EAIC WITH EAIC'S CHAIRMAN

Sesi Town Hall warga EAIC bersama dengan YBhg. Tan Sri Sidek Hassan, Pengerusi EAIC telah diadakan pada 31 Oktober 2022 bertempat di Bilik Pendengaran, Aras 11, EAIC.

EAIC's Town Hall session with YBhg. Tan Sri Sidek Hassan, EAIC's Chairman was held on 31 October 2022 at the Hearing Room, Level 11 of EAIC.

Sesi Town Hall tersebut merupakan platform medium komunikasi dua hala antara pihak pengurusan tertinggi dan warga EAIC yang dihadiri oleh pegawai dan kakitangan. Selain itu, platform ini menjadi medium untuk bertukar pandangan serta membincangkan hala tuju EAIC serta isu-isu yang berbangkit bagi memantapkan lagi sistem penyampaian EAIC selaras dengan kehendak semasa.

The Town Hall session is a two-way communication medium between the top management and the members of EAIC, that was attended by officers and staff. In addition, this platform is a medium to exchange views and to discuss the direction of EAIC as well as other issues arising to further strengthen EAIC's delivery system in line with current needs.



Sesi Town Hall warga kerja EAIC bersama dengan Pengerusi
EAIC's Town Hall session between members of EAIC and the Chairman

HARI TERBUKA BUKU REKOD PERKHIDMATAN KERAJAAN TAHUN 2022

OPEN DAY FOR GOVERNMENT'S SERVICE RECORD BOOK 2022

Hari Terbuka Buku Rekod Perkhidmatan Kerajaan (BRP) Tahun 2022 diadakan sebagai salah satu inisiatif dalam memastikan amalan tadbir urus dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Pegawai dan kakitangan EAIC diberi peluang untuk membuat semakan silang (*cross check*) untuk memastikan maklumat perkhidmatan yang direkodkan dalam BRP sentiasa dikemas kini dan tepat.

An open day for the Government's Service Record Book (BRP) 2022 was held as one of the initiatives to ensure that governance practices can be implemented more effectively. EAIC's officers and staff were given the opportunity to conduct a cross check to ensure that their service information recorded in the BRP are always updated and accurate.

BRP merupakan dokumen penting dan maklumat yang terkandung dalam BRP tersebut akan digunakan sepanjang pegawai berkhidmat sehingga bersara. BRP disedia dan diwujudkan khusus bagi merekodkan maklumat peribadi, perkhidmatan, cuti dan kelakuan untuk setiap pegawai awam. Sejajar dengan keperluan tersebut, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memastikan BRP dapat diselenggara dengan baik dan memastikan maklumat direkodkan dengan teratur, lengkap dan terkini supaya urusan perkhidmatan seseorang pegawai dapat diuruskan dengan baik dan teratur khususnya melibatkan pembayaran faedah persaraan di akhir perkhidmatannya kelak.

BRP is an important document where the information contained in the BRP will be used throughout the officer's service until his/her retirement. BRP was prepared and created specifically to record personal information, service, leave and conduct of each public officer. In line with these requirements, it is the responsibility of the Head of Department to ensure that the BRP are well maintained and make sure that the information is recorded in an orderly, complete and up-to-date manner so that an officer's service matters can be well and neatly managed particularly those involving payment of retirement benefits at the end of his/her service.



Sekitar Hari Terbuka Buku Rekod Perkhidmatan Kerajaan Tahun 2022

During the open day for Government's Service Record Book 2022

BENGKEL PELUPUSAN REKOD

DISPOSAL OF RECORDS WORKSHOP

Bengkel Pelupusan Rekod telah diadakan pada 13 dan 14 Jun 2022 bertempat di Bilik Pendengaran Aras 11, EAIC. Bengkel ini telah dihadiri seramai 30 peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan yang terlibat secara terus dalam menguruskan dokumen terperingkat serta wakil Bahagian/Seksyen/Unit.

A Record Disposal Workshop was held on 13 and 14 June 2022 at Level 11 in the Hearing Room of EAIC. The workshop was attended by a total of 30 participants consisting of officers and staff who are involved directly in managing classified documents as well as representatives from each Divisions/Sections/Units.

Bengkel yang berlangsung selama 2 hari ini dibimbing oleh pegawai daripada Seksyen Pengurusan Rekod, Arkib Negara Malaysia (ANM) yang dijemput khas sebagai penceramah.

The 2-day workshop was guided by an officer from the Record Management Section of the National Archives of Malaysia (ANM) who was specially invited as a speaker.



Sekitar Bengkel Pelupusan Rekod yang berlangsung di Bilik Pendengaran EAIC

During the Disposal of Records Workshop held at EAIC's Hearing Room

KURSUS PENGURUSAN ASET DAN STOR

COURSE ON MANAGEMENT OF ASSETS AND STORE



Peserta Kursus Pengurusan Aset dan Stor bersama penceramah
Participants of the Management of Assets and Store Course with the speaker

Kursus Pengurusan Aset dan Stor Kerajaan telah diadakan pada 12 dan 13 September 2022 bertempat di Bilik Pendengaran Aras 11, EAIC. Penceramah jemputan adalah pegawai dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

The Course on the Management of Government Assets and Store was held on 12 and 13 September 2022 at Level 11, Hearing Room of EAIC. The guest speaker was an officer from the National Institute of Public Administration (INTAN).

Peserta kursus adalah terdiri daripada pegawai dan kakitangan EAIC yang dilantik sebagai Pegawai Penerima Aset, Pembantu Aset, Pegawai Pemeriksa Aset, Pemverifikasi Stor dan Lembaga Pemeriksa Pelupusan.

The course's participants are EAIC's officers and staff who were appointed as the Asset Receiving Officers, Asset Assistants, Asset Inspection Officers, Store Verifiers and Disposal Inspection Boards.

PEMERIKSAAN KENDERAAN BAHARU JABATAN DAN KENDERAAN RASMI JAWATAN

INSPECTION OF THE DEPARTMENT'S NEW AND OFFICIAL VEHICLES

EAIC telah melaksanakan perolehan baharu kenderaan jabatan dalam usaha mempertingkatkan lagi keupayaan logistik bagi membantu pelaksanaan pengoperasian harian. Perolehan baharu kenderaan jabatan ini melibatkan pembelian sebuah van model Weststar Maxus yang mempunyai kapasiti 15 tempat duduk yang akan digunakan sebagai pengangkutan rasmi aktiviti promosi dan publisiti EAIC di seluruh negara. Pada masa yang sama, kenderaan ini juga akan dikendalikan secara gunasama mengikut keperluan Bahagian.

EAIC has implemented a new procurement for the department's vehicles as an initiative to further increase logistic capabilities so as to facilitate the department's daily operations. The department's new procurement of vehicles involves the purchase of a Weststar Maxus model van with a capacity of 15 seats that will be used as the official transport for EAIC's promotional and publicity activities across the country. Concurrently, these vehicles will also be used according to the needs of the Division.

Selain itu, EAIC juga turut melaksanakan perolehan Kereta Rasmi Jawatan (KRJ) melibatkan sebuah kenderaan model Proton X70 bagi menggantikan KRJ sedia ada yang dilupuskan berikutan penggunaan kereta tersebut telah mencapai tempoh pelupusan disamping kos penyelenggaraan kenderaan yang tinggi serta tidak lagi ekonomik untuk dibaiki.

In addition, EAIC has also implemented a procurement of an Official Job Car (KRJ) involving a Proton X70 model vehicle to replace the existing KRJ which was disposed of as the existing KRJ has reached its disposal period in addition to the high maintenance costs of the vehicle which is no longer economical to be repaired.

Kedua-dua kenderaan ini telah dihantar ke JKR Woksyop Persekutuan bagi tujuan pemeriksaan sebelum diperakukan untuk kelulusan penggunaannya di EAIC selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

The two vehicles were sent to JKR's Federal Workshop for the purpose of inspection before being certified for approval to be used by EAIC in accordance with the regulations in force.



Pemeriksaan kenderaan di JKR Woksyop Persekutuan

Vehicle inspection at JKR Federal's Workshop

PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN 2022 HINGGA 2025 BAGI JPM DAN AGENSI DI BAWAH JPM

DEVELOPMENT OF A STRATEGIC DIGITALIZATION PLAN 2022 TO 2025 FOR JPM AND AGENCIES UNDER JPM

EAIC telah dilibatkan secara langsung dalam pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) bersama dengan JPM dan agensi di bawah JPM bagi tahun 2022 hingga 2025. PSP ini merupakan perancangan rangka kerja pendigitalan bagi rantaian 4 tahun ke hadapan dan menggariskan 5 strategi utama penyampaian perkhidmatan yang bakal memenuhi ekspektasi pelanggan dengan mengambil kira keperluan sistem aplikasi digital, data dan maklumat, infrastruktur dan keselamatan, keupayaan ICT serta tadbir urus yang cekap, tepat dan berintegriti.

EAIC was directly involved in the Development of the Digitalization Strategic Plan (PSP) together with JPM and agencies under JPM for the year 2022 to 2025. The PSP is a digitalization framework plan for the next 4 years which outlined 5 main delivery service strategies that will fulfil client's expectations by taking into consideration the need for digital application systems, data and information, infrastructure and security, ICT capabilities as well as efficient, accurate and integrity governance.

Analisis pembangunan pendigitalan EAIC yang terangkum dalam PSP ini telah dibincangkan bersama-sama JPM dalam Mesyuarat Hala Tuju Pelaksanaan Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan JPM Bersama Agensi yang diadakan pada 12 Ogos 2021. Sesi Pemurnian Dokumen Pelan Strategik Pendigitalan tersebut telah diadakan pada 6 September 2022.

The analysis of EAIC's development of digitalization that are summarized in this PSP were discussed together with JPM in the JPM's Digitalization Strategic Plan Implementation Direction Meeting with Agencies held on 12 August 2021. The Document Refinement Session of the Digitalization Strategic Plan was held on 6 September 2022.

PENGGUNAAN PERKHIDMATAN MyGovUC 2.0

USE OF MyGovUC 2.0 SERVICES


MyGovUC 2.0 adalah perkhidmatan komunikasi dan kolaborasi bersepada yang diuruskan secara berpusat di MAMPU yang menggabungkan saluran komunikasi seperti e-mel, persidangan video/audio, chat dan Sistem Pengurusan Profil Pengguna (UPMS). MyGovUC 2.0 dilaksanakan sebagai langkah penjimatan kos bagi memastikan perkhidmatan komunikasi dan kolaborasi Kerajaan diuruskan secara berpusat untuk kegunaan semua agensi di sektor awam. Melalui perkhidmatan guna sama MyGovUC 2.0, Kerajaan akan dapat meningkatkan produktiviti seterusnya mutu

penyampaian perkhidmatan awam. Pelaksanaan perkhidmatan e-mel MyGovUC 2.0 adalah dengan menggunakan platform e-mel Google Work Space (GWS) atau Google Mail.

MyGovUC 2.0 is an integrated communication and collaboration service managed centrally at MAMPU that combines communication channels such as email, video/audio conference, chat and User Profile Management System (UPMS). MyGovUC 2.0 was implemented as a cost-saving measure to ensure that the Government's communication and collaboration services are centrally managed for the use of all agencies in the public sector. Through the MyGovUC 2.0's shared service, the Government will be able to increase productivity and the quality of public service delivery. The implementation of the MyGovUC 2.0's email service is by using the Google Work Space (GWS) or Google Mail email platform.

Hebahan infografik turut dihantar kepada agensi Kerajaan bagi memberi pendedahan terhadap perkhidmatan MyGovUC 2.0 ini.

Infographic announcements were also sent to the Government agencies to give exposure on the MyGovUC 2.0 service.



I. LATIHAN PENGGUNA MyGovUC 2.0

MyGovUC 2.0 USER TRAINING

Bagi memastikan pelaksanaan dan pengaplikasian perkhidmatan komunikasi bersepadu MyGovUC 2.0 yang berkesan di EAIC, satu sesi Latihan Pengguna MyGovUC 2.0 GWS telah diadakan bersama dengan semua warga EAIC dengan menjemput pihak MAMPU sebagai penceramah bagi menjalankan latihan perkhidmatan tersebut. Antara pengisian latihan tersebut adalah memberi pendedahan cara menggunakan perkhidmatan MyGovUC 2.0 yang menggabungkan saluran komunikasi e-mel GWS iaitu Gmail dan Google Calendar, persidangan video dan audio Google Meet, pengurusan fail dan dokumentasi melalui Google Drive serta UPMS.

To ensure the effective implementation and application of MyGovUC 2.0 integrated communication services at EAIC, a MyGovUC 2.0 GWS User Training session was held with all members of EAIC by inviting MAMPU as a speaker to conduct the service training. Among the contents of the training includes giving exposure on how to use the MyGovUC 2.0 service which combines GWS's email communication channels, namely Gmail and Google Calendar, Google Meet video and audio conferences, file management and documentation through Google Drive and UPMS.

II. LATIHAN TRAIN THE TRAINER (TTT) MyGovUC 2.0

'TRAIN THE TRAINER' TRAINING (TTT) MyGovUC 2.0

Satu latihan Train the Trainer bagi Perkhidmatan MyGovUC 2.0 telah dijalankan oleh MAMPU kepada wakil Pentadbir Unified Communication (UC) yang dilantik. 2 pegawai IT EAIC telah mengikuti latihan tersebut yang berperanan dalam memberi tunjuk ajar bagi meningkatkan pengetahuan sebagai trainer dalam melatih pengguna di agensi.

A 'Train the Trainer' training for the MyGovUC 2.0 Service was conducted by MAMPU for the appointed representatives of the Unified Communication (UC) Administrator. Two of EAIC's IT officers attended the training which played a part in guiding them to increase their knowledge as trainers in training users in the agency.

PEMBANGUNAN PORTAL BAHARU EAIC **EAIC'S NEW PORTAL DEVELOPMENT**

Selaras dengan era pendigitalan, portal merupakan saluran utama agensi sektor awam untuk menyampaikan maklumat dan perkhidmatan kepada rakyat dan komuniti. Mengambil kira perkembangan ini, EAIC telah menaik taraf portal sedia ada melalui pembangunan portal baharu. Portal baharu EAIC ini telah diaplikasikan penggunaannya pada 1 Oktober 2022 bagi menyokong inisiatif perkhidmatan awam selaras dengan perkembangan teknologi terkini dan penyampaian perkhidmatan yang berpaksikan rakyat.

In line with the digitalization era, portals act as the main channels for public sector's agencies to deliver information and services to citizens and communities. Considering this development, EAIC has upgraded the existing portal through the development of a new portal. EAIC's new portal was enforced on 1 October 2022 to support public service initiatives in line with the latest technology developments and citizen-centric service delivery.

Pembangunan portal baharu EAIC ini juga turut memenuhi kriteria Sistem Pemantauan Laman Web dan Perkhidmatan Dalam Talian (SPLaSK) 2019.


The development of EAIC's new portal also meets the criteria of the Website and Online Services Monitoring System (SPLaSK) 2019.



Wajah terkini portal EAIC
The latest appearance of EAIC's portal

UNIT INTEGRITI

INTEGRITY UNIT



Unit Integriti
Integrity Unit

Unit Integriti (UI) bertanggungjawab menguruskan integriti dalam organisasi dan memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan di EAIC.

The Integrity Unit (UI) is responsible for managing integrity in the organization and ensuring the best governance is implemented in EAIC.

PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI INTEGRITY STRENGTHENING PROGRAM

I CERAMAH PENGUKUHAN INTEGRITI “SINI TINGGAL, SANA MENINGGAL”

STRENGTHENING PROGRAM “SINI TINGGAL, SANA MENINGGAL”

Ceramah Pengukuhan Integriti bertajuk "Sini Tinggal, Sana Meninggal" telah diadakan pada 17 Ogos 2022 dan disampaikan oleh penceramah jemputan Ustaz Muhd Redza bin Ahmad, Seksyen Pengukuhan Dan Pematuhan Unit Integriti, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

The Integrity Reinforcing Talk entitled "Sini Tinggal , Sana Meninggal" was held on 17 August 2022 and was delivered by a guest speaker namely Ustaz Muhd Redza bin Ahmad from Integrity Unit Strengthening and Compliance Section of the Prime Minister's Department (JPM).

Objektif ceramah ini adalah menjurus kepada integriti dalam pekerjaan menurut Islam. Seseorang pekerja hendaklah sentiasa berwaspada dan bertanggungjawab ke atas apa yang dilakukan atau dibelanjakan kerana mereka akan disoal dan diperiksa bukan sekadar di dunia malahan di hari pembalasan.

The objective of this talk leaned towards integrity at work according to Islam. An employee should always be alert and responsible for what is done or spent because they will be questioned and examined not only in this world but on the day of retribution.

Ceramah ini dapat memberi kesedaran dan mendorong penjawat awam untuk sentiasa mengutamakan aspek integriti dalam menjalankan tugas yang diamanahkan. Seramai 40 orang warga EAIC hadir ke ceramah tersebut.

This talk sparked awareness and encourage civil servants to always prioritize the aspect of integrity in carrying out their entrusted duties. A total of 40 members of EAIC attended the talk.

Ceramah Pengukuhan Integriti

SINI TINGGAL, SANA MENINGGAL

USTAZ MUHD REDZA BIN AHMAD

Pegawai Integriti Jabatan Perdana Menteri



Rabu, 17 Ogos 2022
bersamaan 19 Muharam 1444H



10.00 pagi - 12.00 tengah hari



Bilik Pendengaran Aras 11,
Menara Usahawan, Putrajaya

Anjuran Unit Integriti

eaicofficial
www.eaic.gov.my



Sekitar sesi ceramah pengukuhan integriti "Sini Tinggal, Sana Meninggal"
During the integrity reinforcement talk session "Sini Tinggal, Sana Meninggal"

II JALINAN KERJASAMA EAIC DAN KOLEJ POLY-TECH MARA (KPTM)

COLLABORATION BETWEEN EAIC AND MARA POLY-TECH COLLEGE (KPTM)



Delegasi EAIC ke Ibu Pejabat KPTM Kuala Lumpur
EAIC's delegation to KPTM Headquarters Kuala Lumpur

Pada 10 Ogos 2022, EAIC telah berkunjung ke Ibu Pejabat KPTM Kuala Lumpur. Kunjungan yang diketuai oleh Encik Firdaus bin Nohhani selaku Ketua Unit Integriti EAIC bersama dengan Encik Mohamad Hasif bin Awang Idris, Penolong Pegawai Integriti dan Encik Mohd Faizal bin Jaaffar, Penolong Pegawai Penerangan. Mereka telah disambut oleh Encik Mohd Sahidi bin Yaakob, Timbalan Presiden Hal Ehwal Pelajar selaku Pengerusi Jawatankuasa Integriti KPTM Sdn. Bhd..

On 10 August 2022, EAIC visited the KPTM Headquarters Kuala Lumpur. The visit was led by Encik. Firdaus bin Nohhani as the Head of the EAIC's Integrity Unit together with Encik Mohamad Hasif bin Awang Idris, the Assistant Integrity Officer and Encik Mohd Faizal bin Jaaffar, the Assistant Information Officer. They were welcomed by Encik Mohd Sahidi bin Yaakob, the Deputy President of Student Affairs who is also the Chairman of the Integrity Committee KPTM Sdn. Bhd.

Kunjungan ini telah memberi hasil perbincangan positif dalam bentuk kerjasama program dan aktiviti yang bakal dianjurkan oleh kedua-dua belah pihak. Turut hadir dalam sesi perbincangan ini adalah Ahli Jawatankuasa Integriti KPTM Sdn. Bhd. dan Ahli Jawatankuasa Integriti KPTM Sdn. Bhd. seramai 26 orang.

The visit has resulted in a positive discussion in the form of cooperation programs and activities that will be organized by both sides. Also present during this discussion session were the members of the Integrity Steering Committee of KPTM Sdn. Bhd. and the members of the Integrity Committee of KPTM Sdn. Bhd. which consisted of a total of 26 people.

III TAKLIMAT CELIK INTEGRITI BERSAMA DENGAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI

INTEGRITY LITERACY BRIEFING WITH INSTITUTE OF HIGHER LEARNING INSTITUTION

Berdasarkan salah satu fungsi utama EAIC yang diperuntukkan di bawah perenggan 4 (1)(e) Akta 700 iaitu menggalakkan kesedaran, penambahbaikan dan pendidikan berhubung integriti dalam suatu agensi penguatkuasaan dan mengurangkan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa, EAIC telah mengambil inisiatif untuk memperbanyakkan program dan aktiviti pengenalan mengenai peranan dan fungsi EAIC kepada golongan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) awam. Ini turut melengkapkan sasaran menyebar luas kesedaran integriti kepada pihak berkepentingan yang lain selain daripada kumpulan sasaran yang sedia ada iaitu agensi penguatkuasaan seliaan dan masyarakat.

Based on one of EAIC's main functions provided under paragraph 4 (1)(e) of Act 700 which is to promote awareness, improvement and education regarding integrity in an enforcement agency and reduce misconduct amongst enforcement officers, EAIC has taken the initiative to increase the number of programs and introductory activities on

the role and functions of EAIC to students of public Higher Learning Institutions (IPT). This also completes the goal of spreading awareness on integrity to other stakeholders apart from the existing target group, namely supervisory enforcement agencies and the community.

Sehubungan itu, EAIC telah menganjurkan Taklimat Celik Integriti yang memfokuskan kepada pendekatan pembelajaran berdasarkan pengalaman. Selain daripada memperkenalkan peranan dan fungsi EAIC sebagai badan pengawasan integriti, pelajar di IPT turut diberikan pendedahan dan perkongsian kes sebenar sebagai rujukan dalam menjelaskan ruang lingkup salah laku di bawah seksyen 24 Akta 700.

Accordingly, EAIC has organized an Integrity Literacy Briefing that focuses on a learning approach based on experience. Apart from introducing the role and functions of EAIC as an integrity supervising body, students at IPT were also given exposures and sharing of real cases by way of reference in explaining the scope of misconduct under section 24 of Act 700.

Senarai taklimat celik integriti yang telah diadakan dengan kerjasama IPT pada tahun ini adalah seperti berikut:

The list of integrity literacy briefings that have been held in collaboration with IPT this year are as follows:

Jadual 19: Senarai Taklimat Celik Integriti
Table 19: List of Integrity Literacy Briefing

BIL. BIL.	TARIKH DATE	LOKASI LOCATION
1	29 Mei 2022 29 May 2022	Institut Latihan Perindustrian Kota Bharu, Kelantan <i>Kota Bharu Industrial Training Institute, Kelantan</i>
2	10 Ogos 2022 10 August 2022	Kolej Poly-Tech MARA (KPTM), Cheras, Kuala Lumpur <i>MARA Poly-Tech College (KPTM), Cheras, Kuala Lumpur</i>
3	18 Ogos 2022 18 August 2022	Kolej Komuniti Sabak Bernam, Selangor <i>Sabak Bernam Community College, Selangor</i>

BIL. BIL.	TARIKH DATE	LOKASI LOCATION
4	23 September 2022 <i>23 September 2022</i>	Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Bangi, Selangor <i>MARA Poly-Tech College (KPTM) Bangi, Selangor</i>
5	9 Disember 2022 <i>9 December 2022</i>	Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Ipoh, Perak <i>MARA Poly-Tech College (KPTM) Ipoh, Perak</i>



Sekitar taklimat celik integriti yang telah diadakan di IPT seluruh negara
During the integrity literacy briefings that were held at IPTs across the country

IV HEBAHAN INFO INTEGRITI INTEGRITY INFO DISTRIBUTION

Dalam usaha memantap dan meningkatkan amalan nilai murni, etika dan integriti di kalangan warga EAIC, UI meneruskan usaha pendidikan dengan menerapkan nilai moral melalui hebahana info integriti berhubung pematuhan Etika Penjawat Awam yang termaktub di dalam Akta Badan – Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] seperti yang berikut:

In an effort to strengthen and improve the practice of good values, ethics and integrity amongst the members of EAIC, UI is continuing its efforts to educate by cultivating moral values through the publication of integrity information regarding compliance with the Ethics of Civil Servants as enshrined in the Statutory Bodies (Discipline and Surcharge) Act 2000 [Act 605] as follows:

AKTA 605 AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000 TATAKELAKUAN

3 (2) Seorang pegawai tidak boleh - (g) tidak bertanggungjawab

CONTOH PELANGGARAN TATATERTIB 3 (2) (g)

- TIDAK hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa kebenaran atau sebab yang munasabah
- TIDAK MENGETIK KAD PERAKAM WAKTU**
- MENGETIK** kad perakam waktu pegawai lain

Unit Integriti EAIC

INFO INTEGRITI
BIL. 2/2022

GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA

Sebarang pelakuan bersifat seksual secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal yang menyebabkan seseorang yang waras TERSENGGUNG, TERHINA ATAU TERUGUT. Boleh terjadi kepada lelaki, wanita atau sesama jantina

Gangguan seksual merupakan salah satu perlakuan yang dilarang mengikut peraturan (2)(d) berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga memburukkan atau mencemarkan nama badan berkanun

JADUAL KEDUA (PERATURAN PERAYAAN TATATERTIB BADAN-BADAN BERKANUN) AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000

JENIS-JENIS GANGGUAN SEKSUAL

Ditepuk, dicium, diperluk atau disentuh	Gangguan secara visual Menghantar bahan berunsur visual melalui media elektronik atau media sosial	Sesuatu perbuatan yang menyebabkan seseorang terasa tersenggung, terhina atau terugut berumur seks mengenal fizikal

UNIT INTEGRITI
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN





05

PERANCANGAN 2023
2023 PLANNING

PERANCANGAN 2023

2023 PLANNING

BAHAGIAN OPERASI *OPERATIONS DIVISION*

**KAJIAN BERKAITAN AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (APMM)
DAN JABATAN PERIKANAN (DOF) DALAM MELAKSANAKAN PENGUATKUASAAN
AKTA PERIKANAN 1985 [AKTA 317] DI PERAIRAN NEGARA DAN LANGKAH-
LANGKAH PENCEGAHAN**

***A STUDY RELATING TO THE MALAYSIAN MARITIME ENFORCEMENT AGENCY
(APMM) AND THE DEPARTMENT OF FISHERIES (DOF) IN IMPLEMENTING THE
ENFORCEMENT OF THE FISHERIES ACT 1985 [ACT 317] ACROSS NATIONAL
WATERS AND PREVENTIVE MEASURES***

Berdasarkan kepada Teras 1 Pelan Strategik EAIC 2023 hingga 2027, EAIC telah merancang untuk melaksanakan tindakan penyeliaan yang lebih bersifat *educative* dan *preventive* yang berkaitan dengan aduan atau apa-apa isu melibatkan salah laku tatatertib dalam kalangan agensi penguatkuasaan seliaan yang sering kali dibangkitkan.

Based on Core 1 of EAIC's Strategic Plan 2023 to 2027, EAIC planned to implement supervisory actions that are more educative and preventive in relation to complaints or any issue involving disciplinary misconduct amongst supervisory enforcement agencies that are often raised.

Bagi tahun 2023, EAIC telah memutuskan untuk menjalankan kajian melibatkan APMM dan DOF dalam pelaksanaan penguatkuasaan Akta 317 di perairan negara dan langkah-langkah pengecahan yang berkaitan. Antara objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini adalah seperti yang berikut:

- | | |
|-----|---|
| (a) | mengenal pasti faktor yang menyumbang kepada permasalahan/kekangan yang dihadapi APMM dan DOF dalam melaksanakan penguatkuasaan Akta 317 di perairan negara; |
| (b) | mengenal pasti langkah pencegahan yang berkesan untuk menangani permasalahan/kekangan APMM dan DOF dalam melaksanakan penguatkuasaan Akta 317 di perairan negara; dan |
| (c) | mengesyorkan penambahbaikan infrastruktur, aset, kemudahan, undang-undang dan dasar. |

For the year 2023, EAIC has decided to carry out a study involving APMM and DOF in implementing the enforcement of Act 317 across national waters and the related prevention measures. Among the objectives to be achieved through this study are as follows:

- | | |
|-----|--|
| (a) | <i>identify the factors that contribute to the problems/constraints faced by APMM and DOF in enforcing Act 317 across national waters;</i> |
| (b) | <i>identify the effective preventive measures to deal with the problems/constraints of APMM and DOF in enforcing Act 317 across national waters; and</i> |
| (c) | <i>recommend improvements of infrastructure, assets, facilities, laws and policies.</i> |

Sehubungan dengan itu, Bahagian Operasi telah menubuhkan Jawatankuasa Kajian Berkaitan APMM dan DOF dalam melaksanakan penguatkuasaan Akta 317 di perairan negara dan langkah-langkah pencegahan, bagi melaksanakan perancangan kajian tersebut.

As such, Operations Division has established a Study Committee In Relation to APMM and DOF in implementing the enforcement of Act 317 across national waters and the preventive measures, in order to carry out the planning made for the study.

BAHAGIAN DASAR **POLICY DIVISION**

PENUBUHAN UNIT PENGAUDITAN DAN PEMANTAUAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) AGENSI PENGUATKUASAAN SELIAAN

ESTABLISHMENT OF AUDITING AND MONITORING UNIT FOR THE STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) OF THE SUPERVISORY ENFORCEMENT AGENCIES

Cadangan untuk menubuhkan Unit Pengauditan dan Pemantauan SOP Agensi Penguatuasaan Seliaan adalah untuk memperkasakan peranan dan fungsi EAIC seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan 4(1)(d) Akta 700. Penubuhan unit ini membolehkan EAIC mengadakan pengauditan dan pemantauan mengenai aspek tertentu operasi dan tatacara sesuatu agensi penguatuasaan seliaan.

The proposal to establish an Auditing and Monitoring Unit for the SOP of the Supervisory Enforcement Agencies is to empower the role and functions of EAIC provided under paragraph 4(1)(d) of Act 700. The establishment of this unit enables EAIC to conduct auditing and monitoring on certain aspects of operations and procedures of the supervisory enforcement agencies.

Unit Pengauditan dan Pemantauan SOP Agensi Penguatuasaan Seliaan mensasarkan peranan untuk—

(i)	memantau amalan, sistem dan tatacara pengoperasian agensi penguatuasaan seliaan;
(ii)	membuat pengauditan terhadap amalan, sistem dan tatacara pengoperasian agensi penguatuasaan seliaan;
(iii)	menjalankan kajian penambahbaikan terhadap amalan, sistem dan tatacara pengoperasian agensi penguatuasaan seliaan mengikut keperluan berdasarkan hasil pemantauan dan pengauditan; dan
(iv)	mengesyorkan penambahbaikan terhadap amalan, sistem dan tatacara pengoperasian kepada agensi penguatuasaan seliaan.

The Auditing and Monitoring Unit for the SOP of the Supervisory Enforcement Agencies aims to-

(i)	<i>monitor the practices, systems and operating procedures of the supervisory enforcement agencies;</i>
(ii)	<i>audit the practices, systems and operating procedures of the supervisory enforcement agencies;</i>
(iii)	<i>carry out improvement studies on the practices, systems and operating procedures of the supervisory enforcement agencies as needed based on the results of monitoring and auditing; and</i>
(iv)	<i>recommend improvements to practices, systems and operating procedures to the supervisory enforcement agencies.</i>

PELAN STRATEGIK EAIC 2023 HINGGA 2027

EAIC STRATEGIC PLAN 2023 TO 2027

Bagi meneruskan kesinambungan Pelan Strategik EAIC 2017 hingga 2022, Pelan Strategik EAIC 2023 hingga 2027 telah dibangunkan bagi meneruskan program yang tidak dapat dilaksanakan sebelum ini. Segala perancangan program yang dirancang dalam Pelan Strategik 2023 hingga 2027 akan dipantau secara berkala bagi memastikan ianya dapat dilaksanakan sebaiknya.

In order to continue the legacy of EAIC's Strategic Plan 2017 to 2022, the EAIC's Strategic Plan 2023 to 2027 are developed to continue the programs that were not able to be implemented before. All of the programs planned in the Strategic Plan 2023 to 2027 will be monitored periodically to ensure that they can be performed at its best.

BAHAGIAN UNDANG-UNDANG LEGAL DIVISION

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN KEPADA AKTA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN 2009 [AKTA 700]

PROPOSED AMENDMENTS TO THE ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION ACT 2009 [ACT 700]

Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2022 [Akta 839] memberi mandat kepada Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) untuk menyiasat aduan salah laku anggota pasukan polis dan mengesyorkan tindakan tatatertib terhadap anggota tersebut kepada Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP). Penetapan Tarikh Permulaan Kuat Kuasa Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2022 [P.U.(B) 574] bertarikh 21 November 2022 telah menetapkan Akta 839 ini akan mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2023.

The Independent Commission on Police Conduct Act 2022 [Act 839] was passed in the Parliament which mandates the Independent Commission on Police Conduct (IPCC) to investigate complaints of misconduct by members of the police force and recommend disciplinary action against such members to the Police Force Commission (SPP). The Appointment Of Date Of Coming Into Operation of the Independent Police Conduct Commission Act 2022 [P.U.(B) 574] dated 21 November 2022 has stipulated that this Act 839 will come into force on 1 July 2023.

Selaras dengan kuat kuasa Akta 839 ini, EAIC telah memulakan kajian bagi melihat pindaan kepada peruntukan yang berkaitan dengan PDRM. Sehubungan dengan itu juga, kajian menyeluruh akan dibuat untuk menambah baik fungsi dan bidang kuasa EAIC.

In accordance with the enforcement of Act 839, EAIC has begun a study to examine amendments to provisions related to PDRM. In connection with that, a comprehensive study will be conducted to improve the functions and jurisdiction of the EAIC.

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT CORPORATE COMMUNICATIONS DEPARTMENT

KEMPEN E.R.A.T EAIC BERSAMA MASYARAKAT

EAIC'S E.R.A.T CAMPAIGN WITH THE COMMUNITY

Kempen E.R.A.T (Encouraging, Responsibility, Accountability and Trustworthy) EAIC bersama dengan masyarakat merupakan kempen kesedaran dan pendidikan masyarakat berhubung usaha EAIC selaku badan pengawasan integriti untuk meningkatkan kepekaan serta keprihatinan rakyat terhadap isu berkaitan salah laku dan penyalahgunaan kuasa khususnya dalam kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan seliaan.

EAIC's E.R.A.T (Encouraging, Responsibility, Accountability and Trustworthy) campaign with the community is a community awareness and education campaign regarding EAIC's efforts as an integrity supervising body to increase people's awareness and concern for issues related to misconduct and abuse of power, especially amongst enforcement officers and supervisory enforcement agencies.

Pada tahun 2023, 3 siri Kempen E.R.A.T EAIC dijadualkan iaitu di Zon Tengah (Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor), Zon Lembah Klang (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya) dan Zon Sabah/Sarawak. Selanjutnya, EAIC juga berhasrat untuk menganjurkan Kempen E.R.A.T EAIC ini di setiap negeri di seluruh negara tertakluk kepada masa yang bersesuaian. Selain itu, kempen ini akan turut diperluaskan sasarannya kepada pemimpin masyarakat seperti Ahli Parlimen, pempengaruh media sosial dan pelajar sekolah.

In 2023, 3 series of EAIC's E.R.A.T Campaigns have been scheduled, namely in the Central Zone (Malacca, Negeri Sembilan and Selangor), the Klang Valley Zone (Federal Territories of Kuala Lumpur and Putrajaya) and the Sabah/Sarawak Zone. Furthermore, EAIC also intends to organize EAIC's E.R.A.T Campaign in every state across the country depending on the appropriate time. In addition, this campaign will also expand its target to community leaders such as Members of Parliament, social media influencers and school students.

PROMOSI SALURAN ADUAN EAIC DI PAPAN IKLAN BILLBOARD SELURUH NEGARA

PROMOTION OF EAIC'S COMPLAINT CHANNELS ON BILLBOARDS NATIONWIDE

EAIC akan bekerjasama dengan Jabatan Penerangan Malaysia untuk menerbitkan promosi paparan luar di 31 papan iklan billboard di seluruh negara bermesejkan pencegahan salah laku dan info saluran aduan EAIC bermula pada Februari 2023. Pengiklanan ini akan menyebar luas info dan maklumat asas mengenai EAIC serta saluran aduan yang akan dilihat secara biterusan oleh orang awam selama tempoh satu tahun.

EAIC will work with the Information Department, Malaysia to publish an outdoor display advertisement on 31 billboards across the country with a message of prevention of misconduct and information regarding EAIC's complaint channels beginning February 2023. Such advertisings will widely disseminate basic information about EAIC and the complaint channels available which will be advertised continuously to the public for a period of one year.

PROMOSI IKLAN RADIO EAIC DI SALURAN RADIO JABATAN PENYIARAN MALAYSIA

EAIC'S RADIO ADVERTISING PROMOTION ON THE RADIO CHANNEL OF THE BROADCASTING DEPARTMENT, MALAYSIA

EAIC akan bekerjasama dengan Jabatan Penyiaran Malaysia untuk penyiaran iklan radio yang membawakan pesanan khidmat awam secara ringkas mengenai EAIC kepada masyarakat berserta saluran aduan yang disediakan. Iklan yang berdurasi selama 30 saat tersebut akan disiarkan di semua saluran radio negeri-negeri di seluruh negara bermula pada 1 Januari 2023.

EAIC will collaborate with the Broadcasting Department, Malaysia for the broadcasting of the radio advertisement which contains a brief public service message regarding EAIC along with the complaint channels provided, to the public. The 30-second advertisement will be broadcasted on the radio channels nationwide starting 1 January 2023.

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN MANAGEMENT SERVICES DIVISION

PENYUSUNAN SEMULA STRUKTUR ORGANISASI DAN PENGUKUHAN PERJAWATAN EAIC

REORGANIZATION OF THE ORGANIZATIONAL STRUCTURE AND REINFORCEMENT OF EAIC'S EMPLOYMENT

Kali terakhir EAIC mengemukakan permohonan pengukuhan perjawatan kepada JPA adalah pada tahun 2013. Pada ketika itu, permohonan pengukuhan perjawatan adalah lebih tertumpu kepada pertambahan jawatan bagi mengimbangi pengoperasian EAIC dalam mengawal selia anggota penguatkuasaan seliaan dan 21 agensi penguatkuasaan seliaan.

The last time EAIC submitted a reinforcement of employment positions' application to JPA was in 2013. During that time, the reinforcement of employment positions' application was focused more on increasing the number of positions to balance out EAIC's operation in regulating supervisory enforcement officers and the 21 supervisory enforcement agencies.

Selepas 10 tahun dan mengambil kira kepada bebanan dan kompleksiti tugas semasa, EAIC akan menyediakan cadangan penyusunan semula struktur organisasi dan pengukuhan perjawatan EAIC yang baharu bagi mengimbangi keperluan semasa agar sentiasa relevan dan berdaya saing dengan agensi yang setaraf dengannya. Namun begitu, cadangan yang akan dikemukakan pada tahun 2023 tidak melibatkan sebarang pertambahan perjawatan baharu dan lebih tertumpu kepada penyusunan semula struktur organisasi sedia ada, pindah butiran perjawatan dan menaik taraf gred jawatan bagi tujuan pembangunan kemajuan kerjaya yang lebih meluas kepada pegawai.

After 10 years and taking into account the burden and complexity of the current workload, EAIC will be preparing a proposal to reorganize the organizational structure and reinforcement of EAIC's new employment positions to balance out the current needs so as to always remain relevant and competitive with other equivalent agencies. However, the proposal that will be presented in 2023 does not involve an increase in the number of new staffing but will be focusing more on restructuring the organizational structure, transferring staffing details and upgrading the staffing grade for the purpose of developing wider career advancement for officers.

PENGGUNAAN SISTEM SPOT-ME

USAGE OF THE SPOT-ME SYSTEM

Sistem SPOT-ME atau Sistem Pemantauan Operasi Tugas merupakan sistem perakam waktu bagi pegawai di sektor awam berdasarkan fungsi geolokasi peranti mudah alih secara atas talian menerusi pelayar web atau aplikasi mudah alih. Sistem ini juga berperanan sebagai sistem pemantauan kehadiran dan tugasan secara elektronik.

The SPOT-ME System or Task Operations Monitoring System is a time recording system for public sector officials based on the geolocation function of online mobile devices through a web browser or mobile application. This system also acts as an electronic attendance and work tasks monitoring system.

Sistem ini dibangunkan oleh MAMPU dan atas dasar perkongsian pintar bagi sistem aplikasi sektor awam, sistem ini dicadang untuk diguna pakai di EAIC bermula tahun 2023, sebagai transformasi ke arah pendigitalan dalam mengautomasikan tugas di pejabat bagi menggantikan penggunaan kad perakam waktu di EAIC.

This system was developed by MAMPU and on the basis of smart sharing for the public sector application system, this system is proposed to be used at EAIC starting in the year 2023, as a transformation towards digitization in automating tasks in the office to replace the use of time recorder cards at EAIC.

UNIT INTEGRITI INTEGRITY UNIT

HEBAHAN INFO INTEGRITI INTEGRITY INFO DISTRIBUTION

Dalam usaha memantap dan meningkatkan amalan nilai murni, etika dan integriti dalam kalangan warga EAIC, UI akan meneruskan usaha pendidikan dengan menerapkan nilai moral melalui hebahan info integriti berhubung pematuhan Etika Penjawat Awam yang termaktub di dalam Akta 605.

In an effort to enhance and improve the practice of virtue, ethics and integrity amongst the members of EAIC, UI will continue its efforts to educate by instilling moral values through the publication of integrity information regarding compliance with the Ethics of Civil Servants as stipulated in Act 605.

PEMBANGUNAN DASHBOARD INTEGRITI INTEGRITY DASHBOARD DEVELOPMENT

UI sedang dalam tindakan untuk membangunkan papan pemuka Dashboard Integriti sebagai pangkalan data maklumat berkaitan isu integriti yang dimuat naik dalam sistem pembangunan analisis interaktif bagi memudahkan EAIC membuat rujukan terhadap sesuatu isu integriti dalam termasuklah pengesanan dan pengesahan terhadap salah laku jenayah rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan serta pelanggaran tatakelakuan dan etika dalam kalangan warga EAIC.

UI is in the process of developing an Integrity Dashboard as an information database relating to integrity issues that is uploaded into an interactive analysis development system to facilitate EAIC in making references to internal integrity issues, including the detection and verification of criminal misconduct, corruption, abuse of power, and malfeasance, as well as violations of the code of conduct and ethics amongst the members of EAIC.



06

SOROTAN 2022
HIGHLIGHTS OF 2022

SOROTAN 2022

HIGHLIGHTS OF 2022



19 Januari 2022 – EAIC On The Move di Majlis Bandaraya Subang Jaya
19 January 2022 – EAIC On The Move at Subang Jaya City Council



25 Januari 2022 – Lawatan Kajian Kes Kematian Dalam Tahanan Zon Sabah
25 January 2022 – Case Study Visit on Deaths in Custody in the Sabah Zone



25 Januari 2022 – Lawatan Kajian Kes Kematian Dalam Tahanan Zon Sarawak
25 January 2022 – Case Study Visit on Deaths in Custody in the Sarawak Zone



27 Januari 2022 – SLU bersama dengan IPK Kedah

27 January 2022 – SLU with IPK Kedah



27 Januari 2022 – SLU bersama dengan AADK Kedah

27 January 2022 – SLU with AADK Kedah



14 Februari 2022 – Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia ditemani Pengerusi EAIC menandatangani buku pelawat EAIC

14 February 2022 – The British High Commissioner to Malaysia accompanied by EAIC's Chairman signing EAIC's visitor book



22 Februari 2022 – Konsultasi Jawatankuasa Kematian Dalam Tahanan bersama dengan NGO

22 February 2022 – Deaths in Custody Committee Consultation with NGOs



23 Februari 2022 - SLU bersama dengan IPK Terengganu

23 February 2022 - SLU with IPK Terengganu



24 Februari 2022 - SLU bersama dengan IPK Pahang

24 February 2022 - SLU with IPK Pahang



24 Februari 2022 - SLU bersama dengan JKDM Pahang

24 February 2022 - SLU with JKDM Pahang



25 Februari 2022 – Konsultasi Jawatankuasa Kematian Dalam Tahanan bersama dengan Agensi Pengawas Seliaan

25 February 2022 - Deaths in Custody Committee Consultation with Supervisory Enforcement Agencies



2 hingga 3 Mac 2022 – Sesi Percambahan Ilmu EAIC: Kajian Trend Hukuman Tatatertib

2 to 3 March 2022 – EAIC's Knowledge Sharing Session: Disciplinary Sentencing Trends Review



22 Mac 2022 – Majlis Sembah Menghadap Ke Bawah DYMM Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah

22 March 2022 - 'Majlis Sembah Menghadap' His Royal Highness Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah



31 Mac 2022 – Majlis Sembah Menghadap Ke Bawah DYMM Sultan Sharaffudin Idris Shah Al-haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-haj

31 March, 2022 – 'Majlis Sembah Menghadap' His Royal Highness Sultan Sharaffudin Idris Shah Al-haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-haj



1 April 2022 – Majlis Apresiasi EAIC

1 April 2022 – EAIC's Appreciation Ceremony



14 April 2022 – Forum Celik Integriti: Islam dan Tahanan

14 April 2022 – *Integrity Literacy Forum: Islam and Detainees*



24 Mei 2022 - SLU bersama dengan AADK Kelantan

24 May 2022 - *SLU with AADK Kelantan*



25 Mei 2022 - SLU bersama dengan IPK Kelantan

25 May 2022 - SLU with IPK Kelantan



26 Mei 2022 - Kempen E.R.A.T bersama dengan masyarakat di Zon Pantai Timur

26 May 2022 - E.R.A.T Campaign with the community in the East Coast Zone



30 Mei 2022 – Lawatan kerja Institut Integriti Malaysia

30 May 2022 – Work visit from the Institute of Integrity Malaysia



1 Jun 2022 – Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

1 June 2022 – Excellence Service Award



2 Jun 2022 – SLU bersama dengan IPK Selangor

2 June 2022 – SLU with IPK Selangor



14 Jun 2022 – SLU bersama dengan IPK Kuala Lumpur

14 June 2022 – SLU with IPK Kuala Lumpur



14 Jun 2022 – EAIC On The Move di Hentian Kajang

14 June 2022 – EAIC On The Move at Kajang Station



21 Jun 2022 – EAIC On The Move di Kompleks UTC Pudu, Kuala Lumpur

21 June 2022 – EAIC On The Move at UTC Pudu Complex, Kuala Lumpur



23 Jun 2022 – Mesyuarat Koordinasi EAIC Bil.1/2022 bersama dengan Agensi Pengkuasaan Seliaan

23 June 2022 – EAIC's Coordination Meeting No. 1/2022 with the Supervisory Enforcement Agencies



28 Jun 2022 – SLU bersama dengan IPK Perlis

28 June 2022 – SLU with IPK Perlis



29 Jun 2022 – SLU bersama dengan IPK Pulau Pinang

29 June 2022 – SLU with IPK Penang



1 Julai 2022 – SLU bersama dengan IPK Perak

1 July 2022 – SLU with IPK Perak



1 Julai 2022 – Lawatan Kajian Kes Kematian Dalam Tahanan di Penjara Kajang
1 July 2022 – Case Study Visit on Deaths in Custody at Kajang Prison



19 Julai 2022 – EAIC On The Move di Ibu Pejabat Imigresen, Putrajaya
19 July 2022 – EAIC On The Move at Immigration Headquarters, Putrajaya



21 Julai 2022 – EAIC On The Move di Kompleks UTC Keramat, Kuala Lumpur
21 July 2022 – EAIC On The Move at UTC Keramat Complex, Kuala Lumpur



2 Ogos 2022 – EAIC On The Move di Bukit Bintang, Kuala Lumpur
2 August 2022 – EAIC On The Move at UTC Keramat Complex, Kuala Lumpur



3 Ogos 2022 – Lawatan kerja United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC)

3 August 2022 – United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) Work Visit



10 Ogos 2022 – Lawatan Muhibbah EAIC ke Ibu Pejabat Kolej Poly-Tech MARA

10 August 2022 – EAIC's Muhibbah Visit to MARA Poly-Tech College Headquarters



16 Ogos 2022 – SLU bersama dengan IPK Negeri Sembilan

16 August 2022 – SLU with IPK Negeri Sembilan



17 Ogos 2022 – SLU bersama dengan IPK Johore

17 August 2022 – SLU with IPK Johore



17 Ogos 2022 – Ceramah Program Pengukuhan Integriti “Sini Tinggal, Sana Meninggal”

17 August 2022 – Integrity Strengthening Program Talk “Sini Tinggal, Sana Meninggal”



18 Ogos 2022 – Taklimat Celik Integriti di Kolej Komuniti Sabak Bernam

18 August 2022 – Integrity Literacy Briefing at Sabak Bernam Community College



18 Ogos 2022 – SLU bersama dengan JPJ Melaka

18 August 2022 – SLU with JPJ Melaka



19 Ogos 2022 – SLU bersama dengan IPK Melaka

19 August 2022 – SLU with IPK Melaka



1 September 2022 – Lawatan kerja Kementerian Dalam Negeri

1 September 2022 – Ministry of Home Affairs work visit



6 September 2022 – EAIC On The Move di sekitar Bangi, Selangor

6 September 2022 – EAIC On The Move around Bangi, Selangor



13 September 2022 – EAIC On The Move di sekitar Damansara, Selangor

13 September 2022 – EAIC On The Move around Damansara, Selangor



20 September 2022 – SLU bersama dengan IPK Sarawak

20 September 2022 – SLU with IPK Sarawak



22 September 2022 – SLU bersama dengan IPK Sabah

22 September 2022 – SLU with IPK Sabah



22 September 2022 – SLU bersama dengan JIM Sabah dan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (PDRM) Sabah

22 September 2022 – SLU with JIM Sabah and Commercial Crime Investigation Department (RMP) Sabah



26 September 2022 - Refresher Course: Aturan Urusan Mesyuarat Dewan Rakyat/Negara

26 September 2022 - Refresher Course: Rules of Procedure for Dewan Rakyat/Negara Meetings



27 September 2022 - EAIC On The Move di sekitar Sepang, Selangor

27 September 2022 - EAIC On The Move around Sepang, Selangor



3 hingga 5 Oktober 2022 – Kursus Penulisan Dokumen Rasmi Kerajaan (Minit Mesyuarat, Kertas Kerja, Laporan)

3 to 5 October 2022 – Writing Course on Official Government Documents (Meeting Minutes, Working Papers, Reports)



21 Oktober 2022 – Ceramah Celik Integriti: Integriti Dalam Penghijrahan
21 October 2022 – Integrity Literacy Talk: 'Integriti Dalam Penghijrahan'



28 Oktober 2022 – SLU bersama dengan JIPS Bukit Aman

28 October 2022 – SLU with JIPS Bukit Aman



31 Oktober 2022 – Sesi Town Hall Bersama Dengan Pengurusi EAIC

31 October 2022 – Town Hall Session with EAIC's Chairman



7 November 2022 – Lawatan kerja ke Pejabat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

7 November 2022 – Working visit to the Office of the Director General of Public Service



28 hingga 30 November 2022 – Bengkel Pembangunan Pelan Strategik EAIC 2023 hingga 2027

28 to 30 November 2022 – Workshop on EAIC Strategic Plan Development 2023 to 2027



7 Disember 2022 – Kempen E.R.A.T bersama dengan Media Zon Utara
7 December 2022 – E.R.A.T Campaign with the North Zone Media



8 hingga 10 Disember 2022 – Kempen E.R.A.T bersama dengan Masyarakat Zon Utara

8 to 10 December 2022 – E.R.A.T Campaign with the North Zone Community



13 Disember 2022 – Ceramah Celik Integriti: Rejunevasi Diri
13 December 2022 – Integrity Literacy Talk: 'Rejunevasi Diri'



15 Disember 2022 – Mesyuarat Koordinasi EAIC Bil.2/2022 bersama dengan Agensi Penguatkuasaan Seliaan

15 December 2022 – EAIC Coordination Meeting No. 2/2022 with the Supervisory Enforcement Agencies



21 Disember 2022 – Bengkel Cadangan Penambahbaikan Akta 700

21 December 2022 – Workshop on Proposed Improvements to the Act 700

07

PENYATA KEWANGAN
FINANCIAL STATEMENT

PENYATA KEWANGAN

FINANCIAL STATEMENT

Selaras dengan peruntukan Seksyen 46 Akta 700, Kerajaan perlu memperuntukkan dana mencukupi secara tahunan bagi membolehkan EAIC menunaikan fungsinya secara efektif dan berkesan.

In accordance with the provisions of Section 46 of Act 700, the Government needs to allocate sufficient funds annually to enable the EAIC to perform its functions effectively and efficiently.

Bagi tahun 2022, peruntukan perbelanjaan mengurus EAIC yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan (MOF) adalah berjumlah RM7,025,000.00. Prestasi perbelanjaan EAIC pada tahun 2022 berdasarkan kepada peruntukan yang diluluskan oleh MOF, adalah sebanyak 112% (Perbelanjaan Sebenar 2022: RM7,854,530.00).

For the year 2022, the allocation of EAIC's operating expenses that has been approved by the Ministry of Finance (MOF) amounts to RM7,025,000.00. EAIC's expenditure performance in 2022 based on the allocation approved by MOF, is as much as 112% (Actual Expenditure 2022: RM7,854,530.00).

Peruntukan mengurus tahun 2022 berkurang sebanyak 1.46% atau RM104,300.00 berbanding tahun 2021. Peruntukan yang disalurkan ini bertujuan untuk menampung perbelanjaan mengurus EAIC.

The operating allocation for 2022 is reduced by 1.46% or RM104,300.00 compared to 2021. This allocated allocation is intended to cover EAIC's operating expenses.

Perbelanjaan sebenar bagi tahun 2022 meningkat sebanyak 13.6% atau RM938,078.00 berbanding tahun 2021 (2022: RM7,854,530.00; 2021: RM6,916,452.00). EAIC pada tahun 2022 telah mengoptimumkan perbelanjaan secara menyeluruh melalui penyusunan dan penilaian semula program/aktiviti mengikut keutamaan yang memberi impak berdasarkan misi, visi dan objektif EAIC sepanjang tahun 2022. Selain itu juga, terdapat perbelanjaan yang melibatkan program dan aktiviti baharu, pengiklanan, bayaran dalam kemajuan dan perolehan harta modal yang telah

dilaksanakan pada tahun 2022. EAIC turut memfokuskan kepada perbelanjaan yang komited dan berdasarkan keperluan semasa, kontrak yang telah dimeterai dan perbelanjaan yang amat diperlukan bagi memastikan perjalanan operasi tidak terjejas sebagaimana yang telah termaktub dalam Akta 700.

The actual expenditure for the year 2022 increased by 13.6% or RM938,078.00 compared to the year 2021 (2022: RM7,854,530.00; 2021: RM6,916,452.00). EAIC in 2022 has optimized expenses as a whole through the organization and re-evaluation of programs/activities according to priorities that have an impact based on EAIC's mission, vision and objectives throughout 2022. In addition, there are expenses involving new programs and activities, advertising, payments in progress and the acquisition of capital assets that have been implemented in 2022. EAIC also focuses on committed expenses and based on current needs, contracts that have been signed and expenses that are absolutely necessary to ensure that the course of operations is not affected as stipulated in Act 700.

Peruntukan belanja mengurus 2022 disalurkan bagi setiap suku tahun adalah seperti yang berikut:

The 2022 operating expenditure allocation distributed for each quarter is as follows:

Jadual 20: Peruntukan Geran Yang Diterima Tahun 2022

Table 20: Allocation of Grants Received in 2022

BIL BIL	TEMPOH PENYALURAN PERUNTUKAN <i>PERIOD DISTRIBUTION OF PROVISIONS</i>	TARIKH TERIMA PERUNTUKAN <i>DATE RECEIVED ALLOTMENT</i>	JUMLAH (RM) <i>DATE RECEIVED ALLOTMENT</i>
1	Suku Tahun Pertama <i>First Quarter</i>	10.01.2022	1,756,250.00
	(Januari-Mac)		
2	Suku Tahun Kedua <i>Second Quarter</i>	25.03.2022	1,756,250.00
	(April-Jun)		
3	Suku Tahun Ketiga <i>Third Quarter</i>	24.08.2022	1,756,250.00
	(Julai-September)		

BIL BIL	TEMPOH PENYALURAN PERUNTUKAN <i>PERIOD DISTRIBUTION OF PROVISIONS</i>	TARIKH TERIMA PERUNTUKAN <i>DATE RECEIVED ALLOTMENT</i>	JUMLAH (RM) <i>DATE RECEIVED ALLOTMENT</i>
4	Suku Tahun Keempat <i>Fourth Quarter</i> (Oktober-Disember)	27.10.2022	1,756,250.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM) <i>GRAND TOTAL (RM)</i>			7,025,000.00

Selain geran Kerajaan sebanyak RM7,025,000.00, EAIC turut memperoleh RM91,887.00 daripada sumber pendapatan lain yang merangkumi faedah simpanan tetap, faedah daripada akaun semasa, *Liquidated Ascertained Damages (LAD)* dan bayaran balik pelbagai.

In addition to the Government grant of RM7,025,000.00, EAIC also obtained RM91,887.00 from other sources of income which include interest on fixed deposits, interest from current accounts, Liquidated Ascertained Damages (LAD) and various refunds.

Perbelanjaan EAIC Bagi Tahun 2022 secara keseluruhannya adalah seperti yang berikut:

EAIC's expenses for the year 2022 as a whole are as follows:

Jadual 21: Perbelanjaan Tahun 2022
Table 21: Expenditure in 2022

BIL BIL	PERBELANJAAN <i>EXPENSES</i>	JUMLAH TOTAL <i>(RM)</i>	PERATUS PERBELANJAAN <i>PERCENT OF EXPENDITURE</i> %
1	Emolumen <i>Emoluments</i>	5,236,902.00	66.70
2	Perkhidmatan dan Bekalan <i>Services and Supplies</i>	2,175,870.00	27.70

BIL BIL	PERBELANJAAN <i>EXPENSES</i>	JUMLAH <i>TOTAL</i> (RM)	PERATUS <i>PERCENT OF EXPENDITURE</i> %
3	Aset <i>Assets</i>	400,814.00	5.10
4	Perbelanjaan Lain <i>Other expenses</i>	40,944.00	0.50
JUMLAH KESELURUHAN <i>OVERALL TOTAL</i>		7,854.530.00	100

Perbelanjaan keseluruhan pada tahun 2022 berjumlah RM7,854.530.00 yang meliputi emolumen pegawai dan kakitangan, elaun tetap Pengerusi dan Pesuruhjaya, tuntutan perjalanan, utiliti,sewaan, bekalan dan perkhidmatan, aset dan perbelanjaan lain.

The total expenditure in 2022 amounts to RM7,854.530.00 which covers emoluments of officers and staff, fixed allowances of the Chairman and Commissioner, travel claims, utilities, rent, supplies and services, assets and other expenses.

Perbelanjaan bagi emolumen yang merangkumi gaji, elaun, bantuan kewangan dan sumbangan berkanun tahun 2022 berjumlah RM5,236,902.00, meningkat sebanyak 1.37% berbanding tahun sebelumnya (2021: RM5,166,183.00). Peningkatan ini disebabkan kenaikan gaji tahunan pegawai dan kakitangan EAIC.

Expenses for emoluments which include salaries, allowances, financial assistance and statutory contributions in 2022 amounted to RM5,236,902.00, an increase of 1.37% compared to the previous year (2021: RM5,166,183.00). This increase is due to the annual salary increase of EAIC officers and staff.

Perbelanjaan perkhidmatan penginapan dan kemudahan meningkat secara drastik iaitu sebanyak 230% (2022: RM359,074.00; 2021: RM108,732.00) dan tuntutan perjalanan kakitangan juga turut meningkat sebanyak 221% (2022: RM120,513.00; 2021: RM37,559.00).

Accommodation and facilities service expenses increased drastically by 230% (2022: RM359,074.00; 2021: RM108,732.00) and staff travel claims also increased by 221% (2022: RM120,513.00; 2021: RM37,559.00).

Peningkatan yang amat ketara ini disebabkan EAIC telah menjalankan Kempen E.R.A.T (Encouraging, Responsibility, Accountability and Trustworthy) di peringkat Zon Pantai Timur dan Utara bersama dengan masyarakat yang merupakan kempen kesedaran dan pendidikan masyarakat berhubung usaha EAIC selaku badan pengawasan integriti untuk meningkatkan kepekaan serta keprihatinan rakyat terhadap isu-isu berkaitan salah laku dan penyalahgunaan kuasa khususnya dalam kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan.

This very significant increase is due to EAIC having carried out the E.R.A.T (Encouraging, Responsibility, Accountability and Trustworthy) Campaign at the level of the East and North Coast Zones together with the community which is a community awareness and education campaign regarding EAIC's efforts as an integrity monitoring body to increase the sensitivity and concern of the people against issues related to misconduct and abuse of power, especially amongst law enforcement officers and enforcement agencies.

Selain itu, EAIC juga telah menjalankan Sesi Libat Urus (SLU) yang meliputi seluruh negeri iaitu di Zon Pantai Barat, Pantai Timur, Selatan, Utara, Sabah dan Sarawak. SLU bertujuan untuk mengeratkan hubungan kerjasama EAIC dan PDRM serta mengadakan perbincangan bersama mengenai isu-isu yang melibatkan EAIC dan PDRM.

In addition, EAIC has also conducted Business Engagement Sessions (SLU) covering the entire state in the West Coast, East Coast, South, North, Sabah and Sarawak Zones. SLU aims to strengthen cooperation between EAIC and PDRM and hold joint discussions on issues involving EAIC and PDRM.

Mesyuarat Koordinasi secara berkala bersama Ketua Agensi Penguatkuasaan turut diadakan pada tahun 2022. Objektif utama mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan pengukuhan mekanisme terbaik bagi membanteras salah laku pegawai penguat kuasa bersama dengan agensi penguatkuasan seliaa. Selain itu dapat memupuk jalinan kerjasama dan komitmen daripada pengurusan tertinggi agensi penguatkuasaan seliaan mengenai usaha pemantapan dan pemerkasaan integriti.

Regular Coordination Meeting with the Head of the Enforcement Agency as well held in 2022. The main objective of this meeting is to discuss the strengthening of the best mechanism to combat the misconduct of law enforcement officers together with regulatory enforcement agencies. In addition to being able to foster cooperation and commitment from the top management of the supervisory enforcement agency regarding the strengthening and empowerment of integrity.

Perbelanjaan ini juga merangkumi bayaran makan dan minum serta kemudahan lain dengan menggunakan perkhidmatan katering dan perhotelan bagi mesyuarat, program rasmi dan kursus EAIC.

These expenses also include food and drink fees and other facilities by using catering and hospitality services for meetings, official programs and EAIC courses.

Perbelanjaan pengiklanan turut mencatat peningkatan, iaitu sebanyak 372% (2022:RM132,970.00; 2021:RM28,185.00). Peningkatan disebabkan pada tahun 2022 EAIC telah menjalankan kerjasama dengan agensi swasta di bawah konsensi Kerajaan menerusi pengiklanan paparan luar di lebuh raya utama Maju Expressway (MEX) yang menampilkan pesanan untuk bertindak (Call to Action) berhubung saluran aduan EAIC kepada masyarakat. Selain itu, EAIC juga telah mempromosikan hebahan info mengenai saluran aduan salah laku penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan kepada orang awam menerusi pengiklanan di Radio Hot FM di frekuensi 97.6Mhz dan secara atas talian bagi memastikan maklumat dapat disampaikan dengan lebih meluas kepada seluruh masyarakat di negara ini.

Advertising expenses also recorded an increase, which is 372% (2022: RM132,970.00; 2021: RM28,185.00). The increase is due to the fact that in 2022 EAIC has collaborated with private agencies under the Government's concession through outdoor display advertising on the main Maju Expressway (MEX) featuring a call to action (Call to Action) regarding EAIC's complaint channel to the community. In addition, EAIC has also promoted the dissemination of information about the complaint channels of enforcement misconduct and enforcement agencies to the public through advertising on Radio Hot FM at the frequency of 97.6Mhz and online to ensure that information can be delivered more widely to the entire community in this country.

Perbelanjaan am juga telah meningkat sebanyak 45% (2022:RM118,236.00; 2021:RM81,326.00). Peningkatan ini disebabkan oleh bayaran berperingkat bagi Perkhidmatan Pembangunan Penilaian Tahap Keselamatan/Security Posture Assessment (SPA) Bagi Sistem Perakaunan Standard Bagi Agensi Kerajaan (SAGA) di Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) yang telah dijalankan pada tahun 2022.

General expenses have also increased by 45% (2022: RM118,236.00; 2021: RM81,326.00). This increase is due to the phased payment for the Security Posture Assessment (SPA) Development Service for the Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA) at the Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC) which was carried out in 2022.

Perbelanjaan bagi sewaan turut menunjukkan peningkatan sebanyak 118% (2022:RM222,491.00; 2021:RM101,988.00) berikutan penyewaan perkakasan dan perisian ICT.

Rental expenses also showed an increase of 118% (2022: RM222,491.00; 2021: RM101,988.00) following the rental of ICT hardware and software.

Prestasi perbelanjaan EAIC pada tahun 2022 adalah 112% daripada jumlah peruntukan yang telah disalurkan. Lebihan perbelanjaan EAIC sebanyak RM829,530.00 atau 12% telah menggunakan

lebihan terkumpul sedia ada. EAIC telah mengoptimumkan perbelanjaan secara menyeluruh melalui penyusunan dan penilaian semula program/aktiviti mengikut keutamaan yang memberi impak berdasarkan misi, visi dan objektif EAIC sepanjang tahun 2022.

EAIC's expenditure performance in 2022 is 112% of the total allocated allocation. EAIC's surplus expenditure of RM829,530.00 or 12% has used the existing accumulated surplus to cover the operation of EAIC throughout the year 2022. Overall, EAIC has optimized expenditure comprehensively through the organization and re-evaluation of programs/activities according to priorities that have an impact based on mission, vision and EAIC objectives throughout the year 2022.

Berdasarkan Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Kewangan 31 Disember 2022, dengan jumlah pendapatan sebanyak RM7,116,887.00 dan perbelanjaan RM7,769,460.00 serta cukai pendapatan RM11,276.00 yang telah dibayar pada tahun 2022, EAIC memperoleh kurangan sebanyak RM663,849.00 berbanding tahun sebelumnya memperolehi lebihan (2021: RM376,539.00).

Based on the Financial Performance Statement for the Financial Year 31 December 2022, with total income of RM7,116,887.00 and expenses of RM7,769,460.00 as well as income tax of RM11,276.00 that has been paid in 2022, EAIC obtained a deficit of RM663,849.00 compared to the previous year obtaining a surplus (2021: RM376,539.00).

Kedudukan kewangan pada tahun 2022 berada di landasan yang baik berdasarkan nisbah kewangan semasa (37:1). EAIC mempunyai aset cair yang mencukupi untuk mengendalikan pengoperasiannya serta mampu membayar obligasi kewangan sedia ada.

The financial position in 2022 is on a good track based on the current financial ratio (37:1). EAIC has sufficient liquid assets to operate its operations and is able to pay its existing financial obligations.

ANALISA PRESTASI KEWANGAN EAIC 2018 HINGGA 2022
ANALYSIS OF EAIC FINANCIAL PERFORMANCE 2018 TO 2022


PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER <i>INCOME STATEMENT FOR THE YEAR END DECEMBER 31</i>	2022	2021	2020	2019	2018
	RM	RM	RM	RM	RM
PENDAPATAN <i>INCOME</i>					
Geran Kerajaan <i>Government Grants</i>	7,025,000	7,129,300	6,944,100	6,944,100	8,024,700
PENDAPATAN LAIN <i>OTHER INCOME</i>					
Faedah Diterima <i>Dividend Received</i>	83.333	80,729	11,387	77,418	52,041
Pendapatan kendalian yang lain <i>Other operating income</i>	8,554	80	1,343	6,146	1,289
JUMLAH PENDAPATAN <i>TOTAL INCOME</i>	7,116,887	7,210,109	6,956,830	7,027,664	8,078,630
BELANJA OPERASI <i>OPERATING EXPENSES</i>					
Kos Kakitangan <i>Staff Costs</i>	5,146,408	5,066,264	4,402,515	4,656,668	4,494,562
Pentadbiran dan Pengurusan <i>Administration and Management</i>	2,409,563	1,687,453	1,104,404	1,719,843	2,156,877
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan <i>Depreciation of Property, Plant and Equipment</i>	212,345	59,533	49,547	138,632	289,565

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER <i>INCOME STATEMENT FOR THE YEAR END DECEMBER 31</i>	2022	2021	2020	2019	2018
	RM	RM	RM	RM	RM
Kos Kewangan <i>Financial Costs</i>	1,144	1,120	1,140	1,266	1,230
JUMLAH PERBELANJAAN <i>TOTAL EXPENDITURE</i>	7,769,460	6,814,370	5,557,606	6,516,409	6,942,234
CUKAI <i>TAX</i>	11,276	19,200	12,255	78,971	33,310
LEBIHAN/ (KURANGAN) TAHUN SEMASA <i>SURPLUS/ (LACK) OF THE CURRENT YEAR</i>	(663,849)	376,539	1,386,969	432,284	1,103,086
ASET <i>ASSET</i>					
Hartanah, Loji dan Peralatan <i>Property, Plant and Equipment</i>	280,650	62,751	90,313	108,560	237,292
Aset Tak Ketara <i>Intangible Assets</i>	304,796	463,780	-	-	-
Kerja Dalam Kemajuan <i>Work In Progress</i>	128,856	-	286,200	95,400	-
ASET SEMASA <i>CURRENT ASSETS</i>	5,384,420	6,056,214	5,809,947	4,546,328	4,078,791
Pembayaran Terdahulu <i>Advance Payment</i>	8,500	8,500	8,500	8,500	107,966
Tunai dan Baki <i>Bank Cash and Bank Balance</i>	1,375,920	2,047,714	1,801,447	4,537,828	970,825


PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER <i>INCOME STATEMENT FOR THE YEAR END DECEMBER 31</i>	2022	2021	2020	2019	2018
	RM	RM	RM	RM	RM
Simpanan Tetap <i>Fixed deposits</i>	4,000,000	4,000,000	4,000,000	-	3,000,000
LIABILITI SEMASA <i>CURRENT LIABILITIES</i>	145,031	44,528	91,077	46,623	47,073
Pelbagai pemutang dan akruan <i>Miscellaneous payables and accruals</i>	145,031	44,528	91,077	46,623	47,073
LIABILITI BUKAN SEMASA <i>NON-CURRENT LIABILITIES</i>	207,043	127,823	61,425	56,676	54,300
Peruntukan Manfaat Pekerja <i>Provision of Employee Benefits</i>	207,043	127,823	61,425	56,676	54,300
ASET SEMASA BERSIH <i>NET CURRENT ASSETS</i>	5,032,346	5,883,963	5,657,445	4,443,029	3,977,418
ASET SEMASA BERSIH <i>NET CURRENT ASSETS</i>	5,746,648	6,410,497	6,033,958	4,646,989	4,214,710
DIBIAYAI OLEH: <i>FUNDED BY:</i>					
Lebihan Terkumpul <i>Accumulated Surplus</i>	5,746,648	6,410,497	6,033,958	4,646,989	4,214,740
	5,746,648	6,410,497	6,033,958	4,646,989	4,214,740

NISBAH KEWANGAN FINANCIAL RATIO		2022	2021	2020	2019	2018
(a)	Nisbah Semasa <i>Current Ratio</i>	37.13	136.32	63.79	97.51	86.65
(b)	Nisbah Tunai <i>Cash Ratio</i>	37.07	136.12	63.70	97.33	84.35
(c)	Nisbah Operasi <i>Operating Ratio</i>	1.09	0.95	0.80	0.94	0.86
(d)	Pusing Ganti Aset Tetap <i>Fixed Asset Turnover</i>	25.36	114.89	77.03	64.74	34.05
(e)	Pusing Ganti Aset <i>Asset Turnover</i>	1.26	1.18	1.18	1.51	1.87


GERAN KERAJAAN **GOVERNMENT GRANT**



LEBIHAN / (KURANGAN) SURPLUS / (DEFICIT)



PERBELANJAAN OPERASI OPERATIONS EXPENDITURES





08

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
AUDITOR GENERAL'S CERTIFICATE

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

AUDITOR GENERAL'S CERTIFICATE



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUSAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuksaan. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuksaan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Bajet Tahunan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 25.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuksaan pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuksaan 2009 [Akta 700]. Pesuruhjaya juga bertangungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuksaan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuksaan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

1 / 4

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Pesuruhjaya, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuksaan bertangungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuksaan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pesuruhjaya Terhadap Penyata Kewangan

Pesuruhjaya berlangungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuksaan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuksaan 2009 [Akta 700]. Pesuruhjaya juga bertangungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuksaan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuksaan, Pesuruhjaya bertangungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuksaan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendahulunya jika berkaitan serta menggunakanannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuksaan secara keseluruhan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

2 / 4

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuksaan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, kelinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuksaan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan dengan Pesuruhjaya;
